

Membawa Domba Kecil Kepada Sang Gembala

(Kempen Penginjilan Dan Bimbingan Kanak-Kanak)

Oleh Evelyn Tan Hwee Yong



Upstream Publishing



“Demikian juga Bapamu yang ada di syurga tidak menghendaki supaya seorangpun daripada anak-anak ini hilang” (Matius 18:14).



Upstream Publishing

Membawa Domba Kecil Kepada Sang Gembala
Hakcipta@Tan Hwee Yong 2012



Diterbit oleh Upstream Publishing
C703 Block C
Exclusive Condo Perdana,
PJU 8/1 Damansara Perdana,
47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam bentuk apa jua sebarang bentuk atau cara sama ada elektronik, salinfoto, rakaman, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Tan Hwee Yong di Upstream Publishing.

Pencetak: Akitiara Sdn Bhd 1 & 2 Jalan Tpp 1/3 Taman Industri Puchong Batu 12

Pereka Buku: Kee Hup Thong

ISBN: 978-967-11065-0-1

Isi Kandungan

Prakata

Bab 1	Membawa Domba-Domba Kecil Kepada Sang Gembala	7
Bab 2	Apa Itu Khabar Baik (Injil)?	19
Bab 3	Mak! Kenapa Kupu-Kupu Berwarna-warni?	32
Bab 4	Kaedah Klasik-Buku Tanpa Perkataan	60
Bab 5	Cik Torak	75
Bab 6	Kaedah Cerita	83
Bab 7	Penggunaan Objek	97
Bab 8	Kaedah-Kaedah Lain Yang Kreatif	107
Bab 9	Merangkai Injil Dalam Pelajaran-Pelajaran Alkitab	118
Bab 10	Bimbingan Selanjutnya	130
Bab 11	Pemuridan	139
Bab 12	Tinggal Dalam Yesus	158
Bab 13	Bimbingan Membaca Alkitab	178
Bab 14	Bimbingan Masa Depan	192
Bab 15	Ide Tambahan	202
Bibliografi		214

Pra kata

Burung-burung merpati suka membina sarang-sarang di pulau yang berjauhan dari hutan kerana sang monyet berminat mengganggu anak-anak burung. "Legalah hatiku, kini anak-anak kesayanganku jauh dari sang monyet yang nakal," kata burung induk merpati itu. Burung merpati ini berterbang gembira untuk mencari ulat bagi sarapan anak-anaknya. Sekembali burung merpati pengsan kerana semua anaknya sudah dicuri! Sang tikus hitam yang mahir memanjat pokok-pokok meragut anak-anak burung dengan tangkas dalam sekelip mata saja.

Ibu bapa dan guru-guru semakin menyedari kepentingan membimbing anak-anak mereka kepada Tuhan. Bayangkan diri anda sebagai burung merpati, tentu menyelamatkan anak-anak anda menjadi misi utama. Pastikan sarang dan anak-anak anda selamat dalam Tuhan Yesus, di luar jangkauan sang monyet dan sang tikus hitam. Kita perlu memastikan anak-anak kita mengenal penyelamatan dalam Tuhan Yesus; menjalin perhubungan hidup bersama Allah. Pengajaran penyelamatan dan bimbingan pertumbuhan rohani yang alang-alang tidak dapat lagi menangkis tikus-tikus hitam.

Bunga raya dan bunga tasbih Borneo bergoyang-goyang ceria bergantung kepada burung madu yang berparuh panjang untuk berpollinasi iaitu proses pembiakan pohon bunga dengan penaburan serbuk bunga. Namun burung lain yang nakal yang bergelar "sunbird" (burung mentari) merampas nektar (madu) dengan menyedut nektar sehabis-habisnya daripada tangkainya sehingga proses pollinasi tidak terjadi. Bimbingan awal khususnya aspek kerohanian tidak boleh diserahkan kepada mereka yang tidak mengenal Tuhan Yesus kerana semua madu akan disedut. Kesuburan tanah akan ditaburi lalang. Pastikan anak-anak anda berpaut kepada Tuhan Yesus Kristus dan landasan teguh diletakkan sejak kecil. Membawa domba-domba kecil anda kepada Sang Gembala sangat penting di tengah-tengah ancaman indoktrinasi yang lain.

Guru-guru perlu mengajar dengan penuh kasih serta selalu memastikan penyedutan madu tidak terjadi pada tangkainya oleh burung-burung agresif. "Melihat orang banyak itu, tergeraklah hati Yesus oleh belas kasihan kepada mereka, kerana mereka lelah dan terlantar seperti domba yang tidak bergembala" (Matius 9:36). Buku "Membawa Domba Kecil Kepada Sang Gembala" menyiapkan banyak contoh praktis yang siap digunakan oleh guru-guru dan ibu bapa untuk membawa anak-anak kecil mengenal Sang Gembala dan memberi bimbingan yang selanjutnya. Banyak contoh ajaran dan kaedah penginjilan yang kreatif diberikan demi menolong anda mengajar.

Evelyn Tan Hwee Yong

1


Membawa Domba-Domba Kecil Kepada Sang Gembala



Suffer The Children To Come Unto me-Simeoney

Kasih Tuhan Yesus terhadap kanak-kanak begitu hangat. Dia menyambut mereka dengan mesra, memeluk dan memberkati domba-domba kecil yang mengerumuni-Nya sewaktu Dia pergi dari kampung ke kampung. Tuhan Yesus melarang para murid-Nya mengusir domba-domba kecil ini daripada-Nya kerana Dia mengetahui betapa berharga mereka kepada Bapa Syurgawi.

Jari kecil yang memegang tangan-Nya mungkin berbisul-bisul dan hidung mereka mungkin berhingusan hitam, tetapi ini tidak dijadikan-Nya alasan tidak mendatangkan berkat dalam kehidupan mereka. Ingat, "Lalu Dia memeluk anak-anak itu dan sambil meletakkan tangan-Nya atas mereka Dia memberkati mereka" (Markus 10:16).



Dalam perumpamaan domba sesat, sang gembala mengambil berat akan seekor domba kecil yang sesat. Walaupun dia ada sembilan puluh sembilan domba yang lain, dia tetap merentasi hutan tebal, menaiki bukit terjal dan turun ke jurang curam demi mencari seekor domba yang sesat. Dengan tanpa makna yang terselindung, Dia berkata, "Demikian juga Bapamu yang di syurga tidak menghendaki supaya seorangpun daripada anak-anak ini hilang" (Matius 18:12-14).

Bagaimana Ini Boleh Terjadi?

Bayangkan seorang anak kecil berjalan bersama-sama seorang kaunselor dewasa ke mazbah untuk menerima Tuhan Yesus. Kaunselor ini tidak menganggap dia terlalu penting kerana dia hanya manusia mini atau domba kecil. Kaunselor ini hanya terbeban membimbing domba dewasa untuk menerima Tuhan Yesus. Domba kecil ini pulang menangis-nangis dan kecewa. Apakah yang akan dikatakan Tuhan Yesus? Tuhan Yesus berkata, "Tetapi barangsiapa menyesatkan salah satu daripada anak kecil ini yang percaya kepada-


Ku, lebih baik baginya jika sebuah batu kilangan diikatkan pada lehernya lalu dia ditenggelamkan ke dalam laut" (Matius 18:6). Lupakah kita bahawa Tuhan Yesus pernah berkata, "Dan barangsiapa menyambut seorang anak seperti ini dalam nama-Ku, dia menyambut Aku" (Matius 18:5). Tuhan Yesus dengan jelas mengingat murid-murid-Nya, "Demikian juga Bapamu yang di syurga tidak menghendaki supaya seorangpun daripada anak-anak ini hilang" (Matius 18:14).

Tuhan Yesus, Juruselamat kita, mementingkan domba-domba kecil di tengah-tengah kita. Pengharapan-Nya ialah setiap anak kecil yang menjadi orang dewasa akan berkata "...padahal hambamu ini dari sejak kecil takut akan TUHAN" (1 Raja-Raja 18:12). Kita patut berimpian anak-anak kita suatu hari nanti akan memuji Tuhan seraya berkata, "Sebab Engkaulah harapanku, ya Tuhan, kepercayaanku sejak masa muda, ya ALLAH" (Mazmur 71:5).

Tanah Misi Yang Subur

Sewaktu kita ingin mendapat tuaian padi yang kaya, kita mesti memastikan


Kenapa Domba-Domba Kecil?




kesuburan tanah. Nasi dan kopi kawasan Tenom di Malaysia Timur sungguh harum kerana tanahnya subur. "Wah! Harumnya!" ujar saya sewaktu ibu Liong menyaji nasi kepada saya sewaktu berpesta. Penginjilan kanak-kanak sungguh penting kerana kanak-kanak bagai tanah subur.

George B. Eager seorang penginjil kanak-kanak dan remaja berkata, "Kanak-kanak mempunyai kelebihan atas orang dewasa kerana mereka "kanak-kanak kecil." Hati mereka lebih terbuka, sikap mereka lebih jujur dan ikhlas. Hati mereka lebih lembut. Apabila anda menjelaskan dosa mereka kepada mereka, mereka terharu dan dengan mudah mereka mengakui dosa mereka."

1 (Eager,, 1979. Mailbox Club)



Christ and the Children oleh Hansen



David Livingstone misionari terkenal berkata, "Urusan kita ialah mengajar kanak-kanak mengenai dosa dan Juruselamat tanpa mengetahui pada umur apakah mereka akan menerima Kristus. Roh Kudus, pada waktu yang tepat akan meyakinkan mereka akan dosa. Kalau Dia boleh meyakinkan mereka akan dosa pada umur apa pun, mengapakah kita tidak bekerjasama dengan-Nya? Justru pada waktu inilah, kita mengambil berat dan berminat terhadap mereka. Seseorang anak sudah matang menerima Kristus kalau dia mampu menyadari bahawa dia berdosa terhadap Tuhan dan sesat tanpa Kristus."

R.A. Torrey penulis tentang doa berkata, "Membimbing seorang anak kepada Kristus dari umur lima hingga ke sepuluh tahun untuk penerimaan yang khusus adalah hal yang paling mudah di dunia...Semakin muda seseorang anak yang anda bimbing kepada Kristus, semakin lebih mudah dan memuaskan."

Sam Doherty berkata, "Alkitab mengajar kita bahawa kalau kita mahu masuk ke dalam Kerajaan Syurga, kita harus menjadi seperti seorang anak. Seorang anak mempunyai kelebihan kerana dia belum banyak tercemar seperti orang dewasa oleh kekejaman ketidakpercayaan; dan tanah hatinya tempat baik untuk benih yakni firman Allah dan mereka tidak sekeras dan sedegil orang dewasa." ₂ (Doherty 1986, 87)

Kanak-kanak dijadikan Tuhan Yesus sebagai teladan kehebatan yang tulen dan benar dalam Matius 18:1-5, Markus 9:33-37, dan Lukas 9:46-48. Sikap Yesus terhadap kanak-kanak membuktikan bahawa Dia mempercayai kanak-kanak tidak boleh dianggap terlalu kecil untuk memahami kebenaran kerajaan Allah. Justru, mereka mampu memahami kebenaran tanpa ragu-ragu.

"Ketika murid-murid bertanya siapakah yang terhebat dalam kerajaan syurga, Yesus memanggil seorang anak untuk datang kepada-Nya. Penerimaan akan




Yesus dan kerelaan seorang anak untuk berpaling daripada dosa merupakan satu syarat penting memasuki syurga. Menjadi seperti kanak-kanak kecil menyatakan dua perkara penting: kanak-kanak sangat penting dalam kerajaan Tuhan, dan iman seorang dewasa mesti mempunyai ciri kesederhanaan seperti seorang anak. Kanak-kanak tidak diharapkan mengikut contoh kepercayaan orang dewasa sebaliknya orang dewasa harus memeluk kesederhanaan dalam kepercayaan mereka. Walaupun Alkitab tidak menjelaskan kaedah penginjilan kanak-kanak, tetapi ia menegaskan keberhargaan seorang anak. Kita diingatkan bahawa setiap rujukan kepada kanak-kanak menambahkan pemahaman kita terhadap berita injil. Berita injil disediakan bagi semua manusia, kaya atau miskin, besar atau kecil, orang dewasa atau kanak-kanak. Dengan demikian, Yesus berkata, "Bukanlah kehendak Bapamu di syurga kalau salah satu kanak-kanak kecil ini binasa" (Matthew 18:14).³ (Hayes 1975, 155)

Novel "The Little Prince" yang ditulis oleh Antoine de Saint menceritakan kesederhanaan dan kepolosan anak kecil. Putera kecil, dia melukiskan seekor ular Boa yang sedang menelan seekor gajah. Ketika dia menunjukkan gambar ini kepada orang dewasa, mereka berdebat setengah mati bahawa itu gambar sebuah topi walaupun Antoine menjelaskan bahawa itu ular menelan gajah. Dia diminta untuk menggambarkannya ulang kali. Demikian juga, khabar baik atau injil tidak pernah terlalu sulit bagi seorang anak kecil kerana dia tidak melihat sesuatu dari kanca rumit. Sebaliknya, orang dewasa berdebat tentang karya Tuhan Yesus kerana mereka melihat dari kanca yang berbelit-belit.

Jangka Hidup Yang Lebih Lama

Dwight Moody memberi nilai tinggi kepada penyelamatan seorang anak kecil. Jangka hidup mereka yang lebih panjang memberi kita lebih banyak kesempatan untuk menolong mereka bertumbuh dalam Tuhan dan mengalami kasih-Nya sepanjang hidup mereka.

Pernah dikatakan setelah satu kebaktian di suatu tempat penginjilan, pastor Moody pernah ditanya, "Rev. Moody, adakah sesiapa bertaubat pada malam ini?" Penginjil hebat ini berkata, "Ya, tiga setengah." Kawannya berkata, "Tiga orang dewasa dan seorang anak." Moody menjelaskannya "Bukan, tiga anak dan seorang dewasa." Moody menjelaskan bahawa seorang dewasa hanya mempunyai setengah hidup untuk hidup bagi Yesus, tetapi kanak-kanak mempunyai seluruh hidup untuk mengenal berkat-Nya dan melayani kehendak-Nya."⁴ (Hayford 2002, 110)



Seorang pengkaji tersohor George Barna membuat satu kajian untuk memastikan bilakah umur seseorang anak akan mengundang Tuhan Yesus sebagai Juruselamat. Hasilnya mengatakan anak-anak antara lima hingga dua belas tahun mudah menerima Kristus. Dia mendapati kalau orang tidak menerima Yesus Kristus sebelum waktu ini kemungkinan besar bagi mereka untuk menerima Yesus Kristus sebagai Juruselamat sungguh tipis.⁵ (Barna 2003, 33)

Diciptakan Dalam Imej Tuhan


Kita harus menghargai setiap anak sebagai hasil ciptaan yang unik. "Berfirmanlah Allah: "Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambar dan rupa Kita, supaya mereka berusaha atas ikan-ikan di laut dan atas seluruh bumi dan atas segala binatang melata yang merayap di bumi" (Kejadian 1:26). Diciptakan dalam imej Tuhan berarti kita diciptakan tanpa dosa dan mampu menghayati kehadiran Tuhan. Persahabatan kita bersama Tuhan intim dan kita tidak takut akan kehadiran-Nya.

Sejak kejatuhan Adam dan Hawa, manusia sudah tercemar dosa dan terpisah daripada Allah. Kanak-kanak yang tercemar dosa juga memerlukan karya penyelamatan Kristus. Mereka memerlukan kasih karunia Allah, "Tetapi Allah yang kaya dengan rahmat, oleh kerana kasih-Nya yang besar, yang dilimpahkan-Nya kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama dengan Kristus, sekalipun kita telah mati oleh kesalahan-kesalahan kita-oleh kasih karunia kamu diselamatkan" (Efesus 2:4-5).

Kanak-Kanak Juga Pendosa

Seorang anak seperti seorang dewasa juga pendosa. Pemazmur berkata, "Sebab aku sendiri sedar akan pelanggaranku, aku sentiasa bergumul dengan dosaku... Sesungguhnya, dalam kesalahan aku diperanakkan dalam dosa aku dikandung ibuku" (Mazmur 51:5). Pentasiran yang sederhana ialah ibu saya juga pendosa dan aku dilahirkan dalam dosa juga. Raja Daud menjelaskan kepada kita bahawa dia dilahirkan dalam keadaan dosa dalam rahim ibunya.

"Sejak lahir orang-orang fasik telah menyimpang, sejak dari kandungan pendusta-pendusta telah sesat. Bisa mereka serupa bisa ular, mereka seperti ular



tedung tulis yang menutup telinganya, yang tidak mendengarkan suara tukang-tukang serapah atau suara pembaca mantera yang pandai" (Mazmur 58:4-6).

Bayangkan, kita ibarat ular beracun dan ular kobra tuli yang tidak akan mendengar tegurannya sejak lahir. Apabila Adam berdosa dalam Taman Eden, dia mencemari seluruh umat manusia, "Sebab itu, sama seperti dosa telah masuk ke dalam dunia oleh satu orang, dan oleh dosa itu juga maut, demikianlah maut itu telah menjalar kepada semua orang, kerana semua orang telah berbuat dosa" (Roma 5:12). Ibarat telur sesangkak. Pecah sebiji, pecah semua.

Kanak-Kanak Memerlukan Tuhan


Kanak-kanak seperti orang dewasa bergantung kepada Allah untuk segala selok belok kehidupan secara jasmani mahupun rohani. Sewaktu Rasul Paulus berkhutbah kepada penduduk Atena, dia berkata, "Sebab di dalam Dia kita hidup, kita bergerak seperti yang juga dikatakan oleh pujangga-punjanggamu: Sebab kita ini daripada keturunan Allah juga" (Kisah Para Rasul 17:28).

Kanak-kanak juga bergantung pada anugerah dan kasih Tuhan untuk memulakan kehidupan rohani mereka. "Tidak ada seorangpun yang dapat datang kepadaKu, jikalau dia tidak ditarik oleh Bapa yang mengutus Aku, dan dia akan Kubangkitkan pada akhir zaman" (Yohanes 6:44). Ibu bapa dan guru-guru boleh digunakan oleh Bapa Syurgawi untuk menolong mereka memulakan kehidupan rohani mereka.

Sebahagian Rancangan Tuhan

Jadi, perlukah tawaran penyelamatan Tuhan Yesus disampaikan pada umur yang begitu muda? Bolehkah kanak-kanak diselamatkan? Alkitab berkata, "Sesungguhnya Aku berkata kepada kamu, kecuali kamu bertaubat dan menjadi seperti kanak-kanak, kamu tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga" (Matius 18:3). "Seorang anak tidak perlu menjadi seperti seorang dewasa untuk diselamatkan; sebaliknya seorang dewasa perlu menjadi seperti seorang anak untuk diselamatkan."⁶ (Smith 1995, 14)

Penginjilan kanak-kanak menjadi pusat tumpuan dalam hati Allah. Pelan Allah selalu menjangkau ke masa yang panjang. Apabila



kanak-kanak diselamatkan, mereka akan bertumbuh dan mereka akan mengajarnya kepada anak-anak mereka, dan kepada generasi berikutnya. "Ceritakanlah tentang itu kepada anak-anakmu, dan biarlah anak-anakmu menceritakannya kepada anak-anak mereka, dan anak-anak mereka kepada angkatan yang kemudian" (Yoel 1:3).

Hanya Satu Jalan Penyelamatan


Kanak-kanak diselamatkan dengan cara yang sama seperti orang dewasa. Alkitab tidak membentangkan dua cara penyelamatan. Kesempatan untuk penyelamatan dan penerimaan Tuhan Yesus akan disia-siakan jikalau guru-guru hanya mengajar kanak-kanak, "Yesus menyayangi saya kerana Alkitab mengatakan demikian." Banyak anak mampu memahami penyelamatan melalui anugerah dan iman pada umur yang kecil. Berita penyelamatan yang disampaikan kepada orang dewasa harus juga disampaikan kepada anak-anak kecil. "Sebab kerana kasih karunia kamu diselamatkan oleh iman; itu bukan hasil usahamu tetapi pemberian Allah" (Efesus 2:8).

Kita yakin artikel yang keempat dalam "Perjanjian Lausanne" juga tertuju kepada kanak-kanak. Penginjilan ialah pengkabaran Juruselamat yang wujud dalam sejarah dan yang bersifat Alkitabiah. Ia bertujuan memujuk orang untuk datang kepada-Nya secara peribadi dan diperdamaikan dengan Allah."

Kita perlu menyampaikan injil kepada domba-domba kecil dengan sungguh-sungguh kerana mereka juga sesat seperti orang dewasa.

"Para lelaki dan wanita sesat sebelum mereka menerima penyelamatan dalam Yesus. Kita mesti menginjili dengan sungguh-sungguh. Manusia di luar Kristus sesat (Lukas 15), mati dalam dosa, (Efesus 2:1), diikat dosa (Roma 3:9), dan di bawah penghukuman (Yohanes 3:18). Immanuel Kant pernah mengumumkan bahawa David Hume adalah seorang skeptik yang telah membangunnya dari kelenaan. Tentu orang skeptikal tinggal dalam ketakutan tanpa pengharapan; kenyataan ini harus membangunkan kita daripada keselesaan kita." (Reid 1998, Pg xi).

Kita harus mengambil kesempatan indah untuk menyampaikan injil kepada seorang anak ketika jiwanya masih lembut. Kalau mahu melentur aur biarlah dari rebungunya. Jangan tangguhkan kesempatan menyampaikan injil sehingga anak-anak kita sudah menjadi rotan yang keras.



Sambutlah Domba Kecil

Sewaktu saya sedang berjalan di satu lorong di Beijing, Negara China, tiba-tiba seorang anak kecil muncul dari lorong kecil itu dengan anjingnya. Anak kecil yang berhingusan hitam ini sungguh ramah. Dia segera bersembang-sembang dengan saya. Setelah itu, dia memegang tangan saya untuk melihat kucingnya sambil menceritakan binatang-binatang kesayangannya. Selepas itu, saya mengundang dia ke sebuah kedai buku Kristian dan membelinya sebuah buku tentang tiga pokok. Saya mengajaknya membaca lalu menceritakan injil kepadanya melalui cerita ini.

Sambutlah seorang anak biarpun tangannya berbisul-bisul atau hidungnya kotor dengan hingusan. Sambutan anda dapat mengubah jalan kehidupannya hanya jika anda rela seperti Yesus yang menyambut setiap anak. Seperti Tuhan Yesus, biarlah kita selalu menyedari kehadiran domba-domba kecil yang penting dan tidak mengabaikan kesempatan berharga.


Cerita Tiga Pokok (Cerita Ini Boleh Digunakan Untuk Penginjilan Kanak-Kanak)

Pada zaman dahulu, di atas sebuah bukit bertumbuhlah tiga pokok kecil yang berdaun hijau muda. Pokok-pokok ini sedang berbincang tentang cita-cita dan impian masa depan mereka. Ketiga-tiganya berimpian tinggi untuk masa depan mereka.

"Saya ingin menjadi kotak yang menyimpan semua harta mahal seperti emas dan permata. Kotak ini akan diukir dengan ukiran yang luarbiasa indahny sehingga semua orang akan berseru 'amboi cantiknya' apabila melihat saya" kata pokok pertama sambil tersenyum-senyum.

"Kalau saya pula, saya mahu menjadi kapal yang hebat dan kuat. Saya akan membawa raja dan permaisuri ke seluruh dunia. Mereka akan merasa terlindung di tengah-tengah lautan kerana kekuatanku," kata pokok kedua.

"Saya mahu menjadi pokok yang tertinggi sehingga apabila orang melihat



saya, mereka akan teringat kepada Penciptanya," kata pokok ketiga sambil mengangkat cabangnya.


Setelah berdoa bertahun-tahun untuk impian mereka, cita-cita mereka hampir tercapai. Datanglah seorang pemotong kayu. Setelah melihat pokok pertama, dia berkata, "Ini pokok tahan lasak. Saya akan menebangnya dan memberinya kepada seorang tukang kayu. Pokok pertama begitu gembira kerana ia menduga ia akan dijadikan kotak indah.

Datanglah seorang pemotong kayu lagi. Dia melihat pokok kedua lalu berkata, "Pokok ini kuat, biar aku menebangnya dan memberinya kepada pembuat kapal." Pokok kedua tersenyum lebar dan cabangnya berjoget-joget.

Datanglah pokok ketiga. Pokok ketiga sedih kerana kalau ia ditebang ini bererti mimpinya terhancur. Walau bagaimanapun pokok ketiga ini ditebang walaupun pemotong kayu tidak menyebut tujuannya.

Ketiga-tiga pokok ini mengeluh kerana impian mereka tidak tercapai. Pokok pertama diukir menjadi kotak untuk memberi makanan kepada binatang dan diletakkan dalam kandang. Pokok kedua menangis-nangis kerana ia hanya dijadikan sebuah perahu nelayan yang kecil. Pokok ketiga merasa kecewa kerana ia terlempar seperti papan sahaja tanpa nilai harga.


Beberapa tahun berlalu, pada suatu malam istimewa, malaikat-malaikat mengumumkan bahawa Anak Allah akan lahir di Betlehem. Bayi istimewa ini akan tertidur tenang di kotak makan buatan pokok pertama, yang menjadi palung istimewa bagi Raja Syurgawi. Raja-raja dan gembala akan datang menyembah bayi yang baru dilahirkan. Bayi ini bukan bayi biasa tetapi Tuhan Yesus yang dijanjikan oleh semua nabi sejak zaman dahulu dan dilahirkan oleh seorang dara. Tuhan menjadi manusia. "Lalu mereka cepat-cepat berangkat dan menjumpai Maria dan Yusuf dan bayi itu, yang sedang berbaring di dalam palungan" (Lukas 2:16). Pokok pertama ini menitis airmata kegembiraan kerana







ia diberikan kehormatan menjadi palung bagi Pencipta langit dan bumi. Pokok kedua tidak sedar bahawa ia sedang mengangkut Raja atas segala raja. Ombak hampir menenggelamkannya tetapi Tuhan Yesus menghardik angin badai yang segera reda. Peristiwa yang luarbiasa tercatat dalam Alkitab. Tuhan Yesus banyak melakukan mukjizat yang tidak dapat dilakukan manusia. Hanya Pencipta yang Maha Kuasa dapat mengawal keganasan alam.

Pokok yang ketiga merasa sungguh terharu kerana Tuhan Yesus telah dipakukan di atasnya. Di atas kayu salib istimewa ini, Tuhan Yesus menghapuskan dosa manusia. Setiap titisan darah mengalir membasahi kayu salibnya begitu berharga dan mengharukan hatinya. Pokok ketiga begitu menghargai pengorbanan Tuhan Yesus kerana semua anak tidak dapat menyelamatkan diri dengan kebaikan sendiri. "Sebab kerana kasih karunia kamu diselamatkan oleh iman; itu bukan hasil usahamu, tetapi pemberian Allah" (Efesus 2:8).

Dosa saya dan dosa adik-adik memerlukan pengorbanan. Tuhan Yesus, Raja atas segala raja yang rela datang menjadi manusia dan tinggal di kalangan manusia yang berdosa. Dia melakukan banyak mukjizat yang membuktikan Dia Tuhan. Dia sempurna dan tidak pernah berdosa. "Kita sekalian sesat seperti domba, masing-masing kita mengambil jalan sendiri, tetapi TUHAN telah menimpakan kepada-Nya kejahatan kita sekalian" (Yesaya 53:6). Tuhan Yesus bangkit pada hari ketiga. Sesiapa yang menerima pengampunan Tuhan Yesus di kayu salib akan diberikan hak menjadi anak-Nya dan juga memiliki kehidupan kekal (Yohanes 3:16).






2

Apakah Itu Khabar Baik (Injil)?



Rasul Paulus dalam Roma 1:16 berkata, "Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil kerana Injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani. Sebab di dalamnya nyata kebenaran Allah, yang bertolak dari iman dan memimpin kepada iman, seperti ada tertulis: "Orang benar akan hidup oleh iman" (Roma 1:16-17).

Khabar Baik adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, termasuk kanak-kanak kecil. Penyelamatan ini hanya didasarkan pada kematian Tuhan Yesus di kayu salib untuk menebuskan dosa kita. Kita diselamatkan kerana iman kita kepada Tuhan Yesus.



Injil ialah Khabar Baik. Khabar baik bukan Allah mengasihi semua orang baik yang melakukan kehendak-Nya. Khabar baik ialah Allah mengasihi semua orang yang berdosa dan yang menjadi musuh-Nya sehingga Dia rela meletakkan nyawa demi dosa mereka. "Akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa" (Roma 5:8).


Rasul Paulus menjelaskan Injil dalam pengertian yang mudah difahami oleh semua orang bahkan kanak-kanak, "Sebab yang sangat penting telah kusampaikan kepadamu, iaitu apa yang telah kuterima sendiri, ialah bahwa Kristus telah mati kerana dosa-dosa kita, sesuai Kitab Suci, bahwa Dia telah dikuburkan, dan bahawa Dia telah menampakkan diri kepada Kefas dan kemudian kepada kedua belas murid-Nya. Sesudah itu Dia menampakkan diri kepada lebih daripada lima ratus saudara sekaligus; kebanyakan daripada mereka masih hidup sampai sekarang, tetapi beberapa di antaranya telah meninggal" (1 Korintus 15:3-6).

Jadi mengajar anak-anak kecil bukan hanya mengajar mereka untuk menjadi baik tetapi mengajar mereka tentang anugerah Allah dalam Yesus Kristus. Kasih dan penghargaan akan anugerah Allah akan membawa kebaikan yang bererti. Fokuslah menolong seorang anak menjalin persahabatan yang hidup dan penghargaan yang mendalam akan karya Kristus.

Kebenaran dalam Kristus

Seorang anak perlu mengetahui kebbaikannya tidak melayakkannya ke syurga, "... dan berada dalam Dia bukan dengan kebenaranku sendiri kerana mentaati hukum Taurat, melainkan dengan kebenaran kerana kepercayaan kepada Kristus, iaitu kebenaran yang Allah anugerahkan berdasarkan kepercayaan" (Filipi 3:9). Satu-satunya kebaikan dan kebenaran kita tidak disebabkan kita menurut semua hukum tetapi hanya kerana kita beriman kepada Yesus Kristus. "Dia yang tidak mengenal dosa telah dibuat-Nya menjadi dosa kerana kita, supaya dalam Dia kita dibenarkan oleh Allah"(2 Kor. 5:21).

Alkitab memberitahu kita bahawa tanpa Kristus, manusia tercemar dan berdosa, "Mereka semua telah menyeleweng, semuanya telah bejat; tidak ada yang berbuat baik, seorang pun tidak" (Mazmur 14:3). Satu-satunya penyelamatan ialah penyelamatan dalam Kristus yang tidak dihasilkan berdasarkan kebaikan



kita melainkan karya Kristus yang sempurna di kayu salib (1 Korintus 1:30; Roma 3:21-28). Alkitab berkata tentang Tuhan, "yang menghendaki supaya semua orang diselamatkan dan memperoleh pengetahuan akan kebenaran" (1 Timotius 2:4). Kerinduan ini termasuk kanak-kanak. Kita tidak boleh merahsiakan pengetahuan kebenaran dan kebaikan yang boleh diperoleh daripada Kristus melalui karya-Nya daripada seseorang anak.



Contoh Pengajaran Kebenaran Kepada Kanak-Kanak

Beriman Kepada Yang Sempurna

Persiapan: Dua cawan kertas. Buat satu lubang pada salah satu cawan kertas. Tunjukkan dua cawan kertas Mc. Donald's kepada seorang anak.

Inilah cawan-cawan Mc. Donald's. Seringkali kita minum jus oren atau kopi dengannya. Saya sangat haus sekarang. Biar aku minum air ...oh, oh, cawan ini berlubang. Air saya! Siapakah yang membuat lubang padanya? Biar aku menggunakan cawan lain. Mari kita pastikan cawan ini tidak berlubang.

Adik-adik, kalau kita mahu mempercayai seseorang atau sesuatu barang, kita mesti memastikan barang itu tidak rosak ataupun orang itu boleh dipercayai. Kalau cawannya berlubang atau brek kereta rosak; kita tidak akan memakainya.

Kanak-kanak yang tertentu percaya bahawa oleh kerana mereka berbuat baik kepada guru, kawan-kawan mereka atau keluarga mereka; mereka boleh

ke syurga kerana kebaikan mereka. Mereka belajar dengan baik, menolong ibu membuang sampah tetapi semua kebaikan ini tidak mencukupi syarat. Sebenarnya tidak ada orang yang sempurna, jadi, kebaikan kita sendiri tidak boleh membawa kita ke syurga. Kadangkala kita berfikir sesuatu yang tidak baik atau marah dalam hati kita. Kalau kita melihat dalam hati kita, ia seperti cawan ini, ia berlubang. Lubang dalam hati kita disebabkan oleh dosa kita.


Dosa kita memisahkan kita dari kekudusan Tuhan. "Sebab upah dosa ialah maut; tetapi kasih karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita" (Roma 6:23a). "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengoruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).

Jangan percaya bahawa kebaikan awak sendiri dapat memberi awak kehidupan kekal. Pemberian kehidupan kekal hanya diberikan melalui darah Yesus yang mati di kayu Salib. Darah-Nya menyucikan awak dari semua dosa kita. "Sebab upah dosa ialah maut; tetapi karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita" (Rom 6:21). Ingat kebaikan seorang anak tidak sebaik kekudusan Tuhan.

Tuhan ingin setiap anak menaruh iman kita kepada Anak-Nya. Tuhan Yesus yang tidak berdosa telah mati bagi dosa kita. Tuhan berkata dalam Efesus 2:8-9, "Sebab kerana kasih karunia kamu diselamatkan oleh iman; itu bukan hasil usahamu, tetapi pemberian Allah."

Apakah Yang Perlu Ditekankan Ketika Menyampaikan Injil

Empat perkara perlu diajar kepada seorang anak ketika kita memberitakan Khabar Baik tanpa mengira kaedah yang digunakannya.



1. Mengajar Tentang Sifat Tuhan

Kita mesti mengajar tentang sifat Tuhan dengan teliti ketika menyampaikan Injil. Ajarlah kepada kanak-kanak bahawa Allah kita suci dan adil. Seringkali kita lupa mengajar tentang kekudusan dan keadilan Tuhan kepada kanak-kanak padahal mereka perlu mengenal sifat Tuhan ini sejak kecil.

"Dan mereka (Serafim) berseru seorang kepada seorang, katanya: "Kudus, kudus, kuduslah TUHAN semesta alam, seluruh bumi penuh dengan kemuliaan-Nya!" (Yesaya 6:3). "Tetapi hendaklah kamu menjadi kudus di dalam seluruh hidupmu sama seperti Dia yang kudus, yang telah memanggil kamu, sebab ada tertulis: Kuduslah kamu, sebab Aku kudus" (1 Petrus 1:15-16).


Ketika Petrus melihat Tuhan Yesus, dia menyedari dirinya berdosa, "Ketika Simon melihat hal itu dia pun tersungkur di depan Yesus dan berkata, "Tuhan, pergilah daripadaku, kerana aku ini seorang berdosa" (Lukas 5:8).

Apabila Yesaya melihat kekudusan Tuhan, dia menyedari kekotoran bibirnya, "Celakalah aku! aku binasa! Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun mataku melihat Sang Raja, yakni Tuhan semesta alam" (Yesaya 6:5).

Pendosa tidak dapat datang ke hadirat-Nya atau pergi ke syurga kerana Allah Maha Kudus dan Maha Adil. Dosa mendatangkan penghukuman Allah tetapi Tuhan Yesus Kristus telah menjadi tebusan demi dosa kita. Dalam kekudusan dan keadilan-Nya, Tuhan telah mencurahkan amarah-Nya kepada Anak-Nya.

Berusaha menjelaskannya dengan baik sehingga kanak-kanak memahami kekudusan dan keadilan Allah. Gunakan frasa seperti "Tuhan sungguh berlainan dengan kita, Dia tidak pernah berbuat kesalahan," "semua perkara yang dilakukan-Nya selalunya betul," "semua perbuatan-Nya adil," dan "tidak pernah ada perkataan yang berdosa keluar dari mulut Tuhan Yesus."

Tunjukkan dua keping kertas. Satu keping kertas, putih melepak dan satu lagi bercomot. Beritahu anak-anak bahawa kertas yang putih ini bagai Allah, tidak ada setitik kesalahan pun. Yang bercomot itu seperti kita kerana kita berfikir tidak baik, mempunyai keinginan tidak suci, dan sering berkata-kata yang tidak manis didengar.



2. Mengajar Tentang Dosa

Kanak-kanak perlu diyakini akan keadaan hati manusia yang berdosa dan perlu memahami ertinya dosa. "Betapa liciknya hati, lebih licik daripada segala sesuatu, hatinya sudah membatu; siapakah yang dapat mengetahuinya?" (Yeremia 17:9).

Semua orang berdosa dan tidak ada yang tidak dicemari dosa. "seperti ada tertulis: "Tidak ada yang benar, seorangpun tidak" (Roma 3:10). "Sebab itu, sama seperti dosa telah masuk ke dalam dunia oleh satu orang, dan oleh dosa itu juga maut, demikianlah maut itu telah menjalar kepada semua orang telah berbuat dosa" (Roma 5:12).

Contoh Mengajar Semua Orang Berdosa Secara Praktis:

Ambil dua gelas. Satu gelas diisi dengan air yang bersih dan yang satu gelas lagi, masukkan warna yang hitam kemudian. Jelaskan bahawa pada mulanya, Adam dan Hawa adalah seperti gelas air yang sangat bersih ini. Mereka boleh bersahabat dengan Tuhan yang kudus dan mereka diciptakan seperti kudus. Iblis yang sangat jahat merosakkan perhubungan mereka dengan Tuhan.

Titiskan beberapa titis warna hitam ke dalam air putih. Tengok warna hitamnya mencemari seluruh air. Apabila Adam dan Hawa berdosa, dosa mereka telah mencemari semua manusia di dunia ini, termasuk saya dan awak. Dosa ini mencemari fikiran kita, keinginan kita, tindakan kita dan segalanya. Dosa ini menghalangi kita dari memupuk persahabatan dengan Tuhan. Kita selalu hidup tidak menurut-Nya dan suka memberontak dalam tingkah laku dan perkataan kita...

Dosa ialah ketidaktaatan kepada Tuhan. Adam dan Hawa tidak mendengar perintah Tuhan. "Lalu TUHAN Allah memberi perintah kepada manusia: "Semua pohon dalam taman ini boleh kaumakan buahnya dengan

bebas, tetapi pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat itu, janganlah kau makan buahnya, sebab pada hari engkau memakannya, pastilah engkau mati" (Kej.3: 16-17). Adam dan Hawa mendengar iblis dan memakannya kerana mereka tidak taat kepada Allah.


Dosa juga melanggar sepuluh hukum-penyembahan lembu emas (Kel. 20), dan dosa mencuri-Achan (Yosua 7). "Setiap orang yang berbuat dosa, melanggar juga hukum Allah, sebab dosa ialah pelanggaran hukum Allah" (1 John 3:4).

Dosa mengakibatkan penghukuman dan perpisahan daripada Tuhan selama-lamanya (Rom 1:18). Upah dosa ialah maut. "Dan orang yang berbuat dosa, itu harus mati"(Yehezkiel 18:4). "Sebab upah dosa ialah maut; tetapi karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita" (Rom 6:23).

Contoh mengajar dosa melanggar hukum Tuhan:

Apabila kita terlambat ke kelas, kita memberitahu cikgu, tayar basikal kita bocor kerana tertusuk paku, atau nenek kita sakit dan perlu dibonceng ke hospital. Kita sering berbohong tanpa hormat akan Tuhan. Kita mengambil boneka comel kawan kita dan menyembunyikannya di tempat yang tidak diketahui orang. Kita mencuri barang kalau kita menyukainya dan tidak mampu membelinya. Kita merasa cemburu kalau cikgu memuji-muji kawan kita berpakaian cantik. Kita tidak mengasihi kawan-kawan kita atau anggota keluarga kita, padahal Tuhan menyuruh kita mengasihi sesama bahkan juga musuh kita.

Kadangkala kita sengaja memberontak terhadap ibu bapa kita. Kalau ibu kita menyuruh kita tidur awal dan jangan bermain komputer, kita berpura-pura masuk ke bilik tetapi muncul lagi di depan komputer, dan tidak dapat bangun pada hari esok. Lalu kita terlambat ke sekolah dan berbohong bahawa emak yang terlambat bangun!



Apabila Tuhan Yesus bercakap kepada orang yang berbeza, dia mengarah mereka kepada dosa yang sangat khusus..."Kerana dari hati timbul segala fikiran jahat, pembunuhan, perzinaan, percabulan, pencurian, sumpah palsu dan hujat" (Matius 15:19).

"Apabila seseorang ke doktor dengan penyakit, doktor itu cuba memeriksa punca penyakit itu. Kenapa? Dia ingin memberi ubatnya. Roh Kudus akan memampukan seorang guru mengetahui dosa khusus dalam kehidupan seorang anak supaya anak ini dapat ditolong untuk berubah. Anda tidak diminta membimbing seorang anak untuk merasa kecewa melainkan untuk mencari pengampunan dan pembebasan dalam Kristus. Jangan biarkan seorang anak tinggal dalam rasa bersalah terhadap dosanya tetapi tunjukkan Domba Allah yang menghapuskan dosa dunia ini" (Haaijer 1987, 58)


3. Mengajar Tentang Yesus Sebagai Satu-Satu Jalan Penyelamatan

Ajarlah Tuhan Yesus adalah satu-satunya jalan penyelamatan. Tuhan Yesus yang lahir di kota kecil, berjalan di pantai Galilea, ialah manusia dan Tuhan yang sempurna dan tidak berdosa. Dia selalu taat kepada Bapa-Nya, tidak pernah tersandung atau mengalah sewaktu dicubai oleh iblis. Dia yang sempurna dapat menjadi korban bagi dosa kita sehingga selama-lamanya. "Dia yang tidak mengenal dosa telah dibuat-Nya menjadi dosa kerana kita, supaya dalam Dia kita dibenarkan oleh Allah" (2 Korintus 5:21).

Tuhan Yesus Kristus ialah Tuhan yang dijelmakan menjadi manusia. "Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran" (Yohanes 1: 14).


4. Mengajar Tentang Pertaubatan dan Iman

Pertaubatan ialah membiarkan seorang anak tahu keadaan hatinya yang sebenarnya dan mengalami satu revolusi yang seluruh pada fikiran, hati dan jiwa. Seorang



pendosa berpaling daripada dirinya yang berdosa untuk mempercayai Tuhan Yesus sebagai Juruselamat. Zakhues mengembalikan yang dicuri dan segera hidup baru. "Pertama, terang masuk ke dalam jiwa. Pendosa yang mati (secara rohani) dihidup kembali oleh Roh Kudus dan kini dapat menerima kebenaran. Dia boleh memahami Injil (Khabar Baik). Dalam lain perkataan, Yesus Kristus menjadi Tuhan kepada orang ini. Yesus akan mengajar dia melalui firman-Nya dan Roh-Nya. Dia mengajar dua hal: keadaan sesat seorang pendosa, dan keperluan pendosa akan Kristus. Elemen pertama pertaubatan, pengetahuan yang benar tentang diri sendiri dan juga tentang Yesus Kristus. (2) Kedua, orang tersebut tidak boleh menerima pengetahuan ini tanpa keyakinan akan dosanya, dan keperluan Kristus sebagai Juruselamat...tidak ada seorang dapat dihidup kembali tanpa merasa kesedihan dalam hatinya, dan kasih terhadap Kristus. (3) Yang ketiga, kuasa masuk ke jiwanya. Ketika orang ini melihat keperluannya sendiri, dan Kristus sebagai jawapan keperluan ini, dan dirinya tiada pengharapan tanpa Kristus-maka Injil memerlukan tindakan! Pendosa akan berpaling daripada dosa dan percaya kepada Kristus dalam iman dan bergantung kepada-Nya. Hanya kalau seorang pendosa melakukan demikian, barulah dia benar-benar bertaubat." ⁸. (Williamson 1970,144).

Pertaubatan	Iman
Pendosa menyedari akan keadaannya.	Dia mengetahui apa yang dilakukan oleh Kristus untuk menyelamatkan orang yang berdosa.
Dia bersedih hati kerana mengetahui bahawa dia berdosa.	Dia merasa dalam hatinya satu keperluan untuk Kristus.
Dia berpaling daripada jalan dosa dan maut.	Dia berpaling kepada Kristus dan bergantung kepada penebusan-Nya untuk penyelamatan.
Dia berpaling dari jalan lebar yang menuju ke neraka.	Dia berjalan di jalan yang sempit ke syurga.



Langkah-Langkah Dalam Penginjilan

Bagaimanakah kita menjalankan penginjilan?

Randy Newman dalam bukunya "Questioning Evangelism" berkata, "Kalau Yesus mengajar kita tentang penginjilan, Dia akan menggunakan pelbagai pendekatan. Namun, setiap pendekatan penginjilan harus mempunyai tiga kemahiran. Pendekatan yang paling dasar ialah *mengumumkan* khabar baik termasuk kemampuan menjelaskan mesej penyelamatan secara jelas dan tepat. Penggunaan kaedah seperti Empat Hukum Rohani bukan hanya menolong kita menyampaikan berita dengan jelas tetapi juga menghalangi gangguan jalan fikiran kita. Mengabarkan injil termasuk menyampaikan kesaksian sendiri. Kemahiran yang kedua ialah *mempertahankan* injil. Menduga pertanyaan-pertanyaan umum, merancang penjelasan dengan urutan yang logikal...Kemahiran yang ketiga dipanggil *dialog* mengenai injil, yang biasanya diabaikan, tetapi sungguh penting, kemahiran ini melibatkan memberi dan menerima pertanyaan serta melambung ide ulang alik."⁹ (Newman 2004, 14 & 15).

Dr. Sam Doherty merumuskan empat langkah: *pengumuman*, *penjelasan*, *undangan*, dan *penjelasan semula*. Pada langkah pengumuman seorang guru menyampaikan kebenaran injil yang penting khususnya tentang kematian dan kebangkitan Kristus (1 Korintus 15:3 & 4). Langkah ini difahami dengan jelas dalam rangka berita buruk iaitu dosa kita. Langkah kedua kita berusaha menjelaskan kebenaran injil ini kerana kanak-kanak tidak mempunyai pengetahuan latarbelakangnya. Menurut Sam, kanak-kanak memerlukan pengajaran dan penginjilan. Langkah ketiga berusaha mencabar pendengar untuk *memberi respon* (Kisah Para Rasul 2:38, Kisah Para Rasul 16:31). Langkah terakhir ialah penjelasan kepada seorang pendosa tentang erti mempercayai Tuhan Yesus (Kisah Rasul 3:26; Kisah Para Rasul 14:15; 2 Korintus 5:17, 1 Tesalonika 1:9).¹⁰

Penjelasan menurut kebolehan dan tahap pemahaman seorang anak amat penting. Gunakan perkataan sederhana sungguh penting bagi seorang anak, kerana istilah-istilah dan perbandingan yang biasa digunakan bagi orang dewasa tidak mudah difahami oleh kanak-kanak.

Kita perlu ingat bahawa berdialog itu penting dalam proses penginjilan seperti yang dirumuskan oleh Randy Newman. Hanya dengan berdialog dan

menanyakan soalan, kita dapat menilai tahap pemahaman seorang anak terhadap injil. Janganlah kita hanya menyampaikan penginjilan tanpa memberi kesempatan bagi seorang anak untuk berdialog mahupun mengutarakan pertanyaan mereka.

Penggunaan Alkitab

Seorang anak perlu mengetahui bahawa kita mengambil kebenaran injil yang kita sampaikan daripada Alkitab. Buka Alkitab dan membaca ayat-ayat yang penting dari semasa ke semasa. Ini juga akan menggalakkan seorang anak untuk memulakan perjalanannya membaca Alkitab.

"Ingat, Alkitab akan tetap bersama mereka untuk jangka masa yang lama setelah anda meninggalkan mereka. Pendekatan memakai Alkitab dan mendirikan corak dalam minda mereka mempunyai pengaruh ke atas sikap mereka terhadap Alkitab dan kesetiaan mereka untuk mengambil dan membaca Alkitab." ¹¹ (Smith 1995, 39)

Contoh Mengajar Tentang Penyelamatan


Tuhan Yesus Menyelamatkan Saya

Sahabat kesayangan Kitty, Si Manja, seekor anjing comel yang berbulu warna coklat sedang menikmati angin sepoi-sepoi di kapal yang menuju ke Pulau Langkawi. Si Manja berjalan-jalan di sekitar kapal bersama-sama Kitty yang memakai baju hijau muda dan berbeg arnab comel.. Si Manja juga memakai kalung bel yang membuat ia lebih comel.

Tiba-tiba Si Manja berjalan ke rel. Cebuk! Ia jatuh ke dalam laut.

"Tolong! Tolong!" teriak Kitty sambil berlari ke kapten kapal itu untuk meminta pertolongan.

Kitty yang tercungap-cungap berseru kepada kapten, "Encik, Si Manja,



anjing kesayangan saya telah terjatuh dan perlu diselamatkan dengan segera."

"Ha! Ha! Bagaimana saya boleh menghentikan kapal ini demi seekor anjing?" jawab kapten kapal.

"Jika itu seorang bayi, adakah awak akan menghentikan kapal?" tanya Kitty dengan marah.

"Tentu saja, manusia dan binatang berlainan tahu?" kata kapten.


Dengan segera, Kitty melompat ke dalam air. Kapten itu segera menghentikan kapal dan anak kapal pun menerjun untuk menyelamatkan Kitty dan anjingnya.

Penumpang-penumpang di kapal berasa cemas namun sesetengah penumpang menggeleng-geleng kepala dan berkata, "Bodohnya, dia hampir mati lemas hanya kerana seekor anjing!"

Anak-anak, Tuhan Yesus mengasihi kita seperti Kitty mengasihi anjingnya. Dia rela meninggalkan syurga yang indah untuk datang ke dunia ini untuk kita walaupun kita tidak secomel Si Manja dan sering berbuat salah. Tuhan Yesus tetap ingin menjadi kawan kita. Dia tidak mahu kita menjadi musuh Allah dan hidup terpisah daripada Allah selama-lamanya.

Dia dilahirkan oleh seorang dara, Maria dan membesar tanpa berdosa. Dia tidak pernah berdosa dalam perkataan mahupun tingkah laku. Sewaktu di dunia, Dia melakukan banyak mukjizat, mengampuni orang yang berdosa, dan mengajar manusia untuk saling mengasihi. Kemudian Dia menyerahkan nyawa-Nya demi membayar hutang dosa kita. Dia mati di kayu salib demi dosa kita. Darah-Nya boleh menyucikan dosa kita dan memberi kita hati yang baru.

Jika awak ingin menerima Tuhan Yesus, awak boleh berdoa, "Tuhan Yesus, aku ingin mengucapkan terima kasih kerana Engkau sangat mengasihi



saya. Terima kasih kerana Engkau telah mati di kayu salib demi dosa saya. Ampunilah dosa saya dan jadilah Juruselamat saya. Terima kasih kerana Engkau mengampuni saya dan memberi saya hidup yang kekal. Saya akan mengikut Engkau seumur hidup saya."

Setelah awak menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat awak, awak seperti bayi yang baru lahir. Bayi memerlukan susu untuk membesar, demikian juga, awak memerlukan firman Tuhan (tunjukkan Alkitab). Baca Alkitab setiap hari seperti seorang bayi minum susu setiap hari. Berdoa setiap hari. Berdoa ialah bercakap dengan kawan kita, Tuhan Yesus setiap hari. Kalau kita berbuat sesuatu yang salah, kita meminta pengampunan daripada-Nya dan memohon agar kita akan bertambah lebih indah seperti Tuhan Yesus.



3

Mak! Kenapa Kupu-Kupu Berwarna-warni?



"Mak! Kupu-kupu! Kenapa berwarna warni!"
Anda dan anak anda yang berumur tiga atau empat tahun sedang berjalan-jalan, tiba-tiba dia berhenti dan matanya yang tajam tertarik kepada kupu-kupu kecil yang berwarna warni. Hatinya melonjak dengan gembira. Anak-anak kecil ini sungguh tertarik dengan katak-katak, belalang patung, ikan-ikan di kolam mahupun bebunga.

“Tahukah anda erti menjadi seorang anak? Menjadi anak jauh berbeza daripada manusia dewasa pada hari ini. Ia bererti memiliki semangat yang berbual dari air hidup; ia adalah mempercayai keindahan hidup; ia bererti labu-labu boleh menjadi kereta kuda, yang rendah boleh diangkat menjadi sehingga sangat tinggi dan yang kosong boleh menjadi segala sesuatu...” Francis Thompson.


Naluri ingin tahu dan kemampuan imaginasi yang luarbiasa boleh dijadikan jambatan untuk membawa seorang anak ke alam rohani. Sedihnya, kalau ibu bapa atau guru tidak mengambil perhatian akan naluri ini atau malah merosakkannya dengan kata-kata yang tidak manis.

Pengumuman Tentang Tuhan

Kalau ibu bapa tidak mahu mendengar dan mengambil saat ini sebagai waktu mengajar dengan alamiah, seorang anak akan mengetahui bahawa ibu bapanya tidak terlalu berminat dengan mereka. Ibu bapa dan guru-guru boleh mengumumkan tentang Pencipta kepadanya. Dr. James Dobson berkata, “Anak yang berumur tiga tahun pun mampu belajar bahawa bunga-bunga, burung-burung dan pelangi adalah pemberian daripada tangan Allah.”¹² (Dobson 2001, 248).

Ibu boleh menggunakan saat-saat ketakjuban akan alam untuk mengumumkan tentang Tuhan. Umumkan kepada seorang anak bahawa Allah mencipta pelangi, Allah mencipta bebunga, Allah mencipta katak dan sebagainya. Sewaktu mengajar tentang nama-nama binatang, ibu bapa boleh menyuruh mereka bergerak atau berbunyi seperti binatang itu. Tanyakan pertanyaan yang mudah. Siapa yang mencipta kucing? Bukankah Allah mencipta semua manusia, binatang dan semua yang berada di bumi satu konsep besar? Ibu bapa boleh berkata, “Pencipta langit dan bumi ini sangat mengasihi kamu.”

David Staal mencadang agar kita mengarang empat ayat yang mempunyai empat atau lima perkataan mudah bagi menolong seorang anak memahami kebenaran: “Kepanjangan apakah yang dianggap pendek? Pengalaman bertahun-tahun dalam pelayanan menunjukkan bahawa empat perkataan atau kurang itu boleh dijadikan panduan baik. Ayat-ayat yang dibatasi menurut kepanjangan ini boleh berkomunikasi kebenaran dan kasih Allah secara berkesan. Kemungkinan anak itu dapat mengingat perkataan-perkataannya dan memiliki kemampuan untuk





mengucapkannya kembali. Pertimbangkan ayat empat perkataan ini tentang kebenaran Allah yang boleh difahami oleh anak yang berumur dua atau tiga tahun: Allah membuat binatang-binatang. Allah membuat langit. Allah akan menolong saya. Alkitab adalah benar.”¹³ (Staal 2005, 121).

Anda boleh melihat barang-barang mahupun manusia di sekeliling dan menciptakan ayat yang memuat empat atau lima perkataan lalu mengumumkan satu aspek kebenaran Tuhan.

Contohnya:

1. Allah mengasihi ibu saya.
Allah mengasihi nenek saya.
Allah mengasihi bapa saya.
Allah mengasihi kami semua.
2. Allah mencipta gunung indah.
Dan Allah mencipta pokok-pokok.
Allah mencipta bunga harum.
Yang istimewa, Allah mencipta aku.


3. Aku berdoa ketika aku takut.
Aku percaya Kau Tuhan.
Aku berdoa ketika sedih.
Hanya kepada-Mu aku percaya.
4. Aku berjalan, Tuhan melihat.
Aku melompat, Tuhan menjaga.
Aku duduk, Tuhan di sisiku.
Tuhan selalu bersama aku.

Anda boleh cuba membentuk empat atau lima perkataan dalam empat ayat untuk menolong anak-anak pra-sekolah membentuk konsep tentang Allah.

- a. Allah membuat dunia ini
- b. Allah menjaga
- c. Allah sahabat ketika...
- d. Allah menolong
- e. Allah memberi keluarga
- f. Bercakap kepada Allah
- g. Allah baik kepada saya

Peranan Ibu Bapa

Seorang anak kecil mesti mendapat kesan yang baik tentang Allah sejak saat dia dilahirkan di dunia ini. Setiap gerak geri, sebutan bahkan pandangan cepat ditanggapi oleh seorang anak sejak dilahir. Emosi yang dicurahkan kepada seorang anak akan diresapinya dengan segera. Seorang anak akan mengenal Tuhan daripada ibu bapanya. Ibu bapa melukiskan sifat Tuhan melalui keperibadian mereka. Ibu bapa yang mengambil berat terhadap mereka melambangkan kebaikan Allah. Kalau ibu bapa bergaduh, mereka mesti memastikan anak-anak mereka juga boleh melihat saat-saat mereka mengampuni dan berdamai semula.



Injil atau khabar baik mula dilihat oleh seorang anak dalam diri ibu bapa mereka. Adakah iman mereka hangat? Adakah doa mereka kaku? Adakah mereka hidup dalam damai sejahtera Tuhan? Jelas, agama Kristian bukan peraturan-peraturan sahaja tetapi perhubungan yang hidup bersama Allah yang segera terhidu oleh seorang anak.

Seorang anak akan belajar bahawa Tuhan telah memberi mereka ibu bapa dan keluarga. Tuhan memberi papa mama untuk menjaga mereka. Tuhan mahu saya mengasihi papa mama dan adik-adik saya. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan pemahaman ini. Suasana keluarga yang diwujudkan untuk seorang anak sungguh penting bagi pandangan dan pengalaman awal mereka tentang Tuhan.

Konsep Awal Tentang Allah


Konsep awal yang sihat ialah Allah adalah Bapa kita. Semua perkara dan berkat dalam hidup ini berasal daripada kebaikan Allah iaitu Bapa kita. Kita berkata kepada seorang anak pra-sekolah, "Allah mengasihi kita seperti mama dan papa mengasihi kita," "Allah menjaga kita seperti papa mama menjaga kita." Seorang anak yang mempunyai bapa yang lemah lembut, kuat dan mengasihi-Nya dapat membayangkan sifat Bapa Syurgawi seperti demikian.

"Allah melindungi kita seperti papa dan mama melindungi kita." Seorang anak yang mempunyai ibu bapa salih dengan tidak ragu-ragu mempercayai bahawa Bapa Syurgawinya juga kuat dan selalu melindunginya. Kalau seorang anak tidak dapat mengecam Allah sebagai Bapa yang mengasihinya kerana keretakan rumahtangga; guru mesti menjunjung imej Allah bagi anak yang diajarinya.

Jangan Mengabaikan Kesempatan

Ibu boleh mendekati hati seorang anak kepada Allah dengan berkata, "Allah Bapa memberi epal ini kepada kita." "Allah Bapa memberi kita tasik, gunung-gunung dan bunga-bunga. Bapa Syurgawi membuat Bunga Raya bagi kita. Dia sangat mengasihi kita"

Ketika seorang anak berteriak, "Mak! Kenapa kupu-kupu berwarna-warni?"
Inilah saat mendekati hati seorang anak kepada Bapa Syurgawi. Jawapan



seorang ibu seharusnya, "Allah Bapa mencipta kupu-kupu indah" dan jangan berkata "Itu biasalah." Ajak seorang anak untuk menunduk kepala dan mengucapkan doa yang mudah, "Terima kasih Bapa atas kupu-kupu indah," atau "Aku memuji Engkau atas kupu-kupu ini."

Kesedaran Akan Perbuatan


Dalam umur ini, ibu bapa boleh menolong seorang anak menyedari dan bersikap jujur terhadap perbuatan sendiri. Anak yang berumur empat hingga lima tahun akan menyedari menarik rambut dan menampar adiknya memang tidak betul. Ibu bapa mengajar anak untuk bersikap jujur atas perbuatan mereka dan mengajak mereka untuk berdoa. Janganlah beri pandangan bahawa Allah tidak mengasihi mereka lagi kalau mereka tetap melakukan perbuatannya. Sebaliknya, Allah Bapa mengampuni dan mengasihinya selalu tetapi Dia ingin seorang anak memperbaiki perbuatannya.

Contoh Hidup

Seorang anak melihat teladan kita dengan cepat. Jadi, tidak bergunalah kita membuat alat peraga epal, oren, durian, dan sebagainya untuk melambangkan buah-buah Roh Kudus yang perlu kita miliki tetapi berteriak-teriak sepanjang hari atau mencaci jiran atau pastor kita. Kejujuran dan kebenaran iman tidak dapat dibuktikan dengan gaya kehidupan yang bertentangan ajaran. Gaya kehidupan ibu bapa menjadi alat peraga terbaik dan ini akan diresapi dengan mendalam oleh seorang anak.

Tentang Tuhan Yesus

Untuk seorang anak pra-sekolah, kita menceritakan bahawa Allah Bapa telah memberi Anak-Nya untuk memberitahu kita bahawa Dia sangat mengasihi kita. Tuhan Yesus adalah sahabat kita yang terbaik. Dia pemberian Allah istimewa, Juruselamat. Jelaskan kebaikan Tuhan Yesus dalam aktiviti sehari-harian-Nya sewaktu Dia membesar. Tuhan Yesus menolong bapa dan ibunya dengan pekerjaan sehari-harian mereka.



Pengajaran Tentang Keilahian Tuhan Yesus

Tuhan Yesus ialah Allah mulia yang datang dari syurga dan menjelma sebagai manusia. Dia suci dan istimewa. Konsep yang besar tetapi boleh diajar dengan bahasa dan kesederhanaan untuk menolong seorang anak percaya kepada Tuhan.



The Workshop at Nazareth-Briggs



Tuhan Yesus Memancarkan Keterangan Allah (Kemuliaan Allah) (Matius 16:27)

Tuhan Yesus datang dari syurga. Dia sudah lama tinggal di syurga sebelum Dia datang ke bumi dan dilahirkan sebagai bayi.

Syurga ialah tempat yang penuh dengan terang. Tempat ini sangat terang, suci dan gembira. Tuhan Yesus meninggalkan tempat yang terang, indah dan suci untuk menjadi manusia. Allah memberi Tuhan Yesus sebagai pemberian istimewa dan sahabat kepada kita.

Pada suatu hari Tuhan Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes ke gunung yang tinggi. Di atas gunung itu, Tuhan Yesus berlutut dan berdoa. Murid-muridnya juga berdoa. Tiba-tiba muka Yesus bersinar begitu terang, seterang matahari. Baju-Nya menjadi begitu putih sehingga bersinar.


Dua orang lagi berdiri bersama Tuhan Yesus. Mereka ialah Musa dan Elia. Mereka turun dari syurga untuk bercakap dengan Yesus. Petrus dan Yohanes tidak pernah lihat cahaya yang begitu terang memancar daripada Tuhan Yesus.

Wah! Begitu terang hingga Petrus dan Yohanes ingin tinggal di sana.

Tiba-tiba satu suara lantang didengar oleh mereka, "Inilah Anak yang Aku kasihi. Dengarlah kepada Dia dengan baik-baik." Ini suara Allah Bapa. Tuhan Yesus mendekati mereka dan menyuruh mereka agar tidak takut. Setelah itu Musa dan Elia hilang dan terang itu pun hilang.

Bila Yesus kembali ke dunia, Dia akan datang dengan keterangan yang indah sehingga semua orang boleh lihat.

- Tuhan Yesus datang daripada mana?*
- Mengapa Dia memancar dengan begitu terang?*
- Bilakah kita akan bertemu dengan Tuhan Yesus yang terang benderang?*



Contoh

Mengajar Tuhan Yesus Sebagai Pemberian Indah


Tuhan Yesus Pemberian Indah Dari Syurga

(Tunjukkan anak-anak beberapa hadiah Natal. Dalam satu kotak, letakkan satu kad yang dilekatkan dengan gambar bayi Tuhan Yesus dan di sebelah lagi tulis tiga perkataan memberitahu, percaya, hidup baru. Juga sediakan kad hati hitam, dan hati putih untuk penjelasan)

Sukakah anak-anak menerima hadiah pada hari Natal? Masihkah awak menyimpan hadiah-hadiah itu? Ya, ada hadiah sudah dibuang tetapi ada masih di bilik. Mari saya buka hadiah ini...O...boneka comel, O sebuah buku. Bagaimana pula dengan hadiah istimewa yang dibungkus indah? Pasti hadiahnya sangat istimewa. O...kad...ada bayi Tuhan Yesus, dan dua kad hati.

Anak-anak, bayi Tuhan Yesus adalah bayi istimewa dari syurga. Dia diberikan oleh Allah untuk menjadi sahabat istimewa awak. Tuhan Yesus sangat mengasihi semua anak dan ingin tinggal dalam hati kita. Namun ada sesuatu dalam hati kita yang tidak mahu kita menerima Tuhan Yesus. Ya, dosa. (Anda boleh memperkenalkan konsep dosa secara mudah). Ya, kita pukul orang lain, tarik rambut mereka, merebut gulanya...Dosa adalah seperti kegelapan. Tunjukkan kad hati yang gelap...Kita perlu memberitahu Tuhan (tunjukkan perkataan memberitahu dari kad) mengenai dosa kita, meminta pengampunan (sori, maaf) kerana Tuhan Yesus mati bagi dosa kita. Kita percaya Dia (tunjukkan perkataan percaya) dan pengampunan dosa daripada Tuhan Yesus. Dia akan menjadikan hati kita baru (tunjukkan hidup baru). Hati kita dikuduskan sehingga menjadi bersih (tunjukkan kad hati putih).

Tuhan Yesus ialah hadiah istimewa dari syurga pada hari Natal ini. Awak boleh menerima hadiah ini dengan mengundang Tuhan Yesus untuk tinggal dalam hati awak. Dia akan menjadi hadiah hidup awak selama-lamanya yang tidak boleh dibuang kerana Dia menjadi sahabat selama-lamanya.





Tuhan Yesus Bertambah Besar

Cerita tentang Tuhan Yesus yang semakin bertambah besar juga menjadi sumber ilham bagi seorang anak kecil. Ibu bapa boleh menceritakan tentang Tuhan Yesus yang sangat mencintai firman Tuhan dan pernah berbincang dengan guru-guru dan imam-imam pada waktu itu.



Tuhan Yesus Bertambah Besar (Lukas 2:40-52, 1 Samuel 2:26, Amsal 3:4)

Bayi Yesus semakin bertambah besar dan Alkitab berkata, "Anak itu bertambah Besar dan menjadi kuat, penuh hikmat, dan kasih karunia Allah ada pada-Nya" (Lukas 2:40). Semakin Tuhan Yesus bertambah besar semakin bijak, kuat dan semua orang boleh melihat kebaikan Allah ada pada-Nya.


Pada suatu hari ketika berumur dua belas, Tuhan Yesus bersama ibu bapa mereka pergi ke Yerusalem untuk hari raya Paskah. Mereka berdoa dan juga makan di sana bersama-sama orang lain. Setelah perayaan tamat, mereka berjalan pulang tetapi Tuhan Yesus tanpa diketahui ibu bapanya tinggal di Yerusalem. Semua anggota keluarga dan kawan-kawan akan berjalan beramai-ramai untuk pulang ke kampung halaman. Setelah sehari dalam perjalanan, ibu bapa Tuhan Yesus menyedari Tuhan Yesus tidak mengikut mereka pulang. Mereka cepat-cepat kembali ke Yerusalem untuk mencari Tuhan Yesus.

Setelah tiga hari mencari dengan hati yang cemas, mereka menemukan Tuhan Yesus. Bolehkah anak-anak menduga apa yang dilakukan oleh Tuhan Yesus? Adakah dia sedang main gasing, guli-guli, layang-layang atau mungkin main masak-masak dengan anak lain?


Dia sedang berbincang-bincang dengan guru-guru besar dan bertanya soalan yang sangat cerdik. Semua orang hairan kerana anak yang berumur dua belas sudah begitu pandai berbincang perkara-perkara tentang Allah.

Apabila ibunya bertanya kenapa Tuhan Yesus berbuat demikian, dia berkata Dia suka berada di rumah Bapa-Nya. Tuhan Yesus menurut ibu bapa-Nya dan mengikut mereka pulang ke rumah. Anak-anak, Tuhan Yesus semakin besar, semakin pandai dan bijak. Dia suka berdoa kepada Bapa-Nya dan suka membaca firman Allah.


Bayi Yesus semakin bertambah besar dan Alkitab berkata "Anak itu bertambah Besar dan menjadi kuat, penuh hikmat, dan kasih karunia Allah ada pada-Nya," (Lukas 2:40). Semakin Tuhan Yesus bertambah besar semakin bijak, kuat dan semua orang boleh melihat kebaikan Allah ada pada-Nya.



Pada suatu hari ketika berumur dua belas, Tuhan Yesus bersama ibu bapa mereka pergi ke Yerusalem untuk hari raya Paskah. Mereka berdoa dan juga makan di sana bersama-sama orang lain. Setelah perayaan tamat, mereka berjalan pulang tetapi Tuhan Yesus tanpa diketahui ibu bapanya tinggal di Yerusalem. Semua anggota keluarga dan kawan-kawan akan berjalan beramai-ramai untuk pulang ke kampung halaman. Setelah sehari dalam perjalanan, ibu bapa Tuhan Yesus menyedari Tuhan Yesus tidak mengikut mereka pulang. Mereka cepat-cepat kembali ke Yerusalem untuk mencari Tuhan Yesus.



Setelah tiga hari mencari dengan hati yang cemas, mereka menemukan Tuhan Yesus. Bolehkah anak-anak menduga apa yang dilakukan oleh Tuhan Yesus? Adakah dia sedang main gasing, guli-guli, layang-layang atau mungkin main masak-masak dengan anak lain?



Anak-anak boleh bertambah besar dan bijak dengan berdoa kepada Allah Bapa, Tuhan Yesus dan Roh Kudus, membaca Alkitab, dan juga pergi belajar tentang Tuhan di sekolah minggu mahupun di rumah.



Mengajar Melalui Doa Lantang

Ibu bapa boleh mengajar tentang peribadi Allah kepada anak-anak melalui doa mereka. Contohnya seorang ibu boleh mengajar kepada seorang anak tentang Tuhan Yesus yang Maha Hadir. Berdoa dan mengucapkan syukur atas kehadiran-Nya sepanjang masa, waktu bermain, waktu ke tadika dan waktu tidur. Kalau seorang ibu ingin mengajar anak bahawa Allah segala sumber kebaikan, dia boleh berdoa dan mengucapkan syukur kepada Allah untuk makanan dan ciptaan yang indah secara lantang. Tanyalah seorang anak, "Miriam, apakah yang awak ingin berterima kasih kepada Tuhan?" "Mari kita berterima kasih kepada Tuhan dengan suara yang kuat dan sepenuh hati."

Kadangkala kita berlutut sewaktu berdoa, berdiri dengan tangan terbuka, berduduk dengan merapatkan dua tapak tangan, kepala tertunduk dan mata tertutup. Ibu bapa atau guru-guru menunjukkan kepentingan menghormati kehadiran Tuhan yang suci dengan gerak geri ini supaya seorang anak boleh ikut sambil memainkan lagu-lagu kanak-kanak.

Contoh Mengajar Tentang Doa

Tengok gambar ini, apakah yang perlu Robert berterima kasih kepada Tuhan?

Robert berkata:

Tuhan, terima kasih untuk hari ini.

Terima kasih untuk bintang-bintang.

Terima kasih untuk ibu bapa yang menyayangi kami.

Terima kasih untuk kasih-Mu.

Dalam nama Tuhan Yesus yang dikasihi, kami berdoa.
Kalau bonekanya boleh berdoa, apakah yang akan didoakannya?

Terima kasih untuk setiap hari.

Terima kasih saya dapat bermain dengan Robert.

Terima kasih saya selalu gembira.

Terima kasih saya selalu comel.

Dalam nama Tuhan Yesus kami berdoa.



Contoh Mengajar Tentang Allah Mengasihi Semua Anak-Anak

Allah mengasihi semua anak di dunia.

Anak yang makan epal, apakah warna rambutnya?


Anak yang makan lollipop, apakah warna rambutnya?

Anak yang makan ais krim, apakah warna rambutnya?

Tuhan Yesus mengasihi semua anak ini, Dia mengasihi kamu.

Allah mengasihi kita, Dia memberi Tuhan Yesus menjadi sahabat kita (Yohanes 3:16).

Allah mengasihi kita, Dia memanggil kita anak-Nya (1 Yohanes 3:1).



Contoh Mengajar Tentang Gembala Yang Baik

Ibu bapa dan guru-guru boleh membaca cerita Gembala Baik sambil menyuruh anak-anak menunjukkan pelbagai gerak geri. Apabila saya membaca domba-domba, awak akan berkata "Baaa...", jika saya membaca gembala, pelukkan diri.

Gembala Baik (Matius 18:12-14)

Kerja seorang Gembala () ialah menjaga domba

(). Pada suatu hari seorang Gembala ()

membawa domba-domba-Nya untuk makan rumput dan minum air. Setiap hari dia akan memanggil domba-Nya

() dan domba () akan menjawab "Baaa"

"Domba Comel"Baaa ()

"Domba Coco" ...Baaa ()

"Domba Ron"...Baaa ()

"Domba Ling" ...Baaa ()

Gembala () memanggil sehingga dia puas

semuanya ada 100 domba () kerana dia tahu

dia akan membawa domba-domba ini () keluar.

Mereka keluar. Matahari bersinar terang. Baaa...baaa...
baaa....gembala menjaga mereka dengan baik. Dia
melihat baik-baik agar tidak ada harimau datang.

Setelah puas dengan makanan dan minuman, gembala

() membawa domba-dombanya() pulang.

Gembala() itu memanggil nama setiap domba.

() Dia memastikan semua dombanya masuk ke
dalam kandang. Dia menghitung sampai dia yakin seratus
domba() sudah ikut dia pulang.

“Domba Ron...domba Ron...domba Ron” tidak ada suara

() baa...baa...baa...Gembala () itu cepat-
cepat berlari-lari mencari domba Ron.O...domba Ron

tersangkut dalam semak. Diselamatkannya domba Ron dan
diangkatnya pada bahu supaya pulang dengan selamat.

Alkitab memberitahu kita Tuhan Yesus ialah Gembala yang
baik. Kita semua domba-Nya yang dikasihi.

Dia selalu menjaga kita dan melindungi kita.

Kita adalah seperti domba.

Kita tidak suka ikut jalan Tuhan dan menurut cara sendiri; ini dipanggil dosa. Tuhan Yesus adalah seperti Gembala yang mencari kita. Dia mati di kayu salib untuk dosa kita.

Dia hidup kembali.

Kamu boleh mempercayai Dia dan meminta Dia jadi
Juruselamat.



Contoh Mengajar Tentang Pengampunan

Efesus 4:32

Lihat gambar ini. Seorang budak lelaki mematahkan tangan boneka kawannya. Kawannya sangat marah. Dia akan mematahkan tangan bonekanya. Apakah perasaan kamu kalau seseorang melakukan ini terhadap kamu? Marah, menangis dan mungkin kamu juga mematahkan tangan bonekanya. Kamu mungkin menarik rambutnya.

Tuhan sedih melihat kita buat begitu terhadap kawan kita. Tuhan mahu kita berbuat baik kepada kawan ini. Adakah ini susah atau mudah? Memang susah tetapi Tuhan akan menolong kita.

- a. *Patutkah kedua-dua anak ini bergaduh kerana boneka?*
- b. *Tuhan mahu mereka berbuat baik dan mengampuni seperti Tuhan mengampuni kita.*



Tema-Tema Lain Untuk Pengajaran

Berikut merupakan tema-tema yang boleh diajarkan kepada anak-anak pra-sekolah secara formal atau tidak formal. Ibu bapa mahupun guru-guru kadangkala diberikan situasi tidak formal untuk mendidik seorang anak. Kesempatan mengajar seorang anak pra-sekolah dapat meletakkan landasan untuk membangun kebenaran rohani yang lebih matang daripada tema-tema tertentu yang cukup alamiah.

Keindahan



Ibu bapa dapat menolong seorang anak memahami kehadiran dan keberadaan Allah melalui kekaguman mereka akan keindahan alam. Perhatikan kemampuan mereka untuk mengagumi corak dedaun, kulit siput bahkan bunga yang bermekar pada waktu malam. Mereka tidak seperti orang dewasa yang terburu-buru dan tidak ada waktu untuk memerhatikan semua ini. Keindahan dan kecantikan sering dikagumi oleh seorang anak kecil. Muka ibu yang cantik juga dikagumi seorang anak kecil. Anda boleh memberitahu seorang anak bahawa Tuhan memberi emaknya yang cantik.

Seluruh alam yang indah ini diberikan oleh Allah dan merupakan karya tangan-Nya. Bunga itu pemberian Allah yang sangat mengasihi kita boleh menjadi konsep yang disampaikan kepada seorang anak. Biarlah seorang anak memegang dan menghidu bunga yang indah dan harum. Jelaskan Bapa Syurgawi yang mengasihi kita telah memberinya kepada kita.

Bapa Syurgawi yang mencipta bintang-bintang yang indah juga Bapa yang mengasihi kita dan melindungi kita. Dia yang melindungi bayi yang digendong mamanya. Bapa Syurgawi yang menciptakan keindahan alam juga mencipta buah-buahan, sayur-sayuran dan bijirin bagi kita. Guru-guru atau ibu bapa boleh tunjukkan buah-buahan dan menceritakan kasih Tuhan. Dia memberi kita makanan.

Ajak seorang anak menyentuh bunga, "Betapa indah." "Kita puji Tuhan kerana Dia memberi bunga kepada kita untuk menikmati keindahannya." "Tuhan menunjukkan kasihnya dengan memberi bunga ini kepada kita seperti kita menunjukkan kasih kepada-Nya orang lain dengan memberi bunga ini."

Selain daripada alam nyata, ibu bapa atau guru-guru boleh tunjukkan gambar-gambar yang indah dan mengajar.




Terang




"Mari kita berterima kasih kepada Tuhan untuk matahari. Matahari memberi terang kepada bilik kita dan membuat kita gembira. Matahari mengeringkan baju-baju kita sehingga baju-baju kita menjadi bersih. Bila matahari bersinar terang, kita boleh memburu babi hutan."

Ajak anak memerhatikan bagaimana pohon akan layu tanpa matahari. "Budak-budak kecil yang tidak terdedah kepada matahari pun akan menjadi pucat. Mari berterima kasih kepada Tuhan kerana matahari membuat kita sihat."

Apabila anak itu lebih besar, ibu bapa boleh menggunakan lilin sebagai lambang bahawa Tuhan Yesus ialah terang dunia, di dalam-Nya tidak ada kegelapan atau dosa. Di syurga juga terang dan tidak ada dosa. Allah yang kudus hidup dalam terang. Kita patut berjalan dalam terang kerana Dia adalah terang...




Angin/Udara



Jelaskan bahawa layang-layang melayang tinggi kerana angin. Baju-baju yang tertiuip angin juga ilustrasi yang baik. Bawa belon ke kelas, tiup udara ke dalamnya, dan kemudian melepaskannya. Mereka juga boleh meniup buih-buih. Minta anak-anak menggerakkan tangan mereka bagai dahan-dahan pokok yang tertiuip angin. Ajar mereka menafas ke dalam dan melepaskan nafas.

Jelaskan kepada anak-anak bahawa angin dan udara juga diberikan oleh Allah. Allah yang memberi kita nafas hidup. Mari kita berterima kasih kepada Allah. Kita boleh berterima kasih kepada-Nya untuk hidup dan segala yang hidup kerana udara.



Air

Tunjukkan gambar tasik yang indah, air terjun yang menyegarkan, sungai yang mengalir, air dalam akuarium, anak-anak kecil sedang mandi, seseorang sedang minum.

Kita berterima kasih kepada Allah untuk air. Dengan air, kita boleh memandi dan membersihkan diri daripada kekotoran. Air melegakan kedahagaan kita. Air ini memberi keseronokan kepada keluarga ini yang bermandian di bawah terjun ini. Mari kita berterima kasih kepada Tuhan atas pemberian air yang berharga. Allah memelihara kehidupan di dunia ini dengan air.

Tuhan Yesus berkata Dia adalah air hidup kerana Dia sangat penting bagi kehidupan kita. Firman-Nya dalam Alkitab seperti air untuk jiwa kita merupakan tema yang boleh dikembangkan kemudian.

Tema lain yang boleh dikembangkan dalam pengajaran anda ialah tanah, bintang, bunga, buah-buahan. Anda boleh mengambil gambar-gambar dari buku-buku atau majalah untuk menjadi sumber pengajaran anda. Perasaan ingin tahu seorang anak boleh dijadikan jambatan untuk menjangkau Allah.



Benih-Benih


Kumpulkan pelbagai benih dan bijirin untuk mengajar anak-anak kecil tentang pemeliharaan Allah. Kekayaan pelbagai benih boleh ditunjukkan dengan benih yang nyata mahupun dalam gambar. Beritahu anak-anak bahawa daripada benih inilah tumbuh pelbagai jenis buah-buahan mahupun sayur-sayuran. Bijiran juga boleh digunakan untuk membuat tepung, roti dan minuman. Ajak seorang anak untuk berterima kasih atas pemberian yang begitu kaya daripada Allah. Marilah kita puji Tuhan atas kemurahan-Nya. Mari kita berterima kasih kepada kasih Tuhan yang telah memberi kita benih-benih ini. Biarlah mereka menyentuh benih-benih ini.

Jangan terlepas kesempatan mengajar seorang anak tentang Allah dari kekagumannya akan alam dan juga keinginan untuk mengetahui apa yang terjadi di sekitar mereka. Banyak ciptaan dari alam boleh digunakan oleh ibu bapa dan guru untuk merangkai kebenaran kepada seorang anak.



4

Kaedah Klasik-Buku Tanpa Perkataan



Kanak-kanak meresapi dengan cepat dan memahami dengan cepat melalui visual. Buku tanpa perkataan merupakan alat penginjian yang klasik dan berkesan. Buku tanpa perkataan mudah difahami dan sering digunakan oleh penginji yang berusaha memenangi domba-domba kecil kepada Sang Gembala. Organisasi seperti CEF dan Kampus Krusade juga memakai konsep dalam penginjian kanak-kanak.

Apakah buku tanpa perkataan? Judul buku ini sudah memberitahu kita bahawa buku ini tidak ada tulisan yang ditulis padanya. Ia hanya kad-kad berwarna atau buku kecil berwarna yang digunakan untuk memberi ilustrasi tentang berita penyelamatan. Buku Tanpa Perkataan mempunyai lima mesej. Setiap warna mempunyai satu mesej tentang injil.

Anda boleh membuat satu buku yang mempunyai warna-warna yang digunakan, atau memberi setiap anak satu sampul surat yang mempunyai butang yang mempunyai warna yang digunakan. Anda boleh juga memberi setiap anak satu berus dan mengecat warna pada gambar rajah bulat itu. Mereka akan mengecat warna satu per satu mengikut aturan penjelasan anda. Kemudian mereka boleh menuliskan ayat-ayat Alkitab yang relevan bagi setiap warna.

Warna-warna yang terkandung dalam buku tanpa perkataan:

Warna	Lambang
Emas	Syurga
Hitam	Dosa
Merah	Darah Kristus
Putih	Hati yang bersih
Hijau	Pertumbuhan Kristian

Syurga



Warna emas mengingatkan kita kepada emas, kalung-kalung yang mahal dan berharga. Emas ini mengingatkan kita syurga yang indah, tempat mulia yang terang dengan kemuliaan Allah. Allah tinggal di sini dalam kemuliaan. Takhta Allah sungguh indah dan penuh dengan permata. Berlaksa-laksa malaikat menyembah Allah dan pelangi indah menyelubungi takhta-Nya. Jalan-jalannya dibina daripada emas dan terdapat 12 gerbang indah yang berpermata indah. Inilah tempat indah yang menjadi tempat tinggal Allah. Tuhan Yesus sudah kembali ke syurga dan Dia berjanji membawa kita ke sana pada suatu hari.



Di syurga, kita tidak memerlukan lampu kerana di sini matahari tidak pernah terbenam. "Dan malam tidak akan ada lagi di sana, dan mereka tidak memerlukan cahaya lampu dan cahaya matahari, sebab Tuhan Allah akan menerangi mereka, dan akan memerintah sebagai raja selama-lamanya" (Wahyu 22:5).

Apa yang tidak ada di syurga? Di syurga tidak ada pesakit, ubat, lampu, tempat yang gelap, kubur, hospital dan dosa. Di sana tidak ada penderitaan, penyakit mahupun airmata.

Tuhan Yesus sangat mengasihi kanak-kanak. Dia ingin semua kanak-kanak tinggal bersama Dia di syurga selama-lamanya. Tuhan Yesus tidak kisah bangsa awak, rupa awak, tempat tinggal awak di kampung atau bandar. Dia tetap ingin menyambut anda ke syurga kerana Dia begitu mengasihi awak. Tuhan Yesus ingin banyak anak bersama-Nya di syurga dan Dia akan menyambut setiap anak dengan kasih.

Hitam




Halaman ini melambangkan kegelapan dosa.

Dosa memisahkan kita daripada Allah yang penuh dengan kasih. Dosa menghalangi kita ke syurga yang indah dan kita tidak boleh berada di sisi Allah. Semua anak lelaki dan perempuan sudah berdosa dan terpisah daripada Allah yang penuh kasih. "Kerana semua orang telah berdosa dan telah kehilangan kemuliaan Allah" (Rom 3:23). Semua orang berdosa dan tidak ada satu orang pun boleh berkata, "Saya tidak pernah berdosa." Kalau kita berkata kita tidak berdosa, kita membuat Allah menjadi pembohong. "Jika kita berkata, bahawa kita tidak ada berbuat dosa, maka kita membuat Dia menjadi pendusta dan firman-Nya tidak ada di dalam kita" (1 Yohanes 1:10).

Akibat dosa ialah maut iaitu perpisahan daripada Allah selama-lamanya. Destinasi pendosa ialah tempat yang disiapkan bagi iblis dan pengikut-pengikutnya iaitu neraka, tempat yang berapi-api. "Sebab upah dosa ialah maut; tetapi karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita" (Roma 6:23).

Anak-anak tahu bagaimana dosa datang ke dunia ini? Pada mula-mulanya, Allah menciptakan Adam dan Hawa dan memberi satu taman indah bagi mereka yang dinamakan Taman Eden. Tuhan memberitahu mereka agar jangan makan buah daripada satu pohon. "Lalu TUHAN Allah memberi perintah ini kepada manusia, "Semua pohon dalam taman ini boleh kaumakan buahnya dengan bebas tetapi pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat itu, janganlah kaumakan buahnya, sebab pada hari kau memakannya, pastilah engkau mati" (Kej. 3:16). Namun, Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa dan menjadi sangat takut serta menyembunyikan diri mereka daripada Allah. Sewaktu Allah memanggil mereka, mereka berkata, "Ketika aku mendengar, bahwa ada dalam taman ini, aku menjadi takut, kerana aku telanjang; sebab itu aku bersembunyi" (Kej. 3:10). Persahabatan mereka dengan Tuhan terhalang oleh dosa mereka dan mereka hidup terpisah daripada Allah.

Namun, Allah sangat mengasihi mereka dan ingin mereka menjadi sahabat-Nya, tinggal di syurga dan tidak terpisah daripada-Nya. Dia sangat mengasihi kita dan sanggup memberi Anak-Nya kepada kita. "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).




Jangan menjelaskan dosa secara umum seperti “semua anak lelaki dan perempuan berdosa terhadap Tuhan.” Jelaskan dengan cara yang memampukan seorang anak memahaminya secara khusus. Beri contoh-contoh dan jelaskan dengan terperinci supaya seorang anak memahaminya dengan tepat. “Ingatkah awak sewaktu guru-guru awak keluar dari kelas, awak dan kawan-kawan awak mulai meniru jawapan-jawapan Bahasa Malaysia. Awak mendengar suara Tuhan dengan jelas, “Jangan mencuri” namun demi mendapat A, awak mencuri jawapannya. Guru awak tidak tahu akan hal ini. Awak dan kawan-kawan ketawa gembira.”

Guru boleh menggunakan contoh yang lain, “Jiran awak mendapat seekor anjing comel untuk hari jadinya. Setiap hari, sekembali dari sekolah, dia akan membawa anjingnya berjalan-jalan. Semua jiran begitu suka akan anjingnya dan sering memuji bulu matanya. Awak mempunyai seekor anjing kurus dan biasa-biasa sahaja, mulai tidak menyukai gadis itu kerana bulu mata anjingnya lebih cantik. Perasaan cemburu dan benci muncul dalam hati awak. Tuhan ingin awak bertaubat. Jika awak bertaubat, Juruselamat akan mengampuni kamu dan mengubah hatimu sehingga awak boleh mengucapkan syukur atas anjing orang lain yang lebih comel dan menghargai binatang kesayangan sendiri.

Merah-Darah Kristus

Pada zaman dahulu umat Tuhan menggunakan domba kecil untuk mati bagi dosa mereka, namun itu bukan jawapan yang kekal. Tuhan Yesus datang dan menjadi Domba Allah untuk mengambil dosa dunia kita. Darah-Nya dapat membersihkan kita daripada dosa kita. “Lihatlah, Anak domba Allah yang menghapus dosa dunia” (Yohanes 1:29).

Tuhan Yesus mempunyai kehidupan yang sempurna dan tidak pernah berdosa dalam perkataan mahupun perbuatan-Nya. Dia banyak melakukan mukjizat, dan mengajar dengan istimewa. Namun, Tuhan Yesus disalibkan di kayu salib demi dosa kita di antara dua penyamun (Yohanes 18:28-19:20). Dia menanggung segala dosa atas tubuh-Nya dan darah-Nya ditumpahkan demi dosa kita. Ketika di kayu salib, Tuhan Yesus sangat haus dan dia diberikan minuman anggur dan sesudah meminumnya, dia berkata, “Sudah selesai” (Yohanes 19:30). Dia sudah selesai membayar semua dosa kita dengan nyawa-Nya sendiri.




Apabila kita melihat Tuhan Yesus begitu mengasihi kita sehingga dia rela menderita dan menumpahkan darah-Nya demi dosa kita, adakah kita rela meminta pengampunan dosa kita? Mahukah kita meminta agar Tuhan Yesus menyucikan dosa kita dan berpaling dari dosa kita?

Pada hari ketiga, ketika wanita-wanita pergi ke kubur-Nya, mereka mendapati kubur itu kosong kerana Tuhan Yesus sudah bangkit. Tuhan Yesus tidak mati, Dia bangkit semula dan Dia akan kembali suatu hari.


(Anda boleh membimbing seorang anak dalam doa pada tahap ini khususnya apabila anak itu terharu dengan penyaliban Tuhan Yesus).

Tuhan Yesus sedang berdiri di pintu hatimu dan Dia sedang mengetok pintu hatimu. "Lihat, Aku berdiri di muka pintu dan mengetok; jikalau ada orang yang mendengar suara-Ku dan membukakan pintu, Aku akan masuk mendapatkannya dan Aku makan bersama-sama dengan dia, dan Dia bersama-sama dengan Aku" (Wahyu 3:20). Anak-anak, jika seseorang yang mengasihi kita sedang mengetok pintu rumah kita, adakah anda akan mengundang dia masuk? Tuhan Yesus, mengasihi awak sehingga Dia rela mati bagi dosa awak, adakah awak mahu mengundang Dia ke dalam hatimu?





Putih



Apabila awak meminta Tuhan Yesus mengampuni dosa awak, Tuhan Yesus yang bangkit ingin memulakan perhubungan yang hidup bersama awak. Apabila terang Tuhan Yesus datang ke dalam hati awak segala kegelapan dosa akan awak tinggalkan. Sekalipun dosa kita sangat gelap, kita akan menjadi putih seperti salju atau bulu domba kerana darah Tuhan Yesus menyucikan kita (Yesaya 1:18). Bergembiralah kerana Tuhan memberi awak kuasa menjadi anak-Nya. "Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Allah, iaitu mereka yang percaya dalam nama-Nya" (Yohanes 1:12).

Hijau




Hijau mengingatkan kita akan segala yang bertumbuh, pokok-pokok yang bertumbuh hijau dan besar. Awak mesti bertumbuh dalam persahabatan awak dengan Tuhan dan lebih mengenali Dia setiap hari.

Tunjukkan Alkitab kepada seorang anak, "Alkitab bagai surat-surat cinta daripada Allah. Allah akan bercakap dengan kita melalui ayat-ayat-Nya yang hidup." Berilah kepada setiap anak satu naskah Alkitab.

Untuk bertumbuh segar dan besar seperti pokok ini:

- Baca dan menurut firman-Nya.
- Bercakap kepada Allah seperti seorang kawan setiap hari.
- Beritahu kawan-kawan awak tentang kasih Allah dan hidup berkenan kepada Tuhan sehingga awak boleh menjadi saksi Tuhan yang baik.
- Akuilah dosa kepada Tuhan dan selalu membersihkan hati awak di hadirat Allah supaya awak terus bertumbuh dan semakin menyerupai Tuhan Yesus.
- Ikut Sekolah Minggu dan berdoa dengan kawan-kawan atau guru Kristian.





Tuhan Yesus, saya tahu saya sudah berdosa. Saya menyesal atas dosa saya. Saya tahu dosa saya telah melukai hati-Mu dan menyusahkan orang lain. Saya ingin memiliki hati yang disucikan daripada dosa dan hidup mengasihi Engkau. Terima kasih kerana Engkau begitu mengasihi saya sehingga Engkau rela mati di kayu salib untuk menghapuskan dosa saya. Ampunilah saya dan tinggal dalam hati saya sebagai Juruselamat dan Raja saya. Datanglah Tuhan Yesus, tinggal dalam hati saya. Dalam nama Tuhan Yesus, saya berdoa.

Tuhan mengasihi Awak

Yohanes 3:16

Awak Sudah Berdosa

Roma 3:23

Yesus Mati Bagi Dosa Awak


1 Korintus 15:3-4

Yesus Juruselamat Awak

Kisah Para Rasul 16:31

Bertumbuh Dalam Tuhan

Baca Alkitab, Berdoa




Keputusan Kumpulan Tidak Digalakkan

Guru tidak digalakkan untuk memanggil seluruh kumpulan membuat keputusan bersama untuk menerima Tuhan Yesus kerana seorang anak mungkin mengikut sahaja kawan-kawannya tanpa memahami injil dengan sungguh-sungguh. Kita lebih baik menghadapi setiap anak secara peribadi dan meluangkan waktu berkomunikasi secara peribadi dengan setiap anak. Ini memastikan pemahaman yang lebih jelas dalam minda seorang anak dan memberi dia lebih banyak kesempatan untuk bertanya kalau dia mempunyai pertanyaan.

Seorang guru harus mengelakkan memberi gambaran seakan-akan menerima Kristus begitu mudah sehingga penerimaan mereka tidak ikhlas atau tidak bererti.

Guru tidak perlu tergesa-gesa meminta seorang anak menerima Kristus.

Berikan seorang anak waktu berfikir dan memahami apa ertinya menerima Tuhan Yesus. Guru boleh memberi sesaat sunyi kepada seorang anak untuk mempertimbangkan keperluan menerima pengampunan dosa daripada Tuhan Yesus.



5

Cik Torak



Kampung Hutan Baru

Babak 1



Cik Torak, profesor yang pakar dalam mengkaji burung-burung dan bunga-bunga Borneo mengajar dengan perasaan cemas hari ini. Semakin dia melihat dua bumi yang dijadikan contoh bumi yang sihat dan bumi yang sakit, semakin cemas perasaannya. Bagaimana ni? Hutan semakin pupus. Apakah nasib semua burung di Borneo?

Cik Torak-Burung-burung indah di Borneo semakin pupus. Untuk melindungi burung-burung, kita perlu hutan luas namun banyak hutan sudah digundulkan. Lihat, bumi ini. Bumi ini sihat dan ceria, tempat kesukaan burung. Hutannya sihat dan udaranya segar. Sayang, tempat yang seperti ini semakin jarang di Borneo...Kita perlu berbuat sesuatu.



Puan Bangau (Kingfisher)- Profesor, bagaimana mungkin suku kita tinggal di kebun kepala sawit ya? Kolam ikan pun tidak ada.

Itik Liar-Keluarga besar saya di Sandakan tidak dapat bersiul-siul dengan bebas dan kami dari keturunan arcuata suka bersiul-siul we-wi-wi-wi-whew.



Encik Gallus-Gallus: Di manakah saya boleh berkokok-kokok tanpa perasaan takut menjadi kari ayam?

Cik Torak: Kita mesti berusaha mencari hutan yang belum digundulkan. Misi ini sangat penting. Kita perlu menyelamatkan semua burung dan berpindah ke sana. Kita akan menanam bunga-bunga seperti Raflesia dan tumbuh-tumbuhan seperti periuk kera di perkampungan baru kita.



Cik Lorrikeet: Saya sangat khuatir kerana semakin hari semakin kurang bunga. Suatu hari tentu saya tidak ada madu bunga untuk makanan saya. Bagus kita mesti menanam bunga-bunga.

Cik Cacatua: Kami akan pupus sama sekali kalau mereka terus menghancurkan hutan-hutan ini. Sekarang kami hanya tinggal lima belas burung!



Cik Torak: Saya selalu dibanggakan sebagai burung kebanggaan yang paling cantik di Borneo. Namun, bagaimana ni...jumlah kami semakin kurang hari lepas hari. Saya percaya untuk menyelamatkan diri kita dan generasi berikutnya kita mesti mencari kampung halaman baru dengan segera. Kita perlu hutan alamiah dan yang kaya dengan ciptaan Tuhan.

Encik Rajawali: Cikgu, sewaktu saya berterbang melingkari ke langit, mata saya ternampak satu pulau yang belum dirosakkan. Bolehkah kita semua mengajak semua burung terbang ke sana supaya anak-anak kita terselamat?



Cik Torak: Kita akan membawa pelbagai jenis bunga di Borneo ke sana untuk mempercantik pulau itu. Kita akan ke sana terlebih dahulu dan kemudian mengundang burung-burung dan binatang yang lain ke sana.



Semua burung: Kita boleh! Pelbagai jenis kicauan yang kedengaran ceria dari burung-burung: booh-booh, creww-creww, whooo, kee-keee, kik-kik-kik, kru ark, pi wi, chip-chip-chip, kak-kak, eeahh, pwew-pwew, tok-tok-tok, wee-oo, whiow-whiow-whiow, chweep, hoop-hoop-hoop...

Babak 2

Awal-Awal pagi Cik Lorrikeet, Cik Cacatua, Cik Torak, Cik Bakkamonena, Encik Gallus dan burung-burung lain sudah bersiap berterbang ke pulau. Rombongan ini diketuai oleh Rajawali dan Cik Torak. Mereka berterbangan sepanjang hari dan sudah merasa lelah.



Cik Torak: Kita perlu berhenti untuk berehat dan mencari miniuman sebelum melanjutkan perjalanan.

Encik Buteo-Buteo - Lihat ada terang di sana, nampaknya bulan bercahaya di sana. Mari kita ke sana dan bersingkah di situ. Mereka semua berterbang ke pulau itu tanpa menyedari bahawa itu perangkap. Beberapa penjual binatang-binatang dan burung-burung haram telah memancarkan cahaya untuk menarik perhatian mereka ke dalam perangkap.



Penjahat 1: Bagus! Kita sudah mendapat mereka. Amboinya, cantik burung-burung yang beraneka jenis. Kita akan menjadi kaya kalau kita dapat menjual mereka semua.

Penjahat 2: Ha! Ha! Bodohnya burung-burung ini! Kena tipu! Ha!ha! mereka menduga matahari terbenam atau bulan ke. Mari kita makan burung panggang!



Penjahat 1: Sabar, burung-burung ini bernilai dan kita boleh mendapat banyak duit kalau kita menjualnya.

Jane dan beberapa pengakap yang sedang berjalan di sana, terdengar kicauan burung-burung wi,wi, booh, booh, kak kak, chip, chip, krewwww. Mereka segera menyembunyikan diri dan mencari saat tepat untuk melepaskan semua burung ini. Sewaktu orang-orang jahat ini masuk ke rumah untuk makan, mereka melepaskan semua burung.



Jane: Burung-burung ini mesti tinggal di hutan dan bukan dikurung dalam sangkar, kita mesti menolong mereka!

Jack (Pengakap 2): Cepat! Mereka sedang asyik makan... Kedua-dua pengakap itu melepaskan burung itu dari perangkap dan burung-burung itu segera berterbangan. Penjahat terdengar kepakan sayap, berlari ke luar pondok itu dan cuba menangkap burung-burung itu. Namun, burung-burung itu sempat melepaskan diri dengan cepat.



Penjahat: Hi, kalian balik, jangan biar kami tangkap kalian. Burung-burung itu melanjutkan perjalanan mencari hutan baru bagi masa depan mereka. Mereka sungguh berterima kasih kepada pengakap-pengakap yang menyelamatkan mereka.

Cik Torak: Hai kanak-kanak, harap awak semua suka cerita ini. Cerita ini boleh digunakan untuk menjelaskan tentang penyelamatan oleh Tuhan Yesus. Hutan yang semakin pupus dan tercemar menyebabkan kecemasan di kalangan burung-burung. Mereka perlu mencari sebuah kampung yang belum tercemar untuk masa depan anak-anak mereka.




Demikian juga, Alkitab memberitahu kita bahawa manusia semua tercemar oleh dosa dan berjauhan daripada kemuliaan Allah. Dosa membawa masa depan yang gelap kepada kita. Manusia yang tercemar oleh dosa memerlukan Tuhan Yesus yang tidak berdosa untuk menyelamatkan mereka.

Tuhan Yesus telah meninggalkan semua kemuliaan di syurga dan dilahirkan sebagai seorang bayi. Dia hidup tanpa dosa, melakukan mukjizat, mengajar banyak ajaran yang hebat, dan mati di kayu salib demi dosa kita. Alkitab bersabda bahawa "Sesungguhnya, tangan TUHAN tidak kurang panjang untuk menyelamatkan, dan pendengaran-Nya tidak kurang tajam untuk mendengar; tetapi yang merupakan pemisah ialah segala kejahatanmu, dan yang membuat Dia menyembunyikan diri terhadap kamu, sehingga Dia tidak mendengar, ialah segala dosamu" (Yesaya 58:1,2).

Allah yang sangat mengasihi manusia telah mengutus Anak-Nya yang tunggal untuk menebus dosa dunia ini. "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).

Tuhan Yesus mati di kayu salib, menanggung dosa kita, dan hukuman dosa kita. "Tetapi dia tertikam oleh kerana pemberontakan kita, Dia diremukkan oleh kerana kejahatan kita; ganjaran yang mendatangkan keselamatan bagi kita ditimpakan kepada-Nya, dan oleh bilur-bilur-Nya kita menjadi sembuh" (Yesaya 53:5).

Burung-burung yang tertangkap oleh penjahat-penjahat itu memerlukan Jane and pengakap-pengakap lain untuk membebaskan mereka.



Demikian juga kita juga perlu dibebaskan daripada dosa yang mencemari kita. "Jadi apabila Anak itu memerdekakan kamu, kamupun benar-benar merdeka" (Yohanes 8:36). "Jika kita mengaku dosa, maka Dia adalah setia dan adil, sehingga Dia mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahatan" (1 Yohanes 1:9).

Burung-burung itu kemudian meneruskan perjalanan yang indah untuk mencari kampung di hutan yang baru. Demikian juga, hidup bersama dengan Tuhan Yesus dan memulakan perjalanan hidup yang baru bersama-Nya sungguh indah. Jika awak mahu dibebaskan dari dosa dan menerima Tuhan Yesus, awak boleh berdoa dengan saya.

"Tuhan Yesus yang dikasihi, aku mengucapkan terima kasih kerana Engkau mati di kayu salib untuk dosa aku. Aku percaya Engkau adalah Anak Allah yang bangkit dan mampu mengampuni dosa aku. Tolong basuh dosa aku dan menjadikan aku anak Engkau. Jadi Raja dan Dalam nama Tuhan Yesus aku berdoa."



6 Kaedah cerita


Alkitab memberi contoh cerita-cerita yang mudah disampaikan kepada seorang anak kecil. Matius 18 memberi kita cerita yang mudah difahami oleh seorang anak dengan mudah. Perhatikan jalan fikiran cerita yang digunakan oleh Tuhan Yesus. Guru-guru dan ibu bapa boleh menggunakan cerita ini untuk menyampaikan penyelamatan yang mudah.

Contohnya beberapa persamaan boleh dilihat antara seekor domba sesat dan anak kecil yang sesat dalam dosa.

- a. Seorang anak kecil boleh diibaratkan seperti domba kecil yang Anak Manusia datang untuk selamatkan (Matius 18:10).
- b. Seorang anak kecil juga hilang dan sesat daripada hadirat Allah kerana dosanya (Matius 18:11).
- c. Seorang anak kecil juga kesepian dan kegersangan dalam kehidupan rohani kerana dia tidak ada kehadiran Tuhan dalam hati (Matius 18:12).
- d. Seorang anak kecil juga memerlukan Gembalanya, Tuhan Yesus kerana dosanya memisahkannya daripada Tuhan.

Persamaan Juruselamat dan Gembala:

- a. Juruselamat mengasihi seorang anak kecil seperti gembala mengasihi dombanya yang sesat (Yohanes 10:11-14).
- b. Dia meninggalkan syurga untuk mencari anak yang sesat (Matius 18:12).
- c. Juruselamat menemukan pendosa yakni anak kecil seperti gembala menemukan domba yang sesat (Matius 18:13).
- d. Gembala akan begitu gembira apabila dapat mencari domba sesat, demikian juga malaikat-malaikat begitu gembira apabila seorang anak kecil berkeputusan untuk kembali ke jalan Tuhan dan menurut-Nya.



Beberapa Cerita Yang Lain

Beberapa cerita mudah dapat disampaikan oleh seorang guru mengenai penyelamatan: Nikodemus (Yohanes 3); penjaga penjara Filipi (Kisah Rasul 16); orang yang lumpuh bersama dengan Petrus dan Yohanes (Kisah Para Rasul 3), atau kisah Nuh dalam Perjanjian Lama. Guru-guru boleh menggunakan cerita Alkitabiah untuk menyampaikan pelan penyelamatan kepada murid-muridnya dengan jelas.

Contoh cerita dilahirkan kembali bagi kanak-kanak

Awak Perlu Dilahirkan Kembali

Setiap anak kecil pasti suka merayakan Hari Jadi mereka. Hari Jadi anda adalah hari yang paling bermakna. Ibu bapa awak gembira melihat awak semakin tinggi dan comel. Bayangkan awak pernah sekecil ini. Hari awak dilahirkan nenek awak menangis dalam kegembiraan. Kini, dia ketawa lagi kerana awak semakin tinggi dan comel.

Tuhan Yesus berkata kita mesti dilahirkan kembali. Pada zaman dahulu, seorang lelaki yang bernama Nikodemus datang bertemu dengan Yesus pada waktu malam kerana dia ingin mengenal Allah dan mengetahui cara untuk masuk ke dalam Kerajaan-Nya. Tuhan Yesus berkata kepadanya, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan kembali, dia tidak dapat melihat Kerajaan Allah" (Yohanes 3:3). Nikodemus merasa sungguh hairan dan berkata, "Bagaimanakah seorang dilahirkan, kalau dia sudah tua? Dapatkah dia masuk kembali ke dalam rahim ibunya dan dilahirkan lagi?" (Yohanes 3:4). Tuhan Yesus berkata, "Jika seorang tidak dilahirkan air dan Roh, dia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah" (Yohanes 3:5).

Apakah maksud Nikodemus tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah kalau tidak dilahir dalam air dan Roh Kudus? Apa maksudnya? Kita semua dilahirkan dalam keadaan dosa. Kita memerlukan hati yang baru kalau kita mahu melihat Tuhan dan masuk ke dalam Kerajaan Syurga. Tuhan Yesus telah datang ke dunia ini untuk menghapuskan dosa kita. Dia menebus dosa kita di atas kayu salib. Kita perlu meminta pengampunan daripada-Nya dan membiarkan Dia menyucikan hati kita.

Dosa begitu kuat mengawal hati kita dan kita memerlukan Roh Kudus untuk membuka hati kita dan menolong kita memahami bahawa Tuhan Yesus adalah satu-satu jalan ke Bapa dan syurga. Roh Kudus juga memberi kita hati yang baru dan taat kepada Tuhan. Ayat-ayat Alkitab: Yohanes 3:5, Yohanes 14:6, Kisah Para Rasul 16:31.

Semua anak kecil memerlukan kelahiran kedua iaitu dibersihkan oleh dari agar dapat masuk ke dalam kerajaan Allah. Kita memerlukan Allah untuk menolong kita memahami bahawa Dia satu-satu-Nya jalan ke Bapa dan Syurga. Hari jadi kedua ini akan terjadi kalau kita mengundang Tuhan Yesus untuk masuk ke dalam hati dan membasuh kita dari dosa-dosa kita.



Menghayati Lukisan dan Injil



Der Verlorene Sohn oleh Eugene Burnand

Guru-guru dan ibu bapa boleh menggunakan lukisan seperti anak yang sesat seperti yang diceritakan dalam Lukas 15:11-32.


Tunjukkan lukisan indah berjudul "Der Verlorene Sohn" yang bererti anak yang hilang dan sedih kepada anak anda. Suruh anak-anak melihat lukisan dan menjelaskan bahawa ini lukisan oleh pelukis yang terkenal Swiss, Eugene Burnand.

Bolehkah awak meneka perhubungan dua orang yang sedang berpeluk ini? Ya, seorang bapa sedang memeluk anaknya dengan gembira sekali. Anak ini sudah lama menghilangkan diri dari rumah. Lukisan ini menggambarkan keindahan saat seorang anak yang sudah lama hilang kembali dalam pelukan bapanya. Bapanya sudah lama rindu memeluk anaknya yang sudah lama tidak bertemu. Kehangatan dan kasih bapa telah melindungi tubuh anaknya yang berpakaian compang camping dan lama menderita. Setelah lama merantau dan kelaparan, kini dia kembali ke dalam dakapan hangat bapanya. Ketika anak ini makan makanan babi di tempat kerjanya, dia teringat betapa bapanya mengasihinya.

Anak-anak, kita tidak dapat melihat mukanya namun kita tahu hanya di sisi bapanya, dia dapat menikmati kasih yang sejati. Dia tahu bapanya rela menghapuskan semua kesalahannya dan merangkul dia lagi. Walaupun dia pernah meminta agar diberikan semua wangnya dan pergi daripada rumah mereka, melakukan yang tidak baik, bapanya tetap menerimanya. Hati bapa ini penuh dengan kasih dan dia sungguh gembira sehingga dia merayakan kepulangan anaknya.

Pelukis lukisan ini ingin kita tahu bahawa kasih Tuhan juga begitu besar seperti bapa yang penuh kasih sayang ini. Walaupun kita sering hidup dalam cara sendiri yang tidak betul dan terpisah daripada Tuhan, hati Tuhan tetap merindui kita. Dia mengutus Anak-Nya, Tuhan Yesus untuk mencari kita bahkan untuk meletakkan nyawa sendiri di kayu salib agar semua hutang dosa kita boleh dihapuskan dan persahabatan dengan Allah boleh terjalin akrab semula. Kita tidak perlu tinggal jauh daripada Tuhan dalam kesedihan dan penderitaan.

Dosa membuat kita sedih. Kita akan menerima rotan daripada guru-guru mahupun ibu bapa kalau kita nakal dan membiar dosa mengganggu kehidupan kita. Walaupun kita sering berjalan menurut dosa dan keinginan sendiri, Allah tetap mengasihi kita seperti seorang bapa dan akan mengampuni segala dosa kita dan menjadikan kita anak-Nya (Yohanes 1:12, Wahyu 3:20). Kita kembali ke hadirat-Nya yang hangat dan penuh kasih sayang serta menjadi anak-Nya.



Kita memulakan perjalanan baru yang akrab bersama dengan Allah Bapa, Anak dan Roh Kudus.

Kita perlu kembali ke dakapan Bapa Syurgawi yang hangat dengan kasih dan meminta pengampunan daripada dosa. Kita berterima kasih kerana Tuhan Yesus mati di atas kayu salib untuk dosa kita. Allah sudi menerima kembali sebagai anak-Nya. Dia merindui anak-Nya yang sesat dan ingin anak-Nya hidup baru.

Cerita Penyelamatan


Berikut sebuah cerita rekaan yang menggambarkan penyelamatan dalam Tuhan Yesus.

Dua budak lelaki, Yahya dan Leonard sedang bermain tolak menolak berdekatan perigi mandi. Di kampung mereka ada tiga perigi: satu untuk mandi, satu mencuci pakaian, dan satu untuk mandi. Setiap petang mereka akan bermandi di sana tetapi hari ini satu kemalangan terjadi. Leonard terpelosok dan jatuh ke dalam perigi itu. Yahya berusaha menyelamatkannya tetapi perigi itu terlalu licin.

Yahya dan Leonard menangis untuk meminta pertolongan, tetapi adakah sesiapa yang mendengar suaranya? Ya, seorang lelaki dewasa berlari ke perigi itu, dan melemparkan tali seraya menarik Leonard yang hampir mati lemas ke tempat yang selamat. Dia diselamatkan dari air yang hampir melemaskan dia.

Demikian juga dosa dalam kehidupan kita. Dosa menjauhkan kita daripada Tuhan dan kita berada dalam bahaya terpisah daripada Tuhan. Dosa begitu kuat sehingga kita tidak dapat menyelamatkan diri.

Demikian juga, kita memerlukan seseorang untuk menyelamatkan kita daripada dosa. Hanya ada satu orang sahaja yang dapat menyelamatkan kita-Tuhan Yesus. Dia akan melepaskan kita dari dosa kita. Alkitab berkata, "Sebab, barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan akan diselamatkan" (Rom 10:13). Dia akan menyelamatkan kita daripada penghukuman yang kita patut terima.




(Anda kemudian boleh memberitakan injil kepada anak-anak dengan penjelasan daripada ayat-ayat berikut: Roma 3:23, Roma 6:23; Roma 5; 1 Korintus 15:3-6; Yohanes 1:12 untuk meyakinkan seorang anak tentang penyelamatan)


Cerita Tentang Kejatuhan Manusia

Mengajar tentang kejatuhan manusia yang pertama kepada seorang anak sungguh penting. Alkitab menjelaskan Adam dan Hawa telah kehilangan persahabatan intim bersama Tuhan selepas kejatuhan. Perkara yang paling berharga ialah mereka telah kehilangan persekutuan bebas bersama Allah mereka. Persatuan mereka bersama Allah di Taman Eden telah terjejas oleh dosa. Perasaan malu dan rasa bersalah mengambil alih. Kejatuhan manusia telah menjejaskan kuasa komunikasi yang intim antara manusia dan Allah. Dosa telah memisahkan manusia daripada kesucian Allah dan telah mendatangkan maut kepada manusia.

Dr. Francis Schaffer pernah berkata: "Perlukah kita mengajar tentang kejatuhan manusia? Seribu kali, saya berkata "Ya." Kalau kita meniadakan cerita tentang kejatuhan manusia sebagai fakta sejarah, yang pernah terjadi pada suatu saat dan ruangan; kita tidak akan memiliki jawapan untuk masalah kejahatan. Pernahkah Tuhan menciptakan dunia seperti sekarang? Ajaran Alkitab yang tertinggi ialah Tuhan tidak menciptakan dunia sedemikian. Dunia kini bukanlah dunia yang sewajarnya dan bukan seindah ciptaan asal. Kebenaran ini mesti diajari kepada kanak-kanak kita sejak mereka masih muda lagi kerana mereka dikerumuni oleh orang-orang yang kehilangan perasaan bersalah atau sama sekali tidak merasa bersalah. Dalam Alkitab, rasa bersalah itu bukan soal rasa bersalah secara psikologi. Kita mesti mengajar rasa bersalah yang seikhlas-ikhlasnya kepada anak kita. Usahlah menakut-nakutkan seorang anak tetapi marilah kita berusaha menolong dia memahami apa erti kesalahan yang sejujur-jujurnya. Manusia telah memberontak dan berdosa terhadap Allah. Ini bukan suatu teori yang ketinggalan zaman. Bukankah kenyataan bahawa apabila seorang anak sudah menginjak umur yang tertentu, dia akan memilih untuk berdosa secara peribadi dan sengaja? Dia mesti mengetahui perkara ini. Perlukah saya memberitahu dia bahawa dia berdosa, ya, saya perlu. Kalau tidak, kenapakah dia memerlukan Juruselamat?"¹⁴ (Schaffer, Speech at CEF).



Contoh Cerita Mengenai Kejatuhan Manusia



Bagaimana Dosa Masuk Ke Dalam Dunia Ini

Teks: Kejadian 3:1-6


Ketika Tuhan menciptakan dunia ini, Dia menciptakan segala sesuatu yang indah. Manusia yang pertama sungguh gembira kerana mereka begitu dekat dengan Allah dan tinggal di taman yang sungguh indah, Taman Eden! Namun, banyak perkara di dunia kita tidak seindah dan sebaik waktu Allah menciptanya.

Dosa dan kesedihan mewarnai dunia kita. Hati manusia penuh dengan kebencian dan dendam. Di dunia kita banyak orang mementingkan diri, mencuri, membunuh dan kejam terhadap sesama manusia. Apakah yang terjadi sebenarnya? Apakah yang terjadi kepada dunia yang indah? Manusianya pernah merasa gembira dan begitu dekat dengan Allah. Kenapakah kini mereka hidup dalam keadaan seperti ini?

Dosa telah datang ke dunia ini untuk merosakkan keindahan dunia ini. Bagaimana dosa masuk ke dunia ini? Alkitab memberitahu kita bagaimana hal ini terjadi.

Tuhan mempunyai musuh yakni iblis. Iblis itu malaikat yang jahat dan membenci Allah. Dia mengingini semua orang membenci Allah. Dia memberitahu kebohongan tentang Tuhan. Iblis melihat Tuhan menciptakan dunia yang indah, mentari yang bersinar terang, dan bintang yang berkedip-kedip merasa cemburu. Iblis melihat Allah mencipta Adam dan Hawa ciptaan yang hebat. Iblis mahu Adam dan Hawa memberontak terhadap Allah.

Tuhan memberi Adam dan Hawa Taman Eden yang indah untuk tinggal. Di taman ini tertumbuh pelbagai jenis bunga yang indah, buah-buah yang berjus, dan binatang-binatang comel. Tuhan menyayangi Adam dan Hawa. Dia mengingini mereka tinggal gembira dalam Taman Eden. Dia berkata kepada mereka, "Semua dalam taman ini boleh kaumakan buahnya dengan bebas, tetapi pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat itu, janganlah kau makan buahnya, sebab pada hari engkau memakannya, pastilah engkau mati" (Kej.2:17).



Adam dan Hawa sepatutnya mentaati Tuhan dan tidak memetik buah daripada pohon pengetahuan itu. Mereka seharusnya mendengar amaran Tuhan dengan serius, "Sebab pada hari engkau memakannya, pastilah engkau mati!"

Iblis menipu, "Sekali-kali kamu tidak akan mati...!" (Kej.3:4). Iblis berbohong bahawa mereka akan menjadi seperti Allah kalau mereka memakannya.

Hawa mendengar iblis dan memandang pohon itu. Dia berfikir perkataan iblis mungkin benar, kalau dia memakan buahnya, dia akan menjadi seperti Tuhan. Sebenarnya, Allah sudah menciptakan dia menurut gambaran-Nya. Dia tidak perlu meminta apa-apa lagi. Tanpa berfikir lagi, dia memetik buah itu dan memakannya lalu memberi kepada Adam. Adam dan Hawa tidak setia kepada Allah dan menjadi pendosa.

Adam dan Hawa tidak mati pada hari itu. Mereka terpisah daripada Allah dan tidak dapat berjalan di Taman Eden atau bercakap-cakap bersama Tuhan. Apabila Allah datang ke Taman Eden, mereka sungguh takut dan malu.


Allah adalah Allah kudus dan tidak ada dosa. Dosa membuat kita tidak kudus dan memisahkan kita daripada Tuhan. Tetapi Allah menjanjikan Penyelamat yang membawa kita kembali kepada Allah semula dan kita tidak perlu merasa takut lagi. Dia mengutus Yesus untuk mengambil dosa kita dan duka kita. Dia mengasihi kita sehingga Dia mati untuk menebus dosa kita tetapi pada hari ketiga, Dia bangkit semula (1 Korintus 15:3-6).

Tuhan Yesus tidak ingin anak-anak terus hidup dalam kejahatan. Dia tidak suka kejahatan kita tetapi Dia mengasihi kita. Dia ingin kita meninggalkan dosa kita dan menerima pengampunan dosa kita. Kita boleh menjadi sahabat Allah dengan meminta pengampunan atas dosa kita.

Kemahiran Bertanya

Guru-guru dan ibu bapa perlu mengasah kemahiran bertanya bagi memastikan pemahaman seorang anak terhadap injil. Tunjukkan visual atau gambar dan ajukan beberapa pertanyaan untuk memastikan anak itu memahami injil. Wujudkan satu skenario: seorang kawan yang tidak tahu apa-apa mengenai Yesus Kristus hadir di Sekolah Minggu dan ingin mengenal Tuhan Yesus. Minta anak kecil ini untuk menjelaskannya kepada kawannya. Sediakan gambar-gambar atau alat peraga lain yang boleh digunakannya untuk menjelaskan injil. Dengarlah penjelasannya dengan teliti; berpura-pura tidak memahami beberapa hal dan ajukan pertanyaan. Sewaktu mendengar, teguhkan pengertiannya atau memperbetulkan pemahamannya terhadap injil.

1. *Siapakah iblis?*
2. *Apakah yang dilakukannya untuk memisahkan Adam dan Hawa daripada Allah?*
3. *Apakah itu dosa?*
4. *Adakah Adam dan Hawa sungguh-sungguh mentaati Allah?*
5. *Apakah yang terjadi setelah mereka mendengar kepada iblis?*
6. *Apakah yang terjadi kepada persahabatan mereka bersama Tuhan?*
7. *Siapakah yang datang memperbetulkan perhubungan kita dengan Tuhan?*
8. *Bagaimana pula kita memperbetulkan perhubungan kita bersama dengan Tuhan?*




Karya Kristus

Bersaksi kepada kanak-kanak bererti menjamin mereka memahami penyelamatan dalam karya Kristus. Amanat Agung dalam naskah Lukas: "Lalu Dia membuka fikiran mereka, sehingga mereka mengerti Kitab Suci. Kata-Nya kepada mereka: "Ada tertulis demikian: Mesias harus menderita dan bangkit daripada antara orang mati pada hari ketiga, dan lagi: dalam nama-Nya berita tentang pertaubatan dan pengampunan dosa harus disampaikan kepada segala bangsa, mulai dari Yerusalem" (Lukas 24:44-48).

Memahami fakta mengenai kehidupan Yesus seperti kematian dan kebangkitan-Nya sangat penting bagi anak-anak kita. Guru-guru dan ibu bapa mesti berusaha menolong anak-anak mereka menjalin perhubungan peribadi dengan Tuhan Yesus dan mengasihi-Nya dengan sepenuh jiwa, emosi dan minda. Fakta-fakta utama yang perlu dijelaskan oleh guru: Allah mengasihi awak, awak telah berdosa, Kristus telah membayar dosa awak, awak mesti mengakui bahawa awak pendosa dan meminta pengampunan Tuhan Yesus, kehidupan kekal dan hak menjadi anak-Nya.


Guru-guru perlu menolong anak-anak memahami ayat-ayat Alkitab tentang karya Kristus seperti Yohanes 3:16; Roma 5:8; 1 Korintus 15:3-6; Yohanes 14:6 dan Yohanes 1:12. Sewaktu menyampaikan injil, guru-guru mesti dari semasa ke semasa membuka Alkitab. Jelaskan ayat-ayatnya agar anak-anak ini tahu semua ini diambil dari Alkitab.



Contoh Tentang Cerita Tuhan Yesus



Hakcipta @ Upstream Publishing



Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan Yesus dilahirkan sebagai bayi di Betlehem. Ibunya meletakkan bayi ini dalam palung. Bayi yang dilahirkan ini sempurna dan tiada berdosa. Dia bertambah besar seperti anak-anak lain dan selalu menurut kata-kata ibubapa-Nya. Dia menolong bapa-Nya membuat kerusi dan meja, dan sering bermain dengan adik beradiknya.

Apabila Dia berumur tiga puluh tahun, Dia mulai melakukan pekerjaan yang diberikan oleh Bapa-Nya. Dia mengajar manusia tentang kasih Tuhan, bagaimana saling mengasihi, dan banyak ajaran lain yang menarik tentang Kerajaan Allah. Dia melakukan banyak mukjizat dan menyembuhkan orang yang sakit.

Dia mengampuni dosa manusia dan memberi kesempatan kepada pendosa untuk mengubah hidup mereka. Imam-imam pada waktu itu tidak suka akan Yesus dan oleh itu mereka memberi wang kepada Yudas, salah seorang murid yang menjual-Nya kepada mereka. Dia kemudian diserahkan kepada pemerintah pada waktu itu dan disalibkan.

Namun pada hari yang ketiga, Dia dibangkit semula dari kubur. Tuhan Yesus menampakkan diri-Nya kepada para murid-Nya. Tomas yang tidak berada di sisi-Nya tidak percaya Dia bangkit kecuali dia dapat mencucukkan jarinya pada tangan dan pinggang-Nya. Ketika Tomas dan pengikut-pengikut lain berkumpul bersama-sama, Tuhan Yesus berdiri di depan mereka dan menyuruh Tomas untuk menyentuh-Nya (Yohanes 20:24-25).

Dia adalah Tuhan dan manusia yang sempurna. Sebenarnya, Dia tidak perlu mati di kayu salib. Namun, Dia mati demi dosa kita agar kita boleh diampuni dan diberikan kehidupan kekal. Dia telah menakluk kuasa maut dan Dia akan datang lagi. Dia akan datang sebagai Raja di atas segala raja.

Dia ingin menjadi Juruselamat dan Raja dalam hati awak. Sudikah awak meminta Tuhan Yesus yang mati di kayu salib demi dosa awak untuk mengampuni dosa awak? Sudikah awak meninggalkan dosa dan hidup gembira bersama Raja Kudus, Tuhan yang bangkit dan berkuasa?


(Guru-guru boleh menggunakan ayat-ayat Alkitab yang disebutkan di atas)

7

Penggunaan Objek

Penggunaan objek dan visual sering digunakan oleh Tuhan Yesus sewaktu mengajar. Nabi-nabi dalam Perjanjian Lama juga sering menggunakannya. Untuk mengajar tentang kegelisahan, Tuhan Yesus memakai burung dan rumput-rumput yang tidak khawatir akan keperluannya. Objek-objek yang digunakan oleh Alkitab: batu (Yosua 4:6), gembala (Mazmur 23:1), garam dan terang (Matius 5: 13-16), kebun anggur (Lukas 20:9-19), dan sebagainya.

Epal Rosak



Tujuan: Untuk mencabar seorang anak mengakui dan meninggalkan dosanya.


Alkitab: Amsal 28:12

Objek: Sebuah bakul kecil yang diisi dengan beberapa biji epal, sebijinya sudah rosak (anda boleh memakai buah-buah lain).


Kadangkala kita berusaha menyembunyikan dosa kita. Kenapa? Kita tidak mahu orang lain mengenal diri kita yang sebenarnya! Tuhan berkata, "Siapa menyembunyikan pelanggaranannya tidak akan beruntung, tetapi siapa mengakuinya dan meninggalkannya akan disayangi" (Amsal 28:12). Kenapakah kita menyembunyikan sesuatu yang tidak baik dan berpura-pura kelihatan baik; itu perbuatan salah. Mari kita melihat kenapa Tuhan berkata menutupi kesalahan akan menghalangi kita daripada kehidupan yang berjaya.

Pagi ini saya membawa beberapa epal bagi anda. Biar saya menyusunnya di atas piring (tunjukkan sebij epal). Lihat epal yang besar dan merah ini! Kelihatan bagus ya, oh, tetapi rosak agaknya. Bolehkah saya menyimpan epal ini dengan epal lain yang bagus? (Tidak) Bolehkah epal yang busuk ini membuat yang lain baik? (Tidak, epal ini hanya boleh merosakkan yang lain). Apakah yang harus kita lakukan? (Buang epal yang rosak ini).

Kita tidak boleh membuang dosa kita dengan menutupinya. Kita boleh berpura-pura baik, membaca Alkitab, menyanyi, dan berdoa, memberi wang kepada gereja, dan buat banyak pekerjaan yang baik tetapi semua ini tidak dapat mengikis dosa anda. Setiap dosa boleh menghancurkan kehidupan kita dan membuat Tuhan sedih. Tuhan membenci dosa. Dia tahu dosa akan melukai kita dan orang lain juga. Dosa menghalangi kita daripada persahabatan yang akrab bersama-Nya. Yesus telah mencurahkan darah-Nya untuk membayar dosa kita. Allah akan mengampuni kita kalau kita mengakuinya (1 Yohanes 1:9). Adakah anda mempunyai sebij epal busuk dalam hidup anda? Buangkannya dan Allah akan menjadikan hidup anda berjaya untuk-Nya. ¹⁵



Pelampung/ Jaket Penyelamatan



Untuk pengajaran ini, anda boleh meminjam jaket penyelamatan atau pelampung sebagai objek penjelasan. Jika anda tidak dapat meminjam pelampung, buatlah satu pelampung dengan kadbod putih dan mengikat tali padanya sebagai alat peraga.

Bobby begitu gembira apabila ayahnya membawa sekeluarga ke Terengganu untuk Hari Cuti. Mereka menuju ke Pulau Kapas dan Tenggol yang cukup terkenal sebagai tempat memancing sotong. Pulau Tenggol menjadi tempat penginapan berjutaan binatang laut dan batu karang yang indah. Bobby merasa sungguh gembira apabila dia dapat memancing sotong. Mereka makan satay sotong untuk tengah hari...sedapnya.

Sesudah makan siang, mereka menaiki bot untuk melihat keindahan alam di pulau itu. Bobby begitu teruja sehingga dia jatuh ke dalam lautan sewaktu dia berdiri dalam perahu yang terombang ambing. "Ayah! Tolong! Tolong!" Bapanya segera melempar pelampung kepada anaknya. Bobby segera memegangnya sambil terapung-apung dan tidak tenggelam. Perahu mereka mendekati Bobby dan menariknya ke perahu.

Allah mengasihi kita dan tidak ingin kita tenggelam dalam dosa. Dia mengutus Anak-Nya untuk menyelamatkan awak dari dosa dan neraka. Neraka ialah tempat seksaan yang memisahkan kita selama-lamanya daripada Tuhan. Tuhan Yesus adalah seperti pelampung yang dapat menyelamatkan kita daripada dosa kita. Hanya Dia yang berkuasa menarik kita daripada dosa kita, menebus kita dan menghapuskan semua dosa kita. Hanya Dia yang tidak berdosa dapat menyelamatkan kita daripada kegelapan dosa dan memberi kita kehidupan kekal bersama-Nya.

Dengarlah apa yang dikatakan Alkitab, "Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu" (Kisah Para Rasul 16:31).

Beritahu Tuhan Yesus bahawa awak perlu diselamatkan dari dosa. Alkitab dengan jelas memberitahu kita bahawa, "Kerana begitu besar Allah akan dunia ini, sehingga Dia mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).

Penggunaan Jarum Kait Untuk Ilustrasi Dosa

Cerita "Grandmother's Knitting Needle" (Jarum Kait Nenek) oleh Alexander Smellie sungguh mengharukan kanak-kanak sewaktu saya menceritakan kepada mereka. Orang yang diceritakan dalam cerita ini dibesarkan oleh neneknya agak nakal dan degil. Dia juga mencuri dan ini sungguh menyedihkan hati neneknya.




Nenek saya seorang Kristian yang baik dan dia sangat mengasihi saya tetapi ketika saya masih seorang budak saya mempunyai tabiat yang jahat. Saya suka mengambil barang-barang yang tidak saya miliki. Nenek saya memukul saya tetapi semua ini tidak menghalangi saya daripada tabiat saya. Kalau saya melihat barang yang saya sukai, saya akan mengambilnya saja.

Satu hari, nenek saya memanggil saya dan berkata, "Anakku saya sering merotan awak kerana awak mencuri tetapi semua pukulan ini sia-sia sahaja. Saya terlalu mengasihi awak dan tidak akan membiarkan awak berbuat begitu. Lain kali kalau awak membawa barang-barang bukan milik awak, saya akan membakar jarum kait ini dan meletakkannya pada tangan awak yang suka mencuri."

Ini sangat menakutkan sehingga buat suatu jangka masa yang panjang saya tidak mengambil barang-barang orang lain. Kemudian, tabiat yang buruk saya muncul lagi. Suatu hari saya membawa barang orang lain pulang dan cuba menyembunyikannya daripada nenek saya.

Nenek saya merasa sungguh sedih kerana dia tahu saya mencuri lagi dan berkata kepada saya, "Anakku, masih ingatkah apa yang saya katakan akan saya lakukan? Bukankah saya selalu menepati kata-kataku?"

Dia meletakkan jarum kait dalam api. Apabila jarum itu sudah panas, dia memanggil saya mendekatinya. "Ulurkan tanganmu," kata nenek saya. Saya mengigil dalam



ketakutan. “Anakku, awak patut menerimanya tetapi saya akan menanggung penghukuman awak.” Dengan itu, dia melepaskan tangan saya dan menusuk tangan sendiri dengan jarum kait yang panas itu.

Kemudian, dia menunjukkan tangannya kepada saya dan berkata, “Anak saya, ini harga dosa awak ke atas diri saya. Lihatlah dengan baik-baik.”

Sejak hari itu saya memahami harga dosa saya daripada seorang yang saya kasihi. Sejak hari itu, saya tidak lagi menyentuh sesuatu yang bukan menjadi milik saya.


Beberapa hal penting tentang Injil daripada cerita ini: Kasih Allah Bapa adalah seperti nenek ini; Dia membenci dosa tetapi sangat mengasihi kita dan tidak mahu kita terus berjalan dalam jalan dosa yang menuju kepada kebinasaan.

Nenek itu rela melukai diri demi dosa anak ini. Allah mengasihi kita sehingga Dia rela memberi anak-Nya yang menjelma menjadi manusia dan mati demi dosa kita.

Kita perlu memahami keadaan dosa kita, melihatnya baik-baik, bertaubat dan berpaling daripadanya.


Kita mengasihi dan menghargai Tuhan Yesus yang telah menjadi Penebus kita yang dikasihi.

Akui Dia sebagai Juruselamat dan menerima-Nya dalam kehidupan kita. ¹⁶



Tangan Berita Baik

Tangan Berita Baik mempunyai persamaan dengan kaedah penginjilan klasik “Buku Tanpa Perkataan” dan sarung tangan berita baik dari Kampus Krusade dalam konsep warna-Nya namun penjelasannya mengambil pendekatan berlainan.



Kita akan mendengar ceritanya. Tangan ini menceritakan berita baik, oleh kerana itu saya memanggilnya tangan berita baik.

Tangan ini mencerita empat perkara yang baik. Mahukah anda mendengarnya? Empat perkara ini memberitahu kita perkara-perkara yang sangat penting.


Kuning- Warna kuning mengingatkan kita akan matahari yang terang. Allah kita kudus dan mulia. Di dalam-Nya tidak ada dosa mahupun kegelapan.

Dia ingin kita hidup juga dalam terang-Nya dan bukan dalam kegelapan dosa kita. Syurga ialah tempat yang kudus dan terang. Dalam syurga tidak ada dosa (Wahyu 21:27), tidak ada penyakit, kematian mahupun airmata (Wahyu 21:4), dan matahari tidak akan terbenam,” Dan kota itu tidak memerlukan matahari dan bulan untuk meneranginya dan Anak Domba itu adalah lampu-Nya” (Wahyu 21:23). Tuhan ingin kita hidup gembira dalam terang-Nya dan tinggal bersama-Nya; Dia ingin kita pergi ke syurga suatu hari nanti.

Warna hitam melambangkan dosa kita. Tetapi tidak semua anak mempunyai kehidupan gembira bersama Allah. Kenapa? Semua anak telah berdosa dan jauh daripada Allah yang kudus dan yang tidak pernah bersalah. Apa itu dosa? Dosa ialah tidak mengenal Tuhan, tidak menghiraukan Tuhan dan berjalan bertentangan dengan hukum Allah. Kita mahu menurut cara kita sendiri bukan cara Tuhan. Pernahkah kamu bersikap tidak baik hati, suka berbohong, tidak mahu mendengar kepada ibu bapa, atau membenci seseorang. Orang melakukan semua ini kerana mereka hidup terpisah daripada Tuhan. Jari yang hitam ini memberitahu kita bahawa kita sudah berdosa dan tidak boleh bersama dengan Tuhan yang kudus (Roma 6:23). Adakah ini berita baik? Tunggu cerita kita belum selesai.

Jari yang merah ini memberitahu kita bahawa, “Akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa. Lebih-lebih, kita dibenarkan oleh darah-Nya, kita pasti diselamatkan daripada murka Allah” (Roma 5:8-9).

Allah memberi kita Tuhan Yesus sebagai hadiah istimewa agar kita dapat menjalin persahabatan dengan-Nya. Dia memberi kita Anak-Nya yang tunggal, Tuhan Yesus, yang dilahirkan sebagai manusia (Yohanes 3:16). Malaikat berkata kepada Maria, “Dia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, kerana Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka” (Matius 1: 21). Tuhan Yesus membesar, hidup sempurna, menyembuh banyak orang sakit dan melakukan banyak mukjizat. Tuhan Yesus berkata, “Akulah jalan, dan kebenaran, dan hidup. Tidak ada seorangpun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku” (Yohanes



14:6). Kemudian Tuhan Yesus mati di kayu salib demi dosa manusia, "Kristus telah mati kerana dosa kita, sesuai dengan Kitab Suci, bahawa Dia telah dikuburkan, dan bahawa Dia telah dibangkitkan pada hari yang ketiga, sesuai dengan Kitab Suci" (1 Korintus 15:3).

Inilah berita baik! Namun mengetahui tiga perkara ini tidak cukup. Yang putih ini menjelaskan untuk mendapat hati yang baru dan bersih, kita perlu menerima pemberian istimewa (Efesus 2:8-9). Kita tidak akan menolak hadiah atau pemberian yang berharga apalagi Tuhan Yesus. Akuilah dosa kepada Tuhan dan berkata kamu bersetuju apa yang kamu lakukan itu berdosa. Berdoalah, "Bapa Syurgawi, saya bersetuju saya sudah berdosa, dan saya berterima kasih kerana Engkau mati di kayu salib demi dosa saya. Ampunilah dosa saya dan jadikan saya anak-Mu. Saya ingin hidup baru menurut segala perintah-Mu."

Jika kamu sungguh-sungguh berdoa, Tuhan Yesus akan tinggal dalam hati kamu. Sudahkah kamu menerima Tuhan Yesus? Di manakah dia sekarang? Tuhan Yesus memberi hak menjadi anak-Nya kepada semua orang yang menerima-Nya (Yohanes 1:12).

Jari yang hijau ini memberitahu kita bahawa kadangkala kita berdosa lagi. Kita boleh meminta pengampunan dan bertumbuh lagi dalam Kristus. Hijau ini juga melambangkan pertumbuhan seperti pokok-pokok yang bertumbuh. Kita bergembira kerana kita anak Tuhan (Yohanes 1:12, Gal 3:26). Kita boleh bertumbuh dengan berdoa setiap hari, membaca Alkitab setiap hari, mentaati Tuhan, pergi ke gereja serta memberitahu kawan-kawan kita tentang kasih Tuhan Yesus.

8

Kaedah-Kaedah Lain yang Kreatif



Penginjilan Dengan Satu Ayat

Tunjukkan Alkitab kepada anak-anak dan berkata bahawa Firman Allah memberitahu kita rahsia terindah dalam satu ayat iaitu Yohanes 3:16. Suruh semua anak membaca ayat ini bersama-sama beberapa kali.

"Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16).

Keratkan ayat ini kepada beberapa kerat atau frasa.

Kerat Pertama: "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini." Jelaskan: Tuhan mengasihi dunia ini termasuk kamu dan semua kanak-kanak.

Tunjukkan gambar keluarga contohnya bapa, ibu, nenek, datuk dan tanyakan anak. "Bolehkah kamu beritahu saya siapa yang mengasihi kamu?" Ya, banyak orang mengasihi kamu. Kamu tahu tak ada seorang yang sangat mengasihi kamu, Dialah Bapa Syurgawi kita.

Tunjukkan Kerat Kedua: "sehingga Dia mengaruniakan anak-Nya" dan tunjukkan satu hadiah yang dibungkus dengan indah. Kita menerima hadiah daripada orang yang kita kasihi. Allah mengasihi kita dan memberi hadiah istimewa kepada kita, Anak-Nya. Tuhan Yesus dilahirkan di Betlehem dan Dia datang untuk saya dan kamu. Dia mati untuk dosa kita. Apa itu dosa? Dosa ialah perbuatan yang melanggar undang-undang Tuhan.

Tunjukkan kerat, "setiap orang yang percaya" –Semua kanak-kanak dipanggil untuk mempercayai Tuhan Yesus yang mati dan bangkit semula untuk menebus dosa kita.

Tunjukkan Kerat Ketiga: "tidak binasa." Apabila kamu percaya kepada Tuhan Yesus, kamu tidak akan dihukum kerana dosa.

Tunjukkan Kerat Keempat: "kehidupan kekal." Dosa kamu akan diampuni dan kamu dapat hidup di syurga pada suatu hari nanti sehingga selama-lamanya. Tuhan Yesus akan tinggal dalam hatimu dan mulai dari saat itu, kamu akan menjalin persahabatan dengan Tuhan Yesus sehingga selama-lamanya.

Akhirnya, letak semula semua kerat dalam kotak dan kemukakan beberapa pertanyaan untuk memastikan kanak-kanak memahami apa yang disampaikan. Guru boleh mengundang anak itu untuk percaya dan berdoa.

Hati Yang Licik




1. Buat sebuah hati kadbod yang boleh dibuka dan melukiskan pelbagai binatang untuk mewakili dosa-ular- kelicikan, burung merak jantan-keangkuhan, harimau-kegarangan dalamnya.
2. Tunjukkan hati yang hitam kepada anak-anak dan jelaskan bahawa itu keadaan hati mereka. Seorang anak mungkin seperti sangat baik tetapi hatinya mungkin gelap, "Betapa liciknya hati, lebih licik daripada segala sesuatu, hatinya sudah membatu; siapakah yang dapat mengetahuinya" (Yer.17:9).
3. Buka hati itu dan gunakan lampu suluh untuk menyuluh gambar-gambar dalamnya. Oh, lihat...licik bagai ular... garang bagai harimau...angkuh bagai burung merak.....licik bagai ular... Tuhan ialah terang dan di dalam-Nya tidak ada kegelapan (1 John 1:5). Sewaktu terang datang, semua kegelapan ini akan diusirkan .
4. Tuhan kita terang bererti Tuhan kita kudus dan sempurna. Manusia semua berdosa dan terpisah daripada Allah. "Kerana semua orang telah berbuat dosa dan telah kehilangan kemuliaan Allah" (Roma 3:23).
5. Tuhan tidak ingin hati kita gelap dan terpisah daripada-Nya (Roma 5:8, 1 Korintus 15:3-6).
6. Tunjukkan sebuah hati yang bersih dan menjelaskan bahawa darah Tuhan Yesus telah menyucikan dosa kita, "Bersihkanlah aku daripada dosaku dengan hisop, maka aku menjadi tahir, basuhlah aku, maka aku menjadi lebih putih dari salju" (Mazmur 51:9).
7. Apabila kita menerima Kristus, kita akan diberikan hak menjadi anaknya (Yohanes 1:12).

Kesaksian-Surat dan Kad

Guru boleh membawa sepucuk surat rekaan daripada John Newton, dan juga kad daripada kawannya. "Ini sepucuk surat daripada John Newton untuk semua kanak-kanak. "


"Hi, nama saya John Newton. Saya ingin memberitahu awak semua bahawa tidak pernah satu hari pun saya berhenti berfikir tentang kasih dan anugerah Tuhan kepada saya. Saya anak seorang kapten kapal yang terlibat dalam perniagaan



Mediterranea. Ibu saya meninggal dunia sewaktu saya berumur enam tahun. Saya hanya bersekolah dua tahun sebelum mengikut kapal ayahku. Kehidupan awal saya penuh dengan kehidupan tidak bermoral dan sangat berdosa. Bapa saya tidak suka saya sama sekali. Saya juga tidak disuka oleh semua majikan saya dan akhirnya saya dipenjarakan. Saya kemudian melayani sebagai hamba dan isteri majikan memperlakukan saya seperti hamba atas segala hamba.

Saya mula-mula mengenal Tuhan Yesus ketika membaca sebuah buku oleh Tomas Kempis yang berjudul "The Imitation of Christ." Saya tahu Tuhan Yesus telah menyelamatkan saya dengan ajaib sewaktu suatu badai yang hampir meragut nyawa saya terjadi. Tetapi yang paling penting ialah saya tahu Tuhan Yesus telah menyelamatkan saya daripada dosa saya yang begitu besar. Dia rela mati di kayu salib demi pendosa yang besar seperti saya dan memberi nyawa-Nya bagi saya. Dia bangkit pada hari ketiga dari kubur dan kini Dia tinggal dalam hati saya."

Cikgu ingin membaca satu kad daripada kawan John Newton



Yang Cinta Tuhan Yesus

Kanak-kanak Tercinta

Pak Cik John tidak pernah lupa lautan seumur hidupnya, dan tidak sedetik pun dia tidak memikirkan Juruselamatnya. Menjelang akhir hidupnya, dia masih menjadi pastor St. Mary di London. Kadangkala pakcik John akan ke mimbar dengan seragam pelautnya. Walaupun dia sangat tua dan sering tidak dapat ingat lagi, dia tetap memegang Alkitab dan buku nyanyian di sebelah tangan lain. Walaupun John tidak dapat ingat banyak hal, dia masih ingat dua perkara. "Saya seorang pendosa besar dan Tuhan Yesus Kristus Juruselamat aku yang hebat."

Surat Kesaksian Dari Sadhu Sundar Singh

Kanak-Kanak Yang Saya Kasihi

Nama saya Sadhu Sundar Singh. Kampung saya di Punjab Utara India. Ibu saya sungguh kuat beragama dan saya sungguh mengasihinya. Dia mengajar saya agama Hindu dan Sikh serta membawa saya ke kuil. Pada umur tujuh tahun, saya menghafal kitab agama Bhagavadgita, buku Hindu mengenai kehidupan rohani. Pada enam belas, saya menguasai Vedas, naskah lama agama Hindu, baca Quran dan mengajar Yoga.

Hidup saya berubah ketika saya berumur empat belas tahun kerana Ibu saya meninggal dunia dan saya sangat sedih. Pada waktu itu, saya membenci orang Kristian. Saya melempari batu terhadap mereka dan membakar Alkitab mereka.

Pada waktu yang sama, saya tidak ada damai walaupun saya kuat beragama dan ingin membunuh diri. Namun, saya berdoa agar Tuhan menjelma diri sewaktu saya mencampakkan diri di landasan kereta api. Sewaktu saya sedang berdoa, suatu terang besar datang ke bilik saya dan saya ternampak

wajah Tuhan Yesus. Saya kemudian memahami bahawa Tuhan Yesus sangat mengasihi saya. Dia sudah mati di kayu salib sebelum saya mengenal dia. Dia bangkit semula dan tinggal dalam hati saya.

Walaupun ayah saya dan penduduk sekampung telah menolak saya tetapi saya tetap mengasihi Tuhan Yesus dan saya pergi dari satu kampung ke kampung yang lain untuk memberitakan Yesus.

Kasih, Sadhu Sundar Singh



Kesaksian Rasul Paulus (Kisah Para Rasul 26:12-18)

Kanak-Kanak Yang Saya Kasihi

Saya pemusuh orang Kristian yang sanggup membunuh pengikut-pengikut Tuhan Yesus tanpa belas kasihan. Saya pernah memfitnah pengikut Tuhan Yesus yang setia yang bernama Stefanus sehingga dia diseret ke luar kota dan kemudian direjam sehingga mati. Saya memang tidak suka mendengar orang berkhotbah tentang Tuhan Yesus.

Pada suatu hari saya mahu memburu pengikut Tuhan Yesus sampai ke Damsyik. Dengan askar-askar yang bersenjata, hati saya membara dengan kemarahan terhadap orang Kristian dan ingin memburu mereka. Tiba-tiba, di tengah-tengah jalan, satu sinaran cahaya dari langit yang sungguh cerah menyilaukan mata saya sehingga saya terlempar dari kuda yang saya tunggang. Saya terdengar satu suara dari syurga "Saulus, Saulus, mengapa engkau menganiaya Aku?"

Dengan suara yang gentar, saya bertanya, "Siapakah Engkau, Tuhan?" "Akulah Yesus yang engkau aniaya itu. Sekarang bangunlah dan pergilah ke kota. Tetapi bangunlah dan pergilah ke kota, di sana akan Aku katakan kepadamu apa yang harus kauperbuat."

Selama tiga hari saya buta. Saya berdoa dan memohon belas kasihan serta petunjuk daripada Tuhan. Lalu Ananias, hamba Tuhan, datang menumpangkan tangannya ke atas saya dan berkata, "Saulus, saudaraku, Tuhan Yesus yang telah menampakkan diri kepadamu di jalan yang engkau lalui, telah menyuruh aku kepadamu, supaya engkau dapat melihat lagi..." Selaput dari mata saya gugur lalu aku segera meminta dibaptis.

(Guru kemudian boleh menjelaskan bahawa sejak itu Saulus memberitakan kasih Tuhan Yesus yang mati di kayu salib untuk dosa kita, dikuburkan lalu dibangkitkan semula. Rasul Paulus selalu mementingkan hati dan manusia yang baru dalam Kristus).




Penginjilan Berbentuk Pertanyaan

1. Pernahkah kawan-kawan di sekolah awak membuat sesuatu yang salah?
2. Perbuatan apakah yang dianggap salah?
3. Pernahkah kamu juga pernah berbuat demikian?
4. Apakah yang dilakukan oleh ibu bapa awak apabila awak berbuat sesuatu yang bersalah?
5. Tahukah perkataan yang sering kita gunakan untuk menjelaskan perkara yang kita lakukan yang salah?
6. Apakah yang perlu kita lakukan untuk dosa kita?
7. Apakah yang perlu dilakukan oleh Allah terhadap dosa kita?
8. Allah tidak menghukum dan menghantar kita ke neraka tetapi Dia mengutus anak-Nya untuk mati di kayu salib bagi dosa kita. Dia mencurahkan darah-Nya dan kita perlu menerima pengampunan dosa-Nya. Kalau kita menerima-Nya sebagai Juruselamat, kita akan menjadi anak-Nya.

Persahabatan dan Penginjilan

Bersahabatlah dengan seorang anak lalu menceritakan kesaksian penyelamatan kita dengan istilah yang mudah dan cara yang mesra adalah penginjilan yang berkesan. Ibu bapa dan guru-guru boleh berkongsi dengan seorang anak apa yang dia tahu mengenai Allah dan apa erti persahabatan dengan Allah daripada hati kepada hati. Cara ini membawa keberkesanan yang luarbiasa. Seorang anak perlu mendengar cerita kita dan pertemuan kita dengan Allah. Ceritakan cerita pertaubatan kita dengan seorang anak seperti seorang kawan dengan penuh hormat.




"Pengenjilan yang berkesan memerlukan perhubungan yang mesra. Betapa pentingnya kalau kita meluangkan waktu dan usaha untuk berkawan dengan mereka. Dengan berkongsi minat mereka, mendengar kepada mereka, berkenalan dengan mereka, dan memupuk perhubungan yang akrab dan mesra, baru kita berhak menanyakan pertanyaan peribadi dan menyampaikan injil yang berkaitan dengan keperluan peribadi mereka." ¹⁷ (Kennedy 1996, xii).

Cerita penyelamatan seorang sahabat dewasa dapat menyentuh hati anak yang dibimbingnya. Anda boleh melatih diri menulis cerita anda secara singkat dan mengingatnya supaya dapat berkongsi dengan anak-anak dengan lebih baik. Anak-anak akan terharu dengan cerita anda dan mulai memahami bahawa penyelamatan bukan hanya orang-orang pada zaman Alkitab tetapi cerita ajaib juga terjadi kepada orang yang dekat dengan mereka.

Contoh Cerita Penyelamatan


Contoh 1

1. Saya pernah suka berbohong dan sering berbohong kepada guru-guru mahupun ibu bapa saya. Kadangkala mereka mempercayai saya tetapi hati saya merasa tidak tenang. Rasa bersalah selalu mengganggu perasaan saya.
2. Suatu hari saya pergi ke gereja dan mendengar tentang Tuhan Yesus yang mengasihi saya dan telah mati bagi saya walaupun saya seorang pendosa. Benarkah Allah menjadi seorang sahabat yang rela meletakkan nyawa-Nya demi dosa saya dan menjadikan saya anak-Nya?
3. Saya menyedari saya perlu menerima Tuhan Yesus dan meminta Dia mengampuni segala dosa saya. Saya mahu menjadi sahabat-Nya dan berjalan bersama-Nya.
4. Sejak saya menerima-Nya, saya semakin baik dan ikhlas dalam percakapan saya. Saya meminta Roh Kudus mengawal kata-kata saya. Walaupun saya kadangkala mengalami masalah kehidupan, Tuhan tetap membimbing saya dan Dia bersabda kepada saya melalui Alkitab.




Contoh 2

1. Saya berasal daripada keluarga Kristian di Kota Tandik. Saya selalu pergi ke Sekolah Minggu dan mendengar cerita-cerita tetapi tidak pernah mengenal Tuhan Yesus sebagai kawan saya.
2. Sewaktu saya menjelang remaja, kawan-kawan saya tidak terlalu berminat bersahabat dengan saya kerana muka saya banyak jerawat. Pada suatu hari seorang guru menyuruh saya menerima Tuhan Yesus yang meletakkan nyawa di kayu salib untuk menjadi sahabat saya.
3. Sejak itu saya tidak sedih dan sepi kerana saya selalu berdoa kepada Tuhan Yesus. Tuhan Yesus menjadi sahabat peribadi saya.
4. Saya pun banyak berubah dalam peribadi saya. Saya lebih peramah dan tidak malu kerana jerawat saya. Kasih Kristus memenuhi kehidupan saya.



9

Mengulam Injil Dalam Pelajaran-Pelajaran Alkitab




Kebenaran injil dapat disulam dalam pelajaran-pelajaran Alkitab sewaktu anda mengajar Sekolah Minggu. Tentu saja, kita tidak mungkin menyampaikan semua kebenaran injil dalam satu pelajaran tetapi tentu ada kebenaran injil yang boleh disulam dalam cerita. Walau bagaimana, kalau pelajaran itu tidak bertujuan mengajar penyelamatan, jangan memaksakan cerita penyelamatan ke dalamnya. Jika anda sering mengajar di Sekolah Minggu, anda akan diberikan banyak kesempatan untuk menyulam kebenaran injil secara mendalam. Banyak cerita Alkitab boleh digunakan oleh guru-guru untuk mengajar aspek-aspek penyelamatan yang berbeza untuk memberi pemahaman jelas kepada seorang anak.

1. *Pertaubatan Rasul Paulus (Kisah Para Rasul 9:1-19)*
2. *Pertaubatan Zakheus (Lukas 19:1-10)*
3. *Domba yang sesat (Lukas 15:1-7)*
4. *Anak yang sesat (Lukas 15:11-32)*
5. *Nuh yang diselamatkan dari penghukuman (Kejadian 6, 7, 8)*
6. *Nikodemus-kelahiran baru (Yohanes 3:1-18)*
7. *Naaman-Iman dalam Allah yang hidup (2 Raja-Raja 5)*
8. *Kain dan Habel-Cerita dosa (Kejadian 4)*
9. *Cerita Natal -Pemberian yang indah (Matius 1, 2)*
10. *Cerita Tuhan Yesus menyembuh orang lumpuh (Lukas 5:17-26)*

Siapa Tuhan Yesus

Guru boleh mengajar beberapa pelajaran mengenai Tuhan Yesus, Siapa Dia, dan karya-Nya agar kanak-kanak boleh memahami penyelamatan dengan mendalam serta memahami sifat Allah dengan jelas.




Pelajaran

1. Angin ribut diredakan (Lukas 8:22-25)
2. Yesus berumur 12 ke Bait Allah (Lukas 2)
3. Pengujian di padang gurun (Lukas 4:1-51)
4. Penyaliban (Matius 27)
5. Kebangkitan (Yohanes 20)
6. Kenaikan Tuhan Yesus (Kisah Para Rasul 1)

Kebenaran

1. Tuhan Yesus ialah Allah
2. Tuhan Yesus ialah manusia
3. Tuhan Yesus sempurna
4. Tuhan Yesus mati bagi pendosa
5. Tuhan Yesus bangkit
6. Tuhan Yesus kembali ke syurga



Kempen Penginjilan

Guru-guru sekolah minggu boleh mengadakan kempen penginjilan untuk kanak-kanak selama beberapa hari pada masa cuti sekolah. Mereka boleh memilih beberapa pelajaran yang dapat menolong kanak-kanak memahami penyelamatan secara lengkap.



Tema		Perenggan Alkitab
1.	Allah Pencipta kita	Penciptaan (Kejadian 1,2)
2.	Keadilan Allah dan kejahatan Manusia	Kain dan Habel (Kejadian 4:1-16)
3.	Kejahatan hati manusia dan kebinasaan	Nuh (Kejadian 6,7,8)
4.	Pengampunan	Perumpamaan anak yang sesat (Lukas 15:11-32)
5.	Kehidupan Baru	Zakheus (Lukas 19:1-10)

Tanda-Tanda Jalanraya

1.	Jangan Masuk	Dosa Memisahkan kita daripada Tuhan (Kejatuhan Manusia)	Kejadian 3:1-24
2.	Sehala	Kristus Satu-Satunya Jalan (Domba Paskah)	Yohanes 1:29-31, Keluaran 12:1-7
3.	Putaran U	Pertaubatan (Pertaubatan Perempuan Berdosa)	Lukas 7:36-50
4.	Persimpangan Jalan	Mengikut Tuhan Yesus (Pertaubatan Paulus)	Kis. Para Rasul 9:1-18
5.	Bersiap Sedia (warna oren)	Berjalan Bersama Tuhan (Perumpamaan gadis yang bijak dan bodoh)	Matius 25:1-13

Contoh Menyulam Injil Dalam Pelajaran



Tuhan Yesus Mengampuni Dosa (Mat. 9:1-8; Markus 2:1-12, Lukas 5:17-26)

Ketika Tuhan Yesus berada di dunia ini, Dia melakukan banyak mukjizat. Dia menyembuhkan orang kusta, mengusir iblis daripada orang yang kerasukan, Membangkitkan seorang anak perempuan kecil yang sudah mati dan menyembuhkan orang yang berpenyakit. Banyak orang bukan sahaja disembuh tetapi dosa mereka diampuni.

Suatu hari satu mukjizat yang terjadi menggembirakan hati empat kawan. Namun peristiwa ini membuat beberapa imam dan ahli taurat tidak gembira. Kenapa?

Mari kita mendengar ceritanya.

Tuhan Yesus ialah seorang guru hebat dan banyak orang suka mendengar Dia mengajar kerana Dia mengajar dengan berkuasa. Pada suatu hari, Dia mengajar di sebuah rumah. Rumah itu penuh dengan orang sehingga tidak muat seorang pun. Empat kawan yang mengusung seorang lumpuh untuk disembuh oleh Tuhan Yesus tidak tahu bagaimana memasuki rumah itu. Tiba-tiba, salah seorang kawan mempunyai pendapat yang sangat bagus. Dia bercadang agar mereka memanjat ke atas atap, membuka atap lalu menurunkan pesakit itu.

Semua orang hairan ketika melihat seorang lumpuh di atas tempat tidurnya diturunkan. Apa yang dilihat oleh semua orang? Ya, seorang lumpuh? Apa yang dilihat oleh Tuhan Yesus? Apabila Tuhan Yesus melihat orang itu, dia melihat seorang yang dibebani dosa bukan hanya seorang yang lumpuh. Dia melihat hati yang dibebani dosa. Dia berkata kepada orang lumpuh itu, "Hai saudara, dosamu sudah diampuni" (Lukas 5:20).

Guru-guru di sana tidak gembira kerana hanya Allah boleh mengampuni dosa, bagaimana pula Tuhan Yesus boleh mengucap sedemikian? Tuhan Yesus tahu apa yang terpendam dalam hati mereka


lalu berkata, "Manakah lebih mudah mengatakan: Dosamu diampuni, atau mengatakan: Bangunlah, dan berjalanlah? Tetapi supaya kamu tahu, bahawa di dunia ini Anak Manusia berkuasa mengampuni dosa" (Lukas 5:23). Orang lumpuh itu pun bangun dan semua orang hairan.

Tuhan Yesus dapat mengampuni dosa kerana Dia ialah Anak Allah yang Kudus. Kalau kita menyesal atas dosa kita, Dia akan mengampuni dosa kita dan menjadikan kita manusia yang baru. Tuhan Yesus sangat mengasihi kita. Dia tidak ingin kita dibebani dosa. Hati yang penuh dengan dosa lebih teruk daripada tubuh yang sakit. Diampuni dosa kita jauh lebih penting daripada disembuh daripada kesakitan tubuh kita.

Empat kawan itu ingin Tuhan Yesus menyembuh kawan mereka sehingga dia boleh berjalan tetapi Tuhan Yesus melakukan jauh lebih besar daripada itu, Dia mengampuni dosanya. Kita akan bergembira kalau dosa kita diampuni oleh Tuhan Yesus yang mati di kayu salib demi dosa kita. "Berbahagialah orang yang diampuni pelanggaran-pelanggaran, yang dosanya diampuni" (Mazmur 32:1).


Orang lumpuh yang disembuhkan itu kembali ke rumahnya sangat gembira bukan sahaja kerana dia boleh berjalan tetapi juga dosanya terhapus oleh Tuhan Yesus.

Tuhan Yesus yang mati di kayu salib, bangkit semula, kini berdiri di pintu hatimu dan mengetok pintu hatimu. Dia berkuasa mengampuni dosamu, relakah awak diampuni? Sudikah awak dibebaskan dari beban dosa dan diampuni oleh Tuhan Yesus? Dosa membuat kita sedih dan hidup terpisah daripada Tuhan. Pengampunan dosa oleh Tuhan Yesus membebaskan kita dari beban dosa dan menjadikan kita anak-Nya yang gembira.





Contoh Merangkai Injil Dalam Pengajaran Nuh



Hakcipta @ Upstream Publishing



Kejadian 6:5-7:9, Kis. Para Rasul 17:24

Allah yang mencipta dunia ini sangat mengasihi manusia yang tinggal di dalamnya. Dia selalu memelihara mereka dengan memberi mentari dan hujan untuk kehidupan mereka. Dia ingin manusia menurut-Nya dan tidak hidup jahat. Kalau mereka saling berbuat jahat mereka bukan hanya saling melukai tetapi juga menyedihkan hati Tuhan.

Namun semakin manusia bertambah di dunia, semakin bertambah dosa mereka. Mereka saling membenci, bergaduh, berdendam dan membunuh. "Ketika dilihat TUHAN, bahwa kejahatan manusia besar di bumi dan bahawa kecenderungan hatinya selalu membuahkan kejahatan semata-mata maka menyesallah TUHAN bahawa Dia telah menjadikan manusia di bumi, dan hal itu memilukan hati-Nya" (Kejadian 6:5). Allah menjadi sangat sedih dalam hati-Nya.

Allah melihat di tengah-tengah manusia dan mendapati seorang yang bernama Nuh yang hidup berbeza. Dia hidup salih dan berusaha menurut Allah sekalipun dia tidak sempurna. Jadi Nuh mendapat belas kasihan di mata Allah (Kejadian 6:8). Allah mahu Nuh dan keluarganya terselamat dari banjir yang besar.

Allah meminta agar Nuh membuat satu bahtera yang bertingkat tiga. Dengan cara yang teliti, Allah membimbing Nuh membangun bahtera itu. Allah juga memberitahu Nuh bahawa Dia akan menghukum manusia yang berdosa dengan banjir yang lebat. Namun, Dia mahu Nuh dan keluarganya masuk ke dalam bahtera ini kerana hujan akan datang selama empat puluh hari dan empat puluh malam sehingga banjir akan terjadi.


Nuh dan keluarga tidak menyoal kebenaran perintah Tuhan. Mereka segera membuat satu bahtera dan ketika jiran mereka bertanya, mereka menasihati mereka untuk bertaubat dan ikut naik ke bahtera. Nuh dan keluarga mempercayai kata-kata Allah dan mengikut segala yang diperintahkan oleh Allah.

Allah juga menyuruh mereka mengambil tujuh pasang jantan dan betina daripada setiap binatang tidak haram, sepasang jantan dan betina daripada binatang haram ke dalam bahtera (Kej. 7:2).

Nuh dan keluarganya mempercayai segala yang dikatakan oleh Allah. Mereka sekeluarga terselamat dari banjir kerana mereka mempercayai Allah dan beriman kepada Allah. Setelah banjir surut, Allah membuat satu perjanjian dengan Nuh dan keturunannya bahawa Dia tidak akan mengutus banjir yang menghapuskan seluruh bumi (Kej. 9:11).

Ketika Tuhan Yesus melihat dunia ini, Dia mendapati semua orang berdosa tetapi Dia mengasihi kita. "Tidak ada yang benar, seorangpun tidak" (Roma 3:10). Dia datang mati di kayu salib untuk dosa kita. Namun, Dia bangkit kembali dan pulang ke syurga. Jika kita percaya Dia dan meminta Dia untuk mengampuni dosa kita, Dia akan segera menghapuskan dosa kita. Dia akan tinggal dalam hati kita sebagai Juruselamat kita...(Anda boleh menggunakan ayat-ayat Alkitab yang kita biasa pakai untuk penginjilan)

Kalau awak percaya kepada Tuhan Yesus seperti Nuh dan keluarganya, awak akan selamat. Kalau awak mahu percaya mari kita berdoa. "Tuhan Yesus, saya tahu semua orang berdosa termasuk saya. Saya berterima kasih kerana Tuhan Yesus mati bagi dosa saya dan sudi mengampuni dosa saya. Saya mengundang Tuhan Yesus dalam hati dan hidup saya."



10 Bimbingan Selanjutnya

Kalau kita menceritakan penyelamatan tanpa mengundang seorang anak untuk menerima Tuhan Yesus, kita sudah mengabaikan bahagian yang terpenting dalam penginjilan. Ibu bapa dan guru-guru perlu mengetahui bagaimana membimbing seorang anak untuk menerima Tuhan Yesus dan memulakan kehidupannya bersama dengan Sahabat Ilahi.

Jangan berkata biarlah dia menerima Tuhan Yesus sebagai Penyelamat pada hari lain yang lebih sesuai. Sebagai guru yang berkomitmen dan berbelas kasihan terhadap seorang anak, anda perlu memastikan anak itu memahami keadaannya yang berdosa, keperluannya akan Juruselamat, dan keikhlasannya menerima Juruselamatnya.

Beberapa Pertanyaan

Dalam sikap doa, anda boleh memberi kaunseling penyelamatan kepada seorang anak.

1. *Adakah awak percaya bahawa Tuhan Yesus ialah Anak Allah?*
2. *Adakah awak yakin bahawa awak berdosa terhadap Allah?*
3. *Yakinkah awak bahawa Tuhan Yesus sangat mengasihi awak sehingga Dia rela mati di kayu salib demi dosa awak?*
4. *Adakah Tuhan Yesus mati untuk dosa awak?*
5. *Sudikah Tuhan Yesus menjadi Juruselamat awak?*
6. *Kenapakah awak perlu mengundang Juruselamat dalam kehidupan awak?*
7. *Adakah awak mahu memiliki kehidupan kekal?*

Berikan Keyakinan Kepada Seorang Anak.

1. Adakah awak sudah meminta Tuhan Yesus datang dalam hati awak?
2. Apakah yang dijanjikan oleh Tuhan Yesus untuk awak?
3. Apakah yang terjadi kepada semua dosa awak?
4. Bagaimanakah awak menjadi anak-Nya?
5. Apakah janji-janji Tuhan bagi anak-anak yang menerima-Nya?


Dua Contoh

Domba Sesat

Setelah menyampaikan cerita tentang anak domba yang sesat, guru boleh memberi kaunseling seperti ini.

"Awak mungkin tahu awak adalah seperti domba yang sesat, dan begitu jauh daripada Allah. Awak telah melakukan hal-hal tertentu kepada kawan-kawan awak yang tidak menyenangkan hati Allah. Awak rindu agar Yesus menyelamatkan awak dan mengubah hidup awak menjadi baru. Awak tahu Yesus telah datang untuk menyelamatkan awak, "Sebab Anak Manusia datang mencari dan menyelamatkan yang hilang" (Lukas 19:10). Dalam ketenangan hatimu, beritahulah Yesus sekarang bahawa awak memang domba sesat. Beritahu Dia secara senyap-senyap bahawa awak sudah sesat dalam dosa. Minta dia untuk menyelamatkan awak dan mengubah hidup awak."

Atau, hari ini awak menyedari bahawa dosamu telah memisahkan awak daripada Allah dan kasih-Nya. Alkitab meminta kita "Kerana itu sedarlah dan bertaubatlah, supaya dosamu dihapuskan"(Kisah Para Rasul 3:19). Ambillah beberapa saat dan memikirkan segala kesalahan yang pernah anda lakukan. Bawalah kesalahan ini kepada Kristus dan meminta agar Dia menghapuskan dosa awak. Jika awak sungguh-sungguh berpaling daripada dosa awak, Dia akan menghapuskan semua dosa awak."



• Jalan Yang Lebar dan Jalan Sempit


Sewaktu anda sedang mengajar tentang jalan yang lebar dan sempit, anda boleh menggalakkan seorang anak untuk mempertimbangkan jalan yang perlu diambilnya. Fikirlah, jalan yang lebar ini akan menuju ke mana? Bagaimana pula dengan jalan yang sempit? Jalan yang lebar kelihatan mudah dan banyak orang lebih suka jalan ini daripada mengikut Tuhan Yesus di jalan yang sempit. Jika awak ingin mengikut Tuhan Yesus di jalan yang sempit, fikirkan dosa yang pernah awak lakukan. Dalam ketenangan, mohon agar Tuhan Yesus mengampuni awak dan beritahu Dia bahawa awak mahu hidup baru dan mengikut Dia. Beritahu Dia bahawa awak memilih jalan yang sempit bersama-Nya untuk menuju kehidupan kekal.

Membimbing Anak Dalam Pertaubatan

Dalam penginjilan anak-anak, seorang guru mesti mengajar tentang pertaubatan seawal mungkin. Penginjilan tidak boleh dilaksanakan sembarangan; kita perlu mendirikan dasar kukuh bagi anak kita. Seorang guru mesti mengajar seorang anak bahawa pertaubatan bukan hanya tindakan sekali sahaja. Kita perlu selalu rendah hati dan selalu menyesali dosa sepanjang hidup. Pertaubatan yang sungguh-sungguh melibatkan hati dan minda. Kita mula mengubahkan hati kita apabila kita bersetuju dengan Tuhan tentang apa yang dianggap-Nya salah dan betul, dan membiarkan-Nya mengawal hati kita. "Manusia dilahirkan dengan belakangnya menghadap Allah. Apabila dia sungguh-sungguh bertaubat, dia berpaling dan menghadap wajah Tuhan." D.L. Moody

"Oleh kerana injil berorientasi kepada perubahan iaitu berpaling kepada Kristus dalam pertaubatan dan iman, ia juga melibatkan transformasi dalam cara kita berfikir dan bertindak melalui penguasaan Roh Kudus; satu komitmen positif kepada perhubungan baru; gaya hidup yang baru; serta menerapkan nilai-nilai baru dan pandangan dunia yang baru...Injil mesti dijelaskan dengan teliti dan tepat. Inilah sebabnya Tuhan Yesus menyuruh kita memuridkan orang di dunia ini dan mengajar mereka untuk memerhatikan seluruh yang diperintahkan-Nya" (Mat.28:20a).¹⁸ (Costas 2008, 33)

Untuk membangun landasan yang lebih kuat dan dalam bagi seumur hidup dan bukan hanya penerimaan Kristus secara formal, guru-guru dan ibu bapa perlu mengajar tentang pertaubatan dan ketaatan kepada Tuhan



secara tegas. Orlando Costas seorang penginjil berkata, "Kalau landasan kita lemah, hasil kita juga akan menjadi lemah, tidak kira sama ada kita menggunakan kaedah yang terbaik untuk proses ini." ¹⁹ (Costas 1973)

Mengajar Tentang Pertaubatan

1. Cerita tentang orang Farisi dan pemugut cukai.

Menurut awak siapakah yang sungguh-sungguh menyesali dosanya? Orang Farisi berdoa dengan angkuh bahawa dia tidak seperti orang lain: pencuri, penzina, ataupun pemugut cukai. Dia berpuasa dua kali seminggu, memberi perpuluhannya dengan setia (Lukas 18:11). Pemugut cukai yang berdiri berjauhan, tidak berani melayangkan pandangannya ke syurga, tetapi memukul dadanya sambil meminta belas kasihan Tuhan kerana dia seorang pendosa (Lukas 18:13).

Menurut anda siapakah yang sungguh-sungguh bertaubat di hadapan Allah?

Doa siapakah yang lebih berkenan kepada Allah?

Dua Contoh Yang Moden




Bertaubat bererti kita menyesal akan dosa kita terhadap Tuhan, dan bersedia berpaling daripada dosa.

"Saya ingin bercerita tentang dua kanak-kanak-awak boleh menentukan yang mana sudah bertaubat."

Swee Ai memandang ke sekelilingnya. Dia begitu gembira tidak ada sesiapa yang sedang melihatnya di pusat beli belah Jaya Jusco. Dia memasukkan dua keping coklat kesukaannya dalam saku. Dia berpura-pura tidak ada apa-apa yang terjadi dan berjalan-jalan sambil bersiul-siul. Sewaktu dia hampir keluar, seorang wanita berkata, "Maaf dik, bolehkah saya melihat apa yang awak masukkan dalam saku awak." Dua keping coklat! Mereka menelefon ibunya yang sedang minum kopi di Starbuck. Dia segera datang ke Jaya Jusco, Swee Ai berpura-pura menangis dan menyesali kesalahannya. Namun, sewaktu dia masuk ke dalam kereta, dia berkata, "Kalau saya tahu dia sedang melihat tentu saya tidak akan memasukkannya ke dalam saku. " Ibunya menegurnya, "Tuhan sedang melihat sentiasa! Awak sepatutnya menyesali apa yang awak lakukan"

Rasit berjalan perlahan-lahan dari rumah kawannya. Dia tidak gembira dengan sikapnya kerana dia merasa sikapnya tidak berkenan kepada Tuhan. Dia telah menyebut perkataan lucah kerana kawan-kawannya akan menertawakan dia dan merasa dia membosankan kalau dia tidak menurut gurauan mereka yang tidak senonoh itu. Dia tahu bahawa menyenangkan hati Tuhan lebih penting daripada mementingkan perasaan kawan-kawannya. Sewaktu berjalan pulang, dia memberitahu Tuhan betapa dia menyesali kata-kata lucah itu dan memberitahu Tuhan bahawa dia mahu hidup berlainan. Dia meminta pengampunan Tuhan dan meminta penyucian pertuturan. Dia juga memohon agar Tuhan memberinya kawan-kawan yang lebih baik."

1. *Cerita Yunus boleh digunakan untuk mengajar pertaubatan. Penduduk di Ninewe bertaubat, "Haruslah semuanya, manusia dan ternak, berselubung kain kabung dan berseru dengan kepada keras kepada Allah serta harus masing-masing berbalik dari tingkah laku yang jahat dan dari kekerasan yang dilakukannya" (Yunus 3:8). Mereka tidak lagi berbuat perbuatan mereka yang melukai hati Tuhan.*



2. Seorang guru boleh membaca Mazmur 51:1-10 dan menjelaskan Mazmur dengan bahasa sederhana kepada seorang anak. Daud menangisi dosanya yang merosakkan persahabatan akrab dengan Tuhan. Dia menyesali dosanya dan bertaubat daripadanya.

Pertaubatan melibatkan langkah-langkah berikut:

- **Menyedari akan Kehadiran Tuhan**

Kita menyedari Tuhan sedang memandang dan mempertimbangkan setiap perkataan, fikiran dan perbuatan kita. Kita mempunyai sikap yang selalu bertaubat. Ketika Yesaya melihat kesucian Tuhan, dia menyedari akan kehadiran-Nya yang kudus, "Celakalah aku! aku binasa! Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun mataku telah melihat Sang Raja, yakni TUHAN semesta alam" (Yesaya 6:5).

Apabila rasul Paulus bertemu dengan Tuhan di tengah-tengah jalan ke Damsyik, dia bertaubat dan berubah menjadi manusia baru (Kisah Para Rasul 9:1-8). Dia menulis kepada gereja di Korintus, "Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, dia adalah ciptaan baru; yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang" (2 Korintus 5:17).

Beberapa Hal Untuk Diperhatikan


- Beritahu seorang anak bahawa bertaubat bererti menukarkan fikiran kita. Pertama, kita mesti berubah fikiran dan berkeputusan siapa yang akan mengawal kehidupan kita. Biar Allah mengawal kehidupan kita dan bukan diri kita sendiri.
- Kita bersedih atas dosa kita kerana dosa kita yang menyebabkan Tuhan Yesus mati di kayu salib. "Tetapi dia tertikam oleh kerana pemberontakan kita, dia diremukkan oleh kerana kejahatan kita; ganjaran yang mendatangkan penyelamatan bagi kita ditimpakan kepadanya, dan oleh bilur-bilurnya kita menjadi sembuh" (Yesaya 53:5).

- Kita membenci akan dosa dan berpaling daripadanya. Kita tidak akan berjalan di dalamnya lagi kerana kita akan berjalan bersama dengan Tuhan Yesus. "Tetapi kenakanlah Tuhan Yesus Kristus sebagai perlengkapan senjata terang dan janganlah merawat tubuhmu untuk memuaskan keinginannya" (Roma 13:14).
- Biar hidup kita dikuasai oleh Roh Kudus kerana kita memerlukan Roh Kudus untuk menguatkan kita untuk hidup menurut firman Tuhan.
- Guru-guru boleh memberi seorang anak borang untuk mengakui pertaubatan yang benar.

1. *Saya jelas dengan dosa yang perlu saya akui_____*
2. *Saya akan meminta Allah untuk menyelidiki hati saya_____*
3. *Saya akan meminta Allah untuk selalu berada dalam sikap pertaubatan_____*
4. *Saya akan menangis kepada Tuhan untuk belas kasihan dan berpaling dari dosa saya_____*
5. *Saya meminta Tuhan Yesus untuk bertakhta di hati saya sebagai Raja_____*

Kaunseling Untuk Pertaubatan

Kita harus menyedari bahawa kita berada dalam hadirat Allah dan merasa sedih atas dosa kita. Kita berpaling dari jalan sendiri dan mengikut Jalan Allah. Kita tidak mementingkan diri sendiri lagi, dan mementingkan diri sendiri. Adakah awak menyesal kerana berjalan ke arah yang berlawanan? Sudikah awak datang ke hadirat Tuhan dan meminta-Nya untuk mengampuni anda? Beritahu dia bahawa awak bersedia untuk menurut jalan-Nya.



Anda boleh mengajukan beberapa pertanyaan:

- a. *Sediakah awak meninggalkan dosa awak?*
- b. *Jika awak menerima Yesus Kristus, adakah awak sedia tinggal dalam ketaatan kepada-Nya?*
- c. *Sediakah awak memberitahu Tuhan Yesus bahawa awak bersedia berpaling daripada dosa seperti perasaan marah, mencuri atau membuli orang lain?*
- d. *Sediakah awak membiarkan Tuhan Yesus mengawal segala tingkah laku anda?*
- e. *Sudikah awak hidup baru bagi Tuhan?*

Kaunseling Pertumbuhan

Seorang anak mungkin merasa bersalah kerana berdosa lagi walaupun dia sudah menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat. Dia mungkin bertanya, "Perlukah saya berdoa agar Tuhan mengampuni saya setiap kali saya berbuat salah? Adakah Tuhan masih izin saya ke syurga kalau saya berbuat sesuatu kesalahan?" Berilah jaminan kepada seorang anak bahawa "Kerana dengan hati seorang percaya dan dibenarkan, dan dengan mulut orang mengaku dan diselamatkan" (Roma 10:9).

Jelaskan bahawa kalau dia sudah sungguh-sungguh mengakui dosa dia sudah diselamatkan. Kalau kita berbuat sesuatu yang tidak berkenan kepada Tuhan, kita meminta pengampunan dan lebih peka lagi agar tidak berbuatya lagi. Tuhan adalah setia dan dia akan mengampuni setiap dosa, "Jika kita mengaku dosa kita, maka Dia adalah setia dan adil, sehingga Dia akan mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahatan" (1 Yohanes 1:9).

11

Permuridan

Pemuridan


Guru-guru sekolah minggu boleh meminta kerjasama daripada ibu bapa kanak-kanak yang sudah beriman. Ibu bapa mereka patut mengetahui anak mereka sudah menerima Kristus sebagai Tuhan. Ajak mereka turut memberi bimbingan seperti mengadakan renungan bersama anak mereka, membaca Alkitab bersama, berdoa atau membaca buku-buku rohani bersama.

Apabila seorang anak sudah membuat keputusan untuk mengikut Kristus, seorang guru tidak boleh menganggap tugasnya sudah selesai. Berikan anak ini senaskah Alkitab dan mengajar dia membaca kitab yang lebih pendek dalam Perjanjian Baru. Juga, cari beberapa ayat yang penting baginya. Jalinkan persahabatan dengan anak itu dan galakkannya untuk bertumbuh dalam Kristus.

Bimbingan yang selanjutnya melibatkan kemahiran membaca dan mengaji firman Tuhan. Selain itu, anak-anak perlu mempelajari kepentingan kehidupan berdoa yang berdisiplin dan tetap; bersaksi kepada orang lain mengenai Allah dalam kehidupan mereka, menghadapi dosa dan berhubungan dengan orang lain dengan cara yang salih dan dengan kasih Tuhan.

Erti Mengikut Yesus

Kita tidak boleh beranggapan bahawa penginjilan kanak-kanak hanya sekadar meminta mereka menerima Tuhan Yesus atau berdoa doa pendosa kerana kita juga harus menolong mereka memulakan perjalanan hidup sebagai murid Tuhan Yesus. Bill Hull memerhatikan dengan tepat bahawa "Apabila Yesus memerintah kita untuk "jadikan murid" dia bermaksud lebih daripada anggota gereja. Dia bererti memikul



kayu salib dan mengikut-Nya setiap hari. Kita telah beratusan tahun dengan beratusan ahli teologi mengurangi kepentingan hal yang jelas ini. Gereja hanya berfokus menarik orang untuk mengucapkan satu doa dan mengikut satu formula teologi. Kita berfokus pada usaha menyuruh manusia menandatangani untuk mendapat pengangkutan ke syurga tanpa perjalanan pemuridan. Tidak dapat disangkal lagi ini adalah akibat kebudayaan pengguna zaman kita. Pertaubatan, panggilan dasar Kristus untuk Diri-Nya, dan mengikut-Nya telah dilucutkan.”²⁰ (Hull 2007, 14).

Bimbingan Yang Berfokus Kepada Yesus

Bimbingan selanjutnya harus bertujuan menolong seorang anak untuk berjalan dengan lebih intim bersama Tuhan Yesus. Kita perlu menolong mereka berkenalan dengan Tuhan Yesus. Bimbingan selanjutnya bukan ajaran-ajaran moral yang perlu diterapkan dalam kehidupan seorang anak. Tanpa perhubungan hidup bersama dengan Tuhan, seseorang anak akan menurut ajaran tetapi imannya tidak hidup.

Katherine berkata dengan tepat, “Sasaran pembentokan rohani ialah pendewasaan iman dan persahabatan akrab dengan Tuhan Yesus serta menjadi lebih menyerupai Tuhan Yesus dalam kehidupan sehari-harian di dunia ini. Kehidupan rohani haruslah menolong seseorang membuka diri kepada Tuhan dan merobohkan segala yang menghalangi pengertiannya terhadap Tuhan. Kerohanian melibatkan manusia yang seutuhnya berhubungan dengan Tuhan dan bukan hanya melekat kebenaran pada kehidupan kita. Kerohanian yang benar mempunyai kesan atas seluruh kehidupan seseorang dan boleh diungkapkan melalui keperibadiannya dalam perhubungan.”²¹ (Stonehouse 1998, 21)

Tiga Hal Yang Penting

Tiga hal penting yang perlu diketahui oleh seorang anak dan mesti diperhatikan oleh ibu bapa dan guru-guru.

1. Penyerahan Diri


Kita menyerahkan diri kita yang sepenuhnya kepada Tuhan Yesus kerana Tuhan Yesus telah membeli kita dengan darah-Nya. "Sebab kamu tahu, bahawa kamu telah ditebus dari cara hidupmu yang sia-sia yang kamu warisi dari nenek moyangmu itu bukan dengan barang yang fana, bukan pula dengan perak atau emas, melainkan dengan darah yang mahal, iaitu darah Kristus yang sama seperti anak domba yang tidak bernoda dan tak bercacat" (1 Petrus 1:18). "Kerana itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah" (Roma 12:1). Kita selalu mengundang Tuhan Yesus menjadi Raja di takhta hati kita.

2. Tuhan Yesus ialah Tuan Kita

Dosa dan iblis bukanlah tuan kita lagi. Tuan hidup kita ialah Tuhan Yesus dan kita harus dikuasai oleh-Nya. "Sebab untuk itulah Kristus telah mati dan hidup kembali, supaya Dia menjadi Tuhan, baik atas orang-orang mati, mahupun atas orang-orang hidup" (Roma 14:9). "Kerana itu, tunduklah kepada Allah, dan lawanlah iblis, maka ia akan lari daripadamu" (Yakobus 4:7).

3. Hidup Bagi Yesus

Kita tidak lagi hidup untuk diri sendiri tetapi hanya untuk Yesus Kristus, "Dan Kristus telah mati untuk semua orang, supaya mereka yang hidup, tidak lagi hidup untuk dirinya sendiri, tetapi untuk Dia, yang telah mati dan telah dibangkitkan untuk mereka" (2 Korintus 5:15).



Contoh Ajaran Tentang Takhta Hati kita




Hatiku Takhta Tuhan Yesus (Roma 12:1-3)

Kita tahu takhta merupakan tempat indah yang diduduk oleh seorang raja dan dari sana, dia memerintah rakyatnya. Nabi Yehezkiel pernah melihat takhta Allah yang kelihatan seperti permata lazuardi (permata yang berwarna biru tua) dan pelangi yang mewarninya kemuliaan Allah. Di sana juga banyak makhluk syurgawi yang melayani dan mendengar Allah yang memerintah dari takhta-Nya (Yehezkiel 1).

Bayangkan hati kita seperti takhta Tuhan Yesus kerana kita mengundang Dia untuk datang dan menguasai kita sebagai Raja kita. Kita tidak akan duduk di takhta hati kita sendiri kerana kita tidak mahu hanya mengikut kehendak sendiri melainkan kehendak Allah dalam hidup kita. Kalau kita selalu menurut diri sendiri, kesukaan sendiri, keinginan sendiri, atau keinginan kawan-kawan kita maka kita tahu kita tidak membiarkan Tuhan Yesus menjadi raja takhta kita. Selain itu, iblis juga berminat menguasai hati kita. Kalau Tuhan Yesus tidak bertakhta di sana, iblis akan mencari kesempatan untuk berbohong kepada kita. Iblis akan menyuruh awak membuli kanak-kanak lain di sekolah kamu atau menipu guru kamu. Kalau Raja Yesus bertakhta di hati kamu, iblis tidak berani mendekati awak. Tambahan, awak boleh mengusir iblis dengan kuasa Tuhan Yesus.

Kalau Tuhan Yesus bertakhta di hati awak, awak akan menjadi lebih mengasihi, lebih sabar, lebih berbelas kasihan, dan lebih lemah lembut. Semakin awak membaca Alkitab, bercakap dengan Tuhan Yesus, semakin awak akan rindu membiarkan Tuhan Yesus bertakhta di hati awak. Semakin Tuhan Yesus bertakhta di hati awak, semakin awak akan mempercayai Dia dalam segala yang awak lakukan dalam hidup awak. Awak juga akan menjadi anak yang lebih gembira kerana Tuhan Yesus adalah Raja anda.

- a. *Apabila Tuhan Yesus duduk di takhta hati awak, apakah yang akan terjadi kepada diri awak?*
- b. *Mengapakah kita perlu membiarkan Tuhan Yesus memerintah sebagai Raja dalam takhta hati kita?*
- c. *Bagaimanakah anda menjamin Tuhan Yesus duduk di takhta hati awak?*




Ajaran Tentang Tuhan Yesus Dalam Hidup

Ajaran harus berfokus kepada Tuhan Yesus bukan sekadar ajaran dalam bentuk moral sahaja. Guru mesti mengajar kanak-kanak memupuk kehidupan iman yang hidup bersama dengan Tuhan Yesus.


Contohnya sewaktu seorang guru sedang mengajar tentang Petrus, dia tidak hanya menyampaikan peristiwa-peristiwa yang terjadi kepada Petrus dan Tuhan Yesus. Penekanan guru harus kepada perihal pemerintahan Allah dan makna Allah yang Maha Kuasa dalam kehidupan Petrus. Bimbinglah seorang anak dengan cara yang memungkinkan dia melihat Tuhan dengan jelas dan menemukan Diri-Nya dalam kehidupannya.

1. Panggilan Petrus (Lukas 5:1-11)	Mengikut Tuhan Yesus
2. Menenangkan badai (Mat. 14:22-36)	Tuhan Yesus Maha Kuasa
3. Transfigurasi (Lukas 9:28-36)	Tuhan Yesus adalah Anak Ilahi
4. Petrus di Pentakosta (Kis.Para Rasul 2:1-41)	Roh Kudus mengubah saya
5. Petrus dibebaskan (Kis.Para Rasul 12:1-19)	Tuhan berkuasa



Ibu bapa dan guru-guru perlu berfokus kepada sifat Tuhan sewaktu memberi bimbingan atau mengajar agar anak-anak mengenal Dia. Kebenaran tertinggi yang perlu diketahui oleh seorang anak ialah cara Allah berhubungan dengan manusia dan hal ini berkaitan erat dengan sifat-Nya. Guru-guru harus mengajar dengan cara yang praktis sehingga seorang anak boleh bertumbuh seperti Tuhan Yesus. Seorang guru boleh merancang satu siri pelajaran untuk mengajar tentang sifat Allah.

1. Ciptaan (Kej. 1,2)	Pencipta Kreatif yang Maha Kuasa
2. Pemberian Sepuluh Hukum (Kel.19&20)	Tuhan adil dan penuh kasih
3. Kebun Anggur Nabot (1 Raja-Raja 21)	Tuhan menghukum orang yang kejam
4. Yunus (1-4)	Tuhan Maha Tahu
5. Kelahiran Kristus (Mat. 1:18-25)	Tuhan menjelma dalam bentuk manusia
6. Penyaliban (Mat. 27:27-41)	Tuhan Maha Kasih
7. Kebangkitan (Mat.28:1-10)	Tuhan Pemenang



Cara Berfokus Kepada Allah Sewaktu Mengajar Yunus



Yunus


Cerita Yunus bukanlah tentang seekor ikan paus. Ceritanya juga bukan tentang Yunus dan seekor ikan besar tetapi ceritanya tentang Yunus dan Allah.

Allah memanggil Yunus untuk pergi berkhotbah kepada penduduk Ninewe supaya mereka bertaubat dari kejahatan mereka. Yunus tidak suka akan penduduk Ninewe. Yunus tidak suka penduduk Ninewe kerana mereka pernah melakukan kejahatan terhadap umat Tuhan di Israel. Jadi Yunus tidak berjalan 550 batu ke Ninewe tetapi dia berjalan setengah hari ke Yoppa dan berlayar dengan sebuah kapal ke arah berlainan, ke kota Tarsis. Yunus terlupa bahawa Allah adalah Allah yang Maha Tahu. Semakin kapal itu berlayar, semakin gembira hati Yunus kerana dia berfikir dia semakin jauh dari Ninewe dan Allah. Yunus lupa bahawa Allah Maha Hadir dan Maha Tahu. Dengan muka yang tersenyum lega, Yunus pun tidur nyenyak.

Tuhan yang Maha Kuasa mengirim satu ribut kencang di lautan sehingga badai dan ombak ganas menerpa kapal Yunus. Semua anak kapal menjadi sangat takut kerana kapal mereka terombang-ambing. Ombaknya bagai harimau ganas yang akan mencengkam mereka. "Pasti ada seseorang dalam kapal ini telah membuat tuhan mereka marah!" Mereka semua berdoa memohon agar tuhan mereka menenangkan lautan tetapi Yunus sedang tidur. Kapten Kapal membangunkan Yunus, "Bangunlah! Kita dalam keadaan bahaya. Doa kepada Allahmu, Dia mungkin akan menyelamatkan kita!"

Apabila ombak tidak berhenti, mereka berkeputusan membuang undi untuk mengetahui siapa pembawa bencana ini. "Marilah kita buang undi, supaya kita mengetahui kerana siapa kita ditimpa malapetaka ini!" (Yunus 1:7). Yunus menjelaskan segala sesuatu yang terjadi dan mengakui bahawa Allahnya ialah Allah lautan dan darat. "Campakkan aku ke dalam lautan dan badai pasti reda!" kata Yunus. Yunus menyedari bahawa Allah Maha Kuasa bahkan kuasa alam di bawah telunjuk jari-Nya.

Allah mengirim seekor ikan untuk menelan Yunus. Yunus berada dalam perut ikan selama tiga hari dan tiga malam. Yunus menyedari Allah kita Maha



Hadir dan Maha Tahu, dia tidak dapat melarikan diri daripada-Nya. Yunus pun berdoa, "Dalam kesusahanku aku berseru kepada TUHAN, dan Dia menjawab aku, dari tengah-tengah dunia orang mati aku berteriak. Dan kaudengarkan suaraku" (Yunus 2:1). Dia menyadari Allah itu Maha Hadir dan Maha Tahu, dan Dia akan mendengar doa permintaan untuk pertolongan walaupun dari perut ikan. Yunus bernazar akan mengikut perintah Allah dan ikan itu pun memuntahkan Yunus ke darat.

Yunus menyadari bahawa Allah memang Maha Hadir, Maha Tahu dan Maha Kuasa sehingga ombak dan ikan pun tunduk kepada-Nya. Namun satu aspek yang perlu dialami oleh Yunus ialah Allah itu juga Maha Kasih. Dia sangat mengasihi penduduk Niniwe sekalipun mereka sangat jahat. Allah terpaksa mengajar Yunus. Di tengah-tengah keterikan matahari, Allah menumbuhkan sejenis tanaman yang menjalar untuk menaungi Yunus dari matahari. Yunus sangat sukacita akan pohon itu. Namun, keesokannya seekor ulat menyerang pokok ini sehingga layu. Yunus sangat kecewa dan berkata, "Lebih baiklah aku mati daripada hidup" (Yunus 4:8).

Allah menjelaskan kepada Yunus bahawa tumbuhan ini bertumbuh dalam satu hari dan layu pada keesokan. Yunus sama sekali tidak payah mengurusnya namun dia merasa sayang akan tumbuhan ini. Allah menjelaskan Dia jauh mengasihi 120,000 penduduk Niniwe yang tidak tahu membezakan yang baik dan jahat. Yunus menyadari Allah sungguh baik dan mengasihi manusia yang baik.


Allah sangat mengasihi manusia berdosa. Dia sanggup menyerahkan anak-Nya yang tunggal walaupun kita sungguh jahat. Dia memberi Tuhan Yesus yang datang ke dunia ini untuk menyelamatkan manusia yang berdosa. Kalau kita rela bertaubat, Tuhan Yesus akan mengampuni dosa kita dan memberi kita kehidupan yang baru. Dia akan memberi kita peluang untuk menjadi anak-Nya dan mengalami kasih-Nya.

Ajaran Buah-Buah Roh Kudus Yang Berfokus Kepada Allah

Penjelasan buah-buah Roh Kudus bukan hanya berpusat pada sifat-sifat baik yang perlu dimiliki. Pengajarannya harus menitik beratkan buah-buah Roh Kudus yang bersumber daripada Allah akibat perhubungan akrab dengan-Nya. Kita bukan mengajar ajaran moral yang dikemukakan guru-guru hebat zaman dahulu melainkan Roh Kudus yang hidup dalam kehidupan anak-anak. "Tetapi buah Roh Kudus ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal ini" (Galatia 5:22-23).

Hidup tanpa Roh Kudus memang sulit, demikian juga seorang anak akan berkesulitan hidup berkenan kepada Tuhan tanpa kehadiran Roh Kudus. Ingat Allah juga memberi Roh Kudus kepada kanak-kanak kecil. "Akan terjadi pada hari-hari terakhir-demikianlah firman Allah-bahawa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia; maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat, dan teruna-terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan, dan orang-orangmu yang tua akan mendapat mimpi" (Kisah Para Rasul 2:17).

- a. *Kasih-Jelaskan kepada seorang anak bahawa kasih itu datang daripada Allah dan sesiapa yang dilahirkan daripada Allah, mengenal Allah, dan akan saling mengasihi (1Yohanes 4:7-12). Kita mengasihi orang lain kerana Allah terlebih dahulu mengasihi kita dan juga kita diciptakan dalam imej-Nya. Kita juga mengambil sifat kasih-Nya. Walaupun kawan-kawan kita sungguh berbeza dengan kita, kita tetap mengasihi mereka kerana Allah kita kasih.*
- b. *Kesetiaan-Kanak-kanak perlu mempelajari kesetiaan kepada Allah dengan komitmen yang terus menerus kepada Allah. Mereka perlu mengetahui tentang sifat Allah yang setia dan Dia tidak pernah berubah. Kita juga melahirkan kesetiaan sebagai salah satu buah Roh Kudus seperti sifat Allah (Ulangan 7:9; Gal. 6:9). "Sebab itu haruslah kau ketahui, bahawa TUHAN Allahmu, Dialah Allah, Allah yang setia, yang memegang perjanjian dan kasih setia-Nya terhadap orang yang kasih kepada-Nya dan berpegang pada perintah-Nya, sampai kepada beribu-ribu keturunan" (Ulangan 7:9).*



- c. Damai- Ingatkan kanak-kanak agar mereka dipenuhi dengan Roh Kudus. Minta mereka serahkan segala sesuatu kepada Allah yang akan memberi mereka damai yang sempurna dan kuasa. “Yang hatinya teguh Kaujagai dengan damai sejahtera, sebab kepada-Mulah dia percaya ” (Yesaya 26:3).
- d. Kebaikan ialah memilih yang baik. Allah kita baik dan kita memancar kebaikan-Nya. Kita boleh bertumbuh dalam kebaikan-Nya dengan membaca firman-Nya dan menjadi peka terhadap suara-Nya, “TUHAN itu baik; Dia adalah tempat teguh pada waktu kesusahan; Dia mengenal orang-orang yang berlindung kepada-Nya” (Nahum 1:7).

Pengajaran Tentang Roh Kudus

Contoh 1

Roh Kudus Penolong Kita

Yohanes 16:4-17, Galatia 5:22-23

Roh Kudus tinggal dalam hati kita kalau kita sudah menjadi anak Allah dan menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat. Roh Kudus selalu memberitahu perkara-perkara tentang Tuhan melalui Alkitab. Diasahabat yang membimbing kita setiap hari.

Rasul Paulus seorang pemimpin Kristian yang rajin memberitakan kasih Tuhan Yesus kepada banyak orang di pelbagai tempat. Apabila dia berkhotbah tentang kematian, penguburan, dan kebangkitan Tuhan Yesus, banyak orang akan mempercayai Tuhan Yesus. Rasul Paulus juga mengajar mereka cara hidup yang menggembirakan hati Tuhan Yesus.

Setelah Rasul Paulus pergi ke tempat lain, anggota gereja Galatia lupa cara hidup yang menggembirakan hati Tuhan. Mereka bergaduh, cemburu

dan masing-masing mementingkan diri sendiri. Apabila Rasul Paulus mendengar akan hal ini, segera dia menulis sepucuk surat kepada mereka. Surat itu bernama Surat Galatia.


Dalam surat ini Rasul Paulus juga menjelaskan bagaimana Roh Kudus boleh menolong mereka. Mereka harus berjalan dalam Roh Kudus dan tidak menurut keinginan sendiri. Jika mereka berjalan dalam Roh Kudus, mereka juga akan membuahkan buah-buah Roh Kudus.

Apakah makna membuahkan buah-buah Roh Kudus?

Jika awak menanam benih durian tentu awak mengharapkan pokok durian membuahkan buah-buah durian yang sedap bukan? Tentu anda tidak menduga buah rambutan yang masam akan dihasilkannya. Jika Roh Kudus memenuhi hati kita, buah-buah daripada Roh Kudus ialah kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemah lembutan, dan penguasaan diri (Galatia 5:22).

Kalau kita menurut keinginan sendiri dan bukan Roh Kudus, kita akan dipenuhi dengan perasaan cemburu, kebencian, kemarahan dan segala yang tidak menggembirakan Allah. Jadi, kita mesti berjalan dalam Roh Kudus. Kita tidak dapat hidup untuk Allah tanpa Roh Kudus. Roh Kudus memberi kita kuasa untuk menghasilkan buah-buah Roh Kudus.

Doa: Roh Kudus, tolonglah saya memahami firman Allah dan berjalan menurut cara Allah. Tolonglah saya berjalan dengan-Mu dan membuahkan buah-buah Roh Kudus dalam hidup saya. Saya memohon Engkau memenuhi hati saya. Dalam nama Tuhan Yesus yang kami sembah. Amin.



Pengajaran Peranan Roh Kudus

Contoh 2

Roh Kudus (Kisah Para Rasul 2:1-13)

Kenalkah awak siapa Roh Kudus? Kita belajar bahawa Roh Kudus ialah salah satu Oknum dalam Tritunggal. Dalam Tritunggal ada tiga Oknum: Bapa, Anak, dan Roh Kudus namun semuanya satu. Sebelum dunia ini diciptakan, Roh Kudus melayang-layang di atas permukaan air (Kejadian 1:2).

Tuhan Yesus sudah memberitahu para murid-Nya tentang Roh Kudus sebelum Dia mati di kayu salib. Dia tidak mahu para murid-Nya sedih dan tinggal sebagai anak yatim. Dia akan kembali ke syurga bersama dengan Bapa-Nya tetapi Dia akan mengutus Roh Kudus ke dunia ini. Kata-kata Tuhan Yesus bukan kata-kata manis sahaja, sepuluh hari setelah keberangkatan-Nya ke syurga, Roh Kudus turun ke atas murid-murid-Nya.

Ketika semua murid sedang berkumpul bersama-sama pada hari pentakosta, Roh Kudus datang. Roh Kudus datang seperti tiupan angin keras dan memenuhi seluruh rumah. Mereka juga melihat Roh Kudus seperti nyala api hinggap pada mereka dan mereka berbahasa asing yang tidak pernah dipertuturkan mereka. Roh Kudus tinggal dalam diri mereka sejak hari itu sehingga mereka dipenuhi dan diberi kuasa untuk memberitakan kasih Tuhan, menyembuh mereka yang sakit, bahkan membangkitkan orang yang mati. Petrus yang pernah menyangkal Tuhan Yesus menjadi begitu berani sehingga apabila dia berkhotbah tiga ribu orang percaya kepada Tuhan. Roh Kudus memberi mereka kegembiraan sehingga mereka menyanyi dan membaca firman Tuhan selalu.

Roh Kudus selalu berada dalam hati kita dan memberi kita kuasa untuk hidup bagi Tuhan. Dia juga menolong kita untuk berdoa apabila kita tidak tahu apa yang harus kita doakan. Roh Kudus di dalam kita kadangkala mengeluh kerana tiada perkataan dapat menggambarkan perkataan yang ingin kita curahkan kepada Allah. Kalau kita memerlukan bantuan untuk memahami Alkitab, kita boleh meminta pertolongan Roh Kudus.

Roh Kudus juga memberi kita kuasa sewaktu kita memberitakan Tuhan Yesus. Roh Kudus akan menolong mereka yang mendengar tentang kematian dan kebangkitan-Nya agar mereka dapat diselamatkan. Hanya Roh Kudus dapat memberi manusia hati yang baru setelah mereka mempercayai kepada Tuhan Yesus.


Pengajaran Yang Tulus

Jangan menukarkan semua tokoh dalam Alkitab menjadi sifat dongeng yang tiada kelemahan atau cabaran manusiawi. Ajaran kita seharusnya memampukan seorang anak melihat bagaimana mereka dapat menjunjung Tuhan di tengah-tengah kelemahan dan cabaran hidup. Alkitab mencatat bagaimana tokoh-tokoh Alkitab dibentuk melalui pelbagai ujian contohnya Yusuf. Kalau kita hanya mengajar kecemerlangan tokoh-tokoh ini, kita tidak dapat menolong seorang anak berjalan dengan hidup bersama Tuhan. Mereka perlu melihat bagaimana pahlawan menghadapi kegagalan mereka, memberi respon mereka dan melihat sifat Tuhan melaluinya.

"Kita melihat Daud berperang dengan Goliat tetapi kita tidak melihat dia menangisi Absalom. Kita melihat Abram sedang melihat bintang-bintang dengan beriman tetapi kita tidak melihat bagaimana dia berpura-pura bahawa Sarah bukan isterinya tetapi adiknya. Kita melihat Gideon memenangi perang, tetapi kita tidak melihat bahawa dia memerlukan keyakinan daripada dua set bulu domba. Cerita-cerita ini boleh ditukarkan menjadi satu set cerita fairs yang hanya dapat memberi sedikit kebergunaan dalam pembentukan iman yang dewasa. Ingat, cerita-cerita dalam Alkitab jauh lebih besar daripada cerita moral yang mudah." ² (Keeley 2008, 83).

Perhubungan Yang Hidup

Membimbing anak-anak yang sudah percaya bukan sekadar mengajar mereka menjadi baik. Mengajar iman hidup lebih susah daripada mengajar anak menjadi baik namun cara pengajaran ini meletakkannya di perjalanan pertumbuhan yang



benar. Ajarlah seorang anak menikmati kegembiraan, ketenangan dan kepuasan berada dalam hadirat Tuhan. Mengambil keputusan baik, memilih keputusan moral baik yang didasarkan kekuatan sendiri berlainan daripada kebaikan yang berpunca daripada kasih mereka akan Tuhan.

Pengajaran kita bukan "Jangan Lupa Jadi Baik Ya" atau "Jadi baik ya." Nasihat seperti ini tidak memberi sebab munasabah bagi seorang anak untuk hidup berkenan kepada Allah. Satu tema penting dalam Perjanjian Lama ialah "Jangan Lupa" namun jangan lupanya ialah "Jangan Lupa akan Tuhan Allahmu."

"Ingatlah kepada seluruh perjalanan yang kaulakukan atas kehendak TUHAN, Allahmu, di padang gurun selama empat puluh tahun ini dengan maksud merendahkan hatimu dan mencubai engkau untuk mengetahui apa yang ada dalam hatimu, yakni, apakah engkau berpegang pada perintah-Nya atau tidak...tetapi hanya oleh nenek moyangmulah hati TUHAN terpikat sehingga Dia mengasihi mereka, dan keturunan merekalah, yakni kamu, yang dipilih-Nya daripada segala bangsa, seperti sampai sekarang ini" (Ulangan 8:2, Ulangan 10:15).

Dalam Perjanjian Lama, ibu bapa berfokus kepada Tuhan sebagai pusat pengajaran iman. Banyak ajarannya ialah "jangan lupa Tuhan Allahmu." Apakah yang harus kita ingat?

- *Jangan lupa mengasihi Tuhan dengan menjunjung dan memelihara perintah-Nya. Kita mengasihi-Nya dengan menurut perintah-Nya.*
- *Jangan lupa Tuhan khususnya bimbingan dan pertolongan-Nya pada waktu susah.*
- *Jangan lupa Tuhan atas pelepasan dan penyelamatan-Nya. Ajarlah kanak-kanak selalu bersyukur atas penyelamatan-Nya.*
- *Jangan lupa kasih-Nya. Beritahu anak-anak bahawa dia diciptakan dalam kasih, dia dilahirkan kembali, dan diselamatkan dengan kasih.*

Jelas kepada kanak-kanak bahawa kasih Tuhan adalah seperti kasih ibu bapa kita. Ibu bapa kita mengasihi kita walaupun kasih kita tidak sempurna tetapi kita berada dalam proses pertumbuhan. Kita akan mengasihi Tuhan kita dengan segenap fikiran dan jiwa kita. Selalu ingatkan seorang anak, "Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu" (Ulangan 6:5). "Lihat betapa besar kasih Bapa Syurgawi akan kita sehingga Dia memberi kita hak menjadi anak-Nya" (1 Yohanes 3:1).


Mengajar Tentang Pengampunan

Pengampunan Daripada Tuhan

Allah ingin kita mengasihi Dia dengan sepenuh hati dan jiwa kita, dan mengasihi orang lain seperti kita mengasihi diri kita. Namun, kadangkala kita lupa mengasihi Allah dan manusia sehingga kita berbuat sesuatu yang mementingkan diri. Kita tidak memikirkan kesusahan ibu dan bapa kita. Walaupun mereka tidak kaya, kita menuntut memakan Mc. Donald's. Kita lupa mengasihi mereka dan tidak bersikap bertimbang rasa. Kita menjadi marah dan muka kita menjadi seperti betik. Bagai lalang, dosa ini akan bertumbuh dalam lapangan hati kita.

Dosa adalah bagai lalang. Kita perlu mencabut lalang ini daripada hati kita. Allah akan mengampuni dosa kita dan mengajar kita untuk bertumbuh dalam kasih-Nya. "Jika kita mengaku dosa kita, maka Dia adalah setia dan adil, sehingga Dia akan mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahatan" (1 Yohanes 1:9).

Ingat, kalau kita berdosa, cabutlah lalang itu, dan biar bunga-bunga kebaikan Allah bertumbuh dalam kehidupan kita lagi. Mintalah pengampunan dan pertolongan Allah untuk hidup dalam kuasa Roh Kudus dan mengatasi dosa awak. Minta Allah untuk memenuhi hati kita dengan kasih-Nya. Ayat-ayat Alkitab yang boleh anda gunakan: 1 Yohanes 4:19; Yohanes 15:12; Efesus 6:10.



Pengampunan Terhadap Sesama

Efesus 4:32 "Tetapi hendaklah kamu ramah seorang terhadap yang lain, penuh kasih mesra dan saling mengampuni, sebagaimana Allah di dalam Kristus telah mengampuni kamu."

Apakah yang awak lihat dalam gambar ini? Ya, seorang kawan telah merosakkan boneka awak. Adakah awak akan menjadi sangat marah dan membalas dendam? Awak mungkin akan memecahkan tangan boneka juga sebagai balasan. Mungkin awak mahu mengambil bonekanya sebagai gantian boneka awak.

Namun, Tuhan tidak ingin awak bertindak begitu. Dia tidak ingin awak membalas setimpal atau berbuat sesuatu untuk melukai orang lain. Mengampuni orang yang melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap awak memang tidak mudah. Kehendak Allah ialah selalu mengampuni orang lain.

Alkitab memberitahu kita tentang seorang budak lelaki yang mengikut sikap dan sifat Tuhan yang selalu mengampuni. Yusuf mempunyai sepuluh adik beradik yang tidak menyayanginya malah selalu merasa cemburu kerana bapa mereka Yakub sangat mengasihi Yusuf. "Bapa memang pilih kasih dan hanya mengasihi Yusuf," kata mereka.

Kadangkala Yusuf memberitahu bapanya tentang kesalahan mereka. Ini membuat mereka lebih marah lagi. Pada suatu hari bapanya menyuruh Yusuf untuk melihat keadaan abang-abangnya yang agak jauh dari rumah kerana mereka telah pergi mencari rumput bagi domba-domba mereka. Apabila abang-abangnya menampak Yusuf sedang mendekati mereka, mereka merancang untuk menghapuskannya. Mereka mencampakkan Yusuf ke dalam satu lubang yang dalam dan gelap.

Apabila mereka melihat sekumpulan pedagang menghampiri mereka, suatu pendapat timbul. "Mari kita menjualkan Yusuf agar dia akan dibawa ke tempat yang jauh dan tidak akan dilihat lagi." Namun tangan Tuhan selalu di atas kehidupan Yusuf dan tidak pernah meninggalkan dia. Kemudian, Yusuf


menjadi gabenor Mesir. Dia diutus oleh Tuhan untuk menolong mereka menyimpan gandum pada waktu kebuluran. Apabila abang-abangnya datang ke Mesir untuk meminta pertolongan, mereka tidak tahu Yusuf sudah menjadi gabenor.

"Akulah Yusuf! Masih hidupkah bapa?" Tetapi abang-abangnya sungguh takut dan gementar menghadapinya. Namun Yusuf yang penuh dengan kasih sayang memanggil mereka, "Marilah dekat-dekat." Dia mengampuni mereka dan menghibur mereka serta menyuruh mereka untuk tidak susah hati. Kasih sayang dan sikap yang selalu mengampuni telah menyatukan Yusuf sekeluarga dan menghapuskan kesalahan masa lampau.



12

Tinggal Dalam Kristus




Anak-anak perlu diajar tentang bagaimana boleh tinggal dalam Kristus dalam kehidupan sehari-harian mereka. Bab ini akan menceritakan satu contoh ajaran yang diambil daripada cerita Evan Hopkins. Evan Hopkins, pernah mengajar bagaimana tinggal dalam Kristus kepada anaknya Evan. Evan Junior telah menerima Kristus sejak dia berumur enam tahun dan bapanya ingin dia memahami apa ertinya tinggal dalam Kristus.

Dia memanggil anaknya lalu mengambil sekeping kad, dan melukiskan satu lingkaran yang besar padanya. Dalam lingkaran itu termuat semua hal tentang Kristus kepada kita (di luar tercatat semua yang bertentangan dengan hidup yang berkenan kepada Kristus). Dia meletakkan penselnya pada pusat lingkaran ini dan berkata kepada anaknya, "Lihat anakku, aku ingin kamu seperti pensel ini yang berada dalam lingkaran ini. Di dalam sini, awak akan menemui segala yang membuat awak bahagia, penuh kasih, dan ketaatan. Tetapi lihat ada pintu-pintu kecil di sekeliling dan kalau awak keluar ke salah satu pintu ini, inilah waktu awak menjadi nakal.

Evan Junior begitu gembira sehingga dia menjelaskan kepada orang lain mengenai apa yang baru didengarnya. Dia membawa kad ini sehingga dia boleh menjelaskan ertinya tinggal dalam Kristus dan bagaimana dia tinggal dalam-Nya. Tetapi suatu hari, Evan Junior kembali sambil menangis. Apabila ayahnya menanyakan kenapa dia menangis, dia berkata, "Saya sudah keluar daripada lingkaran ini. Dia telah berbuat sesuatu kesalahan dan dia takut dia tidak dapat kembali ke dalam lingkaran itu.

Bapa itu berlutut bersama anaknya seraya bertanya, "Anakku, beritahu ayah, lubang manakah kau keluar?" Anak itu menunjukkan kepada Bapanya. "Kalau begitu, sama seperti cara kamu keluar, begitu juga kamu akan masuk ke dalamnya. Dan cara untuk kembali ialah mengakui dosa awak kepada Allah. Saat awak berbuat demikian, Allah akan mengampuni dosa awak dan awak akan tinggal dalam Kristus." Budak kecil ini merasa sungguh gembira mendengarnya!




Memuliakan Tuhan

Ajarlah kepada anak anda bahawa tujuan utama dalam kehidupan mereka adalah memuliakan Tuhan dan menikmati-Nya selama-lama-Nya.

Menurut katekisme Westminster, setiap manusia mempunyai sebab untuk keberadaannya sebagai manusia. Matlamatnya tidak dapat diperoleh daripada dirinya sendiri. Ini disebabkan manusia diciptakan oleh Allah menurut imej-Nya. Dan manusia, seperti yang diciptakan pada asalnya, adalah imej Allah yang sebenarnya dan fikiran mereka berpusat kepada Allah dan bukan diri sendiri. Fikirannya yang satu-satunya ialah melayani Allah dan menikmati-Nya sebelum dosa merosakkannya. Apabila Adam berdosa terhadap Allah, semua telah berubah. Dia tidak berfikir betapa agung dan indahnya Allah tetapi sebaliknya dia berfikir tentang diri sendiri. Dia mulai berfikir betapa indahnya kalau Adam dapat menjadi hebat dan menikmati diri sendiri selama-lamanya." (Williamson 1970)

Beritahu seorang anak bahawa semua aktiviti, permainan yang dilakukannya, penggunaan masa lapang, hobi mereka dan semua kawannya hanya demi memuliakan nama Allah. "Konsep pemuridan Kristian yang sebenarnya ialah melihat seluruh hidup dengan kesedaran bahawa ia harus dihidup demi kemuliaan Allah dan dalam pelayanan demi nama-Nya." ²⁴ (Williamson 2003, 4)

- *Guru-guru dan ibu bapa boleh menggunakan langit dan ciptaan untuk menjelaskan kepentingan memuliakan nama Allah. Langit menceritakan kemuliaan karya tangan-Nya. Tunjukkan anak-anak satu cermin dan berkata, "Ciptaan adalah seperti cermin. Ia mencerminkan kemuliaan Allah." Demikian juga, kita diberikan kesempatan untuk memuliakan Tuhan dalam segala yang kita lakukan. Kita mencerminkan kasih-Nya, kebenaran-Nya dan kebaikan-Nya dalam cara kita belajar, cara kita bersahabat, dan cara kita menjalin persahabatan dengan Allah.*



Allah Dalam Kehidupan Sehari-Harian

- Untuk menolong anak-anak membangun satu iman yang menjangkau lebih daripada yang dangkal sahaja, guru-guru dan ibu bapa perlu melatih anak-anak melihat Allah dalam kehidupan sehari-harian mereka, dan membangunkan konsep lebih besar dalam anak-anak mereka. Mereka perlu disedari bahawa Allah adalah pencipta bumi dan seluruh hidup kita dimiliki-Nya. Seorang anak perlu memahami bahawa seluruh hidup-Nya bersama Allah dan tidak terbatas pada Sekolah Minggu mahupun gereja. Bantulah anak kita melihat bahawa Allah terlibat dalam setiap bahagian kehidupan mereka, dan mereka perlu memuliakan-Nya dalam setiap aspek.

Contoh Cerita Daud

Bagaimana Daud selalu memikirkan Allah sewaktu dia menggembalakan domba-dombanya boleh dijadikan ajaran yang baik. Allah menjadi teman yang nyata dalam setiap bahagian kehidupannya. Berikut adalah satu cerita oleh Marian M. Schoolland.



Hakcipta @ Upstream Publishing





Anak-Anak Tuhan Selalu Memikir Tentang Tuhan (Yesaya 26:3, Pengkhotbah 12:1)

Pernahkah awak mendengar tentang Daud, gembala lelaki. Alkitab memberitahu kita tentang dia yang menjaga domba-domba bapanya.


Daud membawa dombanya jauh dari rumah, untuk mencari rumput yang sangat hijau. Kadangkala dia mengambil mereka ke padang hijau yang terletak antara bukit bukau. Dia menjaga domba-dombanya sepanjang hari. Apabila domba-dombanya dahaga, dia membimbing domba-domba ke air untuk mendapat minuman. Dia selalu menjaga domba-dombanya dengan ketat dan memastikan tidak ada singa atau beruang membunuh domba-dombanya.

Kadangkala apabila domba berehat, Daud mempunyai waktu untuk duduk. Dia akan memainkan lagu dengan kecapinya. Daud mengarang banyak lagu untuk Tuhan. Daud selalu berfikir tentang Allah. Apabila dia memandang bukit-bukau di sekelilingnya, dia mengingat Allah yang menciptanya. Apabila dia melihat bebunga di rumput, dan burung berkicauan, dia teringat akan Tuhan yang menciptanya indah. Pada waktu malam, ketika domba-dombanya tertidur, Daud melihat bintang-bintang. Dia teringat akan keagungan Tuhan, betapa tinggi dan suci.

Daud selalu memikirkan Allah dan dia membesar menjadi lelaki salih yang hebat. Allah sungguh mengasihinya.

Kita perlu memikirkan Tuhan setiap hari bahkan banyak kali dalam sehari. Kalau kita memikirkan Allah ketika kita bermain mahupun bekerja, kita membuat Allah gembira. Kita berusaha menyenangkan hati Allah. Kita mengasihi Juruselamat dalam semua perkara yang kita lakukan. Kita akan membesar sebagai anak lelaki dan anak perempuan Allah.

Kalau kita memikirkan Dia selalu, kita tidak akan mementingkan diri. Dialah Bapa kita, Bapa Syurgawi, dan Dia sangat mengasihi kita. Kalau kita



memikirkan Dia selalu, kita tidak akan menjadi nakal? Kita tidak akan menjadi tidak taat atau merasa takut akan malam.

Orang Kristian harus seringkali memikirkan Allah. Mereka menyanyi puji-pujian apabila teringat betapa Allah mengasihi mereka. Mereka orang Kristian yang gembira. Rasul Paulus juga berkata bahawa "Bagi saya, untuk hidup ialah Kristus." Kasih Allah memenuhi hatinya dan fikirannya, sehingga seluruh hidupnya hanya untuk Tuhan Yesus. Oleh kerana ini, dia dapat bergembira walaupun pada waktu susah. Fikirannya penuh dengan Tuhan Yesus.

Pertanyaan-Pertanyaan:

Apakah hari ini awak memikirkan Tuhan?

Bagaimanakah Paulus hidup bagi Kristus?

Mengapakah memikirkan Allah boleh membuat kita gembira?²⁵ (Scholland 1981,197).

Ketika menghantar anak anda ke sekolah setiap hari, berilah kata-kata yang memberkati mereka seperti "Pergi dengan Tuhan, layani Dia hari ini" atau "Ingat awak milik Tuhan setiap saat ya sayang" atau "Jangan lupa memuliakan Tuhan sewaktu awak belajar." Anda melakukan semua ini supaya mereka ingat siapa yang menjadi pusat kehidupan mereka. Ini menolong mereka menempatkan Tuhan sebagai pusat kehidupan mereka, dan menyedari bahawa mereka milik Allah setiap hari.

Sikap Yang Selalu Bersyukur

Ajar seorang anak menjadi anak Allah yang bahagia dan bersyukur pada waktu senang atau susah. Tabiat ini boleh ditanamkan dalam sanubari seorang anak sejak mereka kecil dan ini menjamin kita membentuk seseorang yang lebih bahagia dan tahu sukacita yang sebenarnya dalam Tuhan.

Sepuluh Pesakit Kusta (Lukas 17:11-19)

Ajar seorang anak menjadi anak Allah yang bahagia dan bersyukur pada waktu senang atau susah. Tabiat ini boleh ditanamkan dalam sanubari seorang anak sejak mereka kecil, ini menjamin kita membentuk seorang anak yang semakin besar dan bersukacita.



Pada suatu hari ketika Tuhan Yesus sedang berjalan di desa, Dia terdengar beberapa orang sedang berseru kepada-Nya. Mereka pesakit kusta yang berdiri agak jauh dan sedang berteriak, "Yesus, Guru, kasihani kami!" (Lukas 12:12). Mereka ini menderita penyakit yang boleh menjangkiti orang lain dengan mudah.

Pada zaman itu pesakit kusta akan mati kerana belum ada ubat bagi penyakit ini.

Tuhan Yesus segera berkata, "Pergilah perlihatkanlah dirimu kepada imam" (Lukas 17:14). Mereka semua disembuhkan. Seorang daripada mereka kembali dan tersungkur di depan kaki Tuhan Yesus lalu mengucapkan syukur. Lalu Yesus berkata, "Bukankah kesepuluh orang tadi semuanya telah menjadi tahir? Di manakah yang sembilan orang itu?" (Lukas 17:17).

Kita mesti bersyukur atas kebaikan dan kasih Tuhan dalam kehidupan kita. Ucaplah syukur atas ibu bapa yang menjaga kita, rumah kita walaupun kecil dan dibuat daripada papan, boneka, baju, kawan-kawan dan makanan kita. Usahalah bersyukur atas beberapa kebaikan Tuhan setiap hari.

Dengarlah contoh ini- adakah anak-anak ini bersyukur selalu? Sewaktu ibu Mina dan Mattia memanggil "Mari kita bersarapan pagi."

"Perlukah saya makan telur mata sapi lagi?" kata Mina

"Kawan saya makan di KFC pagi ini!" sungut Mattias.

Sewaktu mereka keluar dari pintu rumah, Mattias bersungut-sungut, "Bila agaknya ayah akan tukar basikal kita?"

"Tunggu sampai Natal depan, kita tetap hanya boleh berimpian saja," kata Mina.

Adakah sikap mereka betul? Alkitab dalam Mazmur 103:2, "Pujilah TUHAN, hai jiwaku! Pujilah nama-Nya yang kudus, hai segenap batinku!" Kita seharusnya memuji Tuhan atas berkat kita dan bukan bersungut-sungut atas kekurangan kita. "Adalah baik untuk menyanyikan syukur kepada TUHAN, dan untuk menyanyikan mazmur bagi nama-Mu, ya Yang Maha Tinggi" (Mazmur 92:2).

Ucapan Syukur Dalam Keadaan Apapun


Janganlah menggambarkan kepada anak-anak bahawa kehidupan rohani selalu cerah dan tidak pernah ada ujian. Sebagai anak-anak Tuhan, kita berdoa agar Allah selalu memberkati kita dengan pelajaran rohani dan kehadiran-Nya yang berharga pada saat-saat ini. Bangunkan manusia dalaman seorang anak sungguh penting pada zaman yang bergelora dan yang tidak menentu ini.

Duri-Duri Hidup 2 Korintus 12:8-10

Bagaimanakah perasaan kita ketika tertusuk duri atau tertelan tulang ikan? Tentunya sakit. Hidup kita kadangkala dilandai peristiwa yang tidak menyenangkan bahkan menyakitkan bagai tertusuk duri-duri.

Rasul Paulus, misionari hebat yang sungguh mengasihi Allah sering tertusuk duri-duri hidup. Namun, Rasul Paulus tidak meninggalkan Allah; justru dia berkata, "Tentang hal itu aku sudah tiga kali berseru kepada Tuhan, supaya utusan iblis itu mundur daripadaku. Tetapi jawab Tuhan kepadaku: "Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu, sebab justru dalam kelemahanlah kuasa-Ku menjadi sempurna" (2 Korintus 12:8-10). Pada waktu Rasul Paulus merasa lemah justru pada saat-saat itu, dia kuat dalam Allah. Sudah tiga kali dia memohon agar Allah meniadakan durinya tetapi jawapan Allah tetap sama.

Seringkali Rasul Paulus terdedah kepada maut dan masuk ke dalam penjara. Dia telah lima kali menerima empat puluh sebat menolak satu. Tiga kali, kapalnya terkandas dan dia terombang ambing di lautan. Rasul Paulus juga lima kali dipukul dengan rotan, sekali direjam, dan selalu dalam bahaya. Dia terdedah kepada bahaya di sungai, bahaya di kota, bahaya daripada orang kafir, bahaya saudara-saudara seiman yang pandai berpura-pura. Dia bekerja keras dan seringkali kekurangan tidur. Rasul Paulus juga kadangkala kelaparan, kehausan, dingin dan kekurangan pakaian. Semua ini tidak mengecewakan Rasul Paulus kerana justru dalam kelemahan, dia merasa kekuatan Tuhan (2 Korintus 11:24-29).



Ketika Rasul Paulus sudah lanjut usia, dia telah dipenjarakan. Dia berada dalam penjara untuk jangka waktu yang panjang. Raja Rom yang jahat telah mengurungnya dan dia dijaga ketat oleh askar-askar. Namun, pada saat-saat dia berada dalam penjara, dia tetap bergembira dalam hadirat Allah (Filipi 4:4).


Rasul Paulus dipenjarakan kerana dia memberitakan berita baik tentang Tuhan Yesus yang mati bagi dosa kita, dibangkit semula, dan akan datang lagi. Penduduk-penduduk yang tidak suka akan berita tentang Tuhan Yesus ingin dia berdiam sahaja. Mereka menyebarkan dusta sehingga Paulus dilemparkan dalam penjara.

Bagaimanakah sikap rasul Paulus? Adakah dia menangis dalam kesedihan dan menunggu saat maut? Tidak. Dia tetap memberitakan kasih Tuhan kepada penjaga penjara, dan menguatkan iman kawan-kawan yang datang berjumpanya. Dia juga meluangkan waktu menulis surat-surat penting kepada gereja-gereja untuk menguatkan iman mereka.

Dia melihat jauh ke masanya bersama dengan Allah, dan bukan masalah sekarang. Jika dia dijatuhkan hukuman mati, itu bukan satu tragedi baginya kerana dia akan segera bersama dengan Allah.

Sebagai anak Tuhan, kita menjadi semakin kuat dalam Allah di tengah-tengah kesusahan. Kita berbahagia dalam Allah dalam keadaan apapun. Kalau kita ada masalah kerana kepercayaan kita terhadap Tuhan Yesus, kita tahu semua ini menghasilkan kemuliaan bagi Allah. Kita tahu Allah akan memberi kita kekuatan menghadapinya. Penyakit mahupun ancaman tidak mengecewakan hati kita kerana Allah memberi kita kekuatan-Nya.

Rasul Paulus tahu kasih dan belas kasihan Allah tidak pernah berubah dalam keadaan apapun. Dia juga tidak akan berhenti mengasihi Tuhan Yesus dalam keadaan apapun termasuk penderitaan mahupun maut. Dia tahu suatu hari nanti, dia tidak akan menderita lagi di syurga. Dia tahu Allah menyiapkan yang terindah baginya (1 Korintus 2:9). Dia menasihati kita untuk berdiri teguh dan kuat dalam Tuhan Yesus dalam keadaan apapun. "Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya" (Efesus 6:10).



Bagaimana Kalau Saya Berdosa Lagi?

Bagaimana Kalau Anak Tuhan Berdosa? (Roma 6:1-10)

Apabila kita menerima Tuhan Yesus, kita meminta Tuhan Yesus menjadi Juruselamat. Kita mengundang Roh Kudus untuk diam dalam hati kita. Tuhan Yesus akan mengubah hati kita sehingga kita menjadi manusia baru dan rindu menjadi lebih seperti Tuhan Yesus dalam hidup kita. Roh Kudus yang tinggal dalam hati kita juga akan menolong kita untuk menjadi lebih baik. Namun, kadangkala kita masih ingin berbuat sesuatu yang tidak baik.

Kita perlu pertolongan Tuhan Yesus dan Roh Kudus agar kita tidak menurut keinginan dosa tetapi hidup berkenan kepada Tuhan Yesus. Kadangkala iblis ingin kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kebaikan Tuhan. Tuhan Yesus jauh lebih kuat daripada iblis. Iblis sangat takut akan Tuhan Yesus. Kita meminta pertolongan Tuhan Yesus untuk mengusir iblis dan godaannya.

Kalau kita berbuat dosa, mintalah pengampunan daripada Tuhan Yesus dan mohonlah kuasa Roh Kudus agar memberi kuasa untuk hidup bagi Yesus. "Jika kita mengaku dosa kita, maka Dia adalah setia dan adil, sehingga Dia akan mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahatan" (1 Yohanes 1:9). Setelah diampuni, kita belajar berjalan lebih dekat dengan Tuhan dan bertumbuh lagi dalam kasih kita kepada-Nya.

Kita memohon Tuhan untuk menolong kita tinggal dalam-Nya dan terang kasih-Nya. "Jika kita katakan bahawa kita beroleh persekutuan dengan Dia, namun kita hidup dalam kegelapan, kita berdusta dan kita tidak melakukan kebenaran" (1 Yohanes 1:6). Jadi, kalau kita berkata kita sudah bersahabat dengan Tuhan Yesus dan terus melakukan kejahatan, kita sedang berdusta. Kita berpaling daripada kesalahan kita dan berjalan menurut terang kasih-Nya.

Ibadah, Pelekat Hidup Anak-Anak


Ibadah itu pelekat anak-anak kepada Tuhan. Pengajaran kita di Sekolah Minggu dan rumah tidak boleh mengabaikan ibadah, elemen terpenting. Usaha mengajar anak kita beribadah dan menyembah Allah harus dijadikan langkah yang terpenting demi memupuk satu perjalanan yang bermakna dengan Tuhan.

Sofia Cavalletti percaya bahawa kanak-kanak ialah manusia rohaniah dan dapat memahami kenyataan Tuhan yang Maha Tinggi dan juga lebih terbuka kepada Tuhan berbanding dengan orang dewasa. "Apabila kita memberi kanak-kanak kesempatan bertemu dengan Allah, kita tidak memaksakan sesuatu yang pelik atas mereka. Kanak-kanak dilahirkan dengan potensi untuk menghayati pengalaman rohani, dan Allahlah yang merangsang potensi ini. Kita mempunyai kesempatan menjadi rakan kerja dengan Tuhan dengan menolong mereka mencari apa yang dirindui mereka yakni pengalaman bersama dengan Allah."²⁶ (Cavalletti 56, 1983).

Kanak-Kanak dapat menyelami yang suci. Imajinasi mereka jauh melampaui batas orang dewasa.

"Semakin kanak-kanak membesar, semakin mereka memahami perasaan mereka. Kehangatan dalam diri mereka difahami sebagai "kasih." Perasaan mahu meletup sebagai kemarahan. Mereka perlu diberikan kesempatan bersahabat dengan Yang Kudus, dengan konsep bahawa Allah bukan hanya baik tetapi juga Kudus. Kesucian itu satu alam istimewa yang dekat dengan imajinasi ajaib kanak-kanak. Kanak-kanak mendengar cerita dongeng dengan pengertian bahawa hal-hal ajaib memang wujud. Istana-istana, naga-naga, dan kerajaan semuanya isu yang sangat penting dalam cerita...Kekudusan itu merupakan hal yang nyata yang dihargai dalam kehidupan mereka."²⁷ (Wolpe 1993, 5 &6)

Kanak-kanak dapat memahami kerub yang menangisi "Kudus, Kudus, Kudus," dalam penglihatan Yesaya. Mereka boleh melihat takhta syurgawi yang dilihat oleh Yehezkiel. Mata rohani mereka melihat kerub beroda yang penuh dengan mata dan yang bermuka empat: singa, lembu jantan, rajawali dan manusia malahan mereka tertarik dengannya. Mereka menyelami yang Maha Suci dan Maha Agung. Tangga yang menghubungi Yakub dengan syurga itu nyata bagi mereka. Malaikat-malaikat



yang turun dan naik ke syurga seakan-akan dapat dilihatnya. Yunus yang sedang bertaubat dalam dalaman perut ikan tidak terlalu sulit dibayangkan oleh mereka.

Seorang anak menikmati kegembiraan ibadah seperti, "Melalui dia semua malaikat yang tinggi menyanyi pujian-Mu, malaikat-malaikat menurut perintah-Mu, kerub dan seraphim terus memuji kekudusanmu; seluruh makhluk syurgawi mengisytiharkan kekudusanmu; seluruh makhluk syurgawi memuliakan nama-Mu dan bersukacita melakukan kehendak-Mu. Oleh sebab itu, kami berdoa agar suara kami dapat didengar bersama dengan suara mereka dan selalu memuji engkau dan berkata, "Suci, Suci, Suci."²⁸ (Anglican Church 2011, 46)

Contoh Pengajaran Doa Allah Bapa

Luangkan waktu yang lama untuk mengajar seorang anak berdoa dan beribadah kerana itu pelekak hidup. Baca Doa Bapa Kami Di Syurga dalam Matius 6:9-13 dan ajar mereka ertinya. Kesederhanaan bahasa yang digunakan tergantung kepada umur seorang anak.

Bapa Kami Yang Di Syurga (Matius 6:9-13)

Allah Pencipta langit dan bumi ingin bercakap dengan kita sebagai Bapa Syurgawi setiap hari. Dia mendengar kita kalau kita bercakap dengan-Nya seperti kita bercakap dengan ayah kita. Sewaktu Tuhan Yesus berada di dunia, Dia akan bangun awal pagi dan berdoa kepada Bapa-Nya di syurga. Dia memberitahu Bapa-Nya segala yang terjadi dalam hidup-Nya. Kadangkala Dia akan mendaki gunung, bersendirian lalu berdoa. Kadangkala, Dia berdoa sepanjang malam.

Dia sungguh menikmati kehadiran Allah Bapa. Kadangkala Dia berdoa semalam suntuk. Dia mengajar murid-murid-Nya berdoa. Satu contoh ajaran doa-Nya ialah doa "Bapa Kami Di Syurga" (Matius 6:9-13).

Kita tidak perlu khuatir kerana pertolongan kita daripada Bapa di Syurga


(Matius 6:9). "Pertolongan kita adalah dalam nama TUHAN, yang menjadikan langit dan bumi" (Mazmur 124:8). Apabila kita datang kepada Bapa Syurgawi, kita selalu menyadari bahawa Bapa Syurgawi bersemayam di syurga Maha Kudus. Kita memuji kekudusan-Nya dan diselubungi kehadiran-Nya yang Kudus. "Bapa kami yang di syurga, Dikuduskanlah nama-Mu" (Matius 6:9). Pujilah kekudusannya, "Pujilah TUHAN, hai jiwaku! Puji nama-Nya yang kudus, hai segenap batinku!" (Mazmur 103:1)

Kita berdoa agar "Kerajaan Allah" datang dalam kehidupan kita melalui cara kita hidup. Kita memohon kehadiran Allah dalam kehidupan kita supaya kita tidak tumbuk menumbuk dengan kawan atau sering menggunakan perkataan kotor. Kita tidak akan suka berbohong kalau kita dipenuhi kehadiran-Nya yang kudus.

Kita berdoa dan mengundang Tuhan Yesus untuk menjadi Raja dalam takhta hati kita, "Datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu" (Matius 6:10). Kita sudah dipindahkan daripada kerajaan gelap yang dikuasai iblis ke kerajaan Allah yang terang melalui penebusan Yesus Kristus. Kita berdoa agar kerajaan Allah selalu hadir dalam diri kita.

Iblis yang menipu manusia di Taman Eden untuk tidak menurut kehendak Tuhan masih sedang meyakinkan kita untuk hidup di luar kehendak Allah (Kejadian 3:1-7). Kita berdoa agar kehendak Tuhan dipenuhi dalam kehidupan kita di dunia ini. Kita mahu menurut firman-Nya dengan teliti. "Janganlah kamu menambahi apa yang kuperintahkan kepadamu dan janganlah kamu mengurangnya, dengan demikian kamu berpegang pada perintah TUHAN, Allahmu, yang kusampaikan kepadamu" (Ulangan 4:2).

"Berilah kami pada hari ini makanan yang secukupnya" (Matius 6:11). Kita bersyukur atas: hasil bumi, ternakan, perlindungan sehari-hari, rumput yang bertumbuh untuk binatang belaan, tanaman yang berbuah, langit dan air yang menyuburi tanah dan padi" (Ulangan 28:3-7; Mazmur 104:14; Ulangan 28:12).



Kita meminta belas kasihan daripada Tuhan untuk mengampuni orang lain sama seperti rahmat-Nya terhadap kita tidak berkesudahan dan baru setiap pagi (Ratapan 3:22-23). Kita memohon kekuatan untuk mengampuni orang banyak kali (Matius 18:21-35). Kita mengampuni orang yang melukai kita seperti Tuhan Yesus mengampuni orang yang menyalibkan-Nya. "Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat" Lukas 23:34.

Tuhan Yesus memahami ujian yang kita alami. Dia turut merasa segala kelemahan kita kerana Dia pernah diuji iblis tetapi Dia tidak pernah jatuh dalam dosa (Ibrani 4:14-16). Kita datang ke hadirat-Nya dengan kelemahan kita dan meminta pertolongan Tuhan agar kita lebih menyerupai-Nya.

"Kerana Engkaulah yang empunya Kerajaan dan kuasa dan kemuliaan sampai selama-lamanya. Amin" (Matius 6: 13b). Kita bersyukur kepada Tuhan kerana segala sesuatu: cakrawala, syurga, bumi, langit, lautan, kehormatan, keagungan, dan kemuliaan dimiliki oleh Tuhan selama-lamanya.

Contoh 2-Ajaran Tentang Doa



Albrecht Durer-Tangan Berdoa

Berdoa Selalu (Filipi 4:6,7; 15:24; 1 Timotius 2:4; Mazmur 84:11)


Tunjukkan lukisan tangan doa yang dilukis oleh pelukis terkenal Albrecht Durer. Albrecht yang tinggal di Negara Jerman ingin melukis seorang murid Tuhan Yesus sedang berdoa. Dia melatih berkali-kali untuk melukis sepasang tangan sedang berdoa. Dia ingin menunjukkan perasaan murid Tuhan Yesus bukan melalui mukanya tetapi melalui tangannya. Lihat tangan ini dan anda boleh melihat jejarinya kepunyaan seseorang yang bekerja keras.

Jejari ini adalah jejari kawan akrabnya yang juga seorang pelukis yang rela berkorban agar Albrecht dapat melukis tanpa bekerja yang lain. Kawannya merasa Albrecht yang lebih berbakat harus diberi kesempatan melukis. Dia bekerja keras di restoran sehingga tangannya tidak dapat melukis. Albrecht yang merasa sedih masuk ke bilik kawannya dan melihat dia sedang berdoa dengan tangan yang terangkat. Pekerjaan keras telah menyebabkan ototnya kaku dan jejari bengkok namun ini tidak menghalanginya berdoa. Albrecht melukiskan tangan kawannya ini. Inilah tangan orang Kristian yang sungguh mengasihi Tuhan. Dia berdoa walaupun sakit.

Tuhan Maha Kuasa dan Maha Tahu akan mendengar doa kita bahkan menjawab doa kita menurut cara-Nya. Ketika Tuhan Yesus di dunia ini, Dia juga sering berdoa kepada Bapa-Nya di syurga. Kadangkala Dia akan bangun awal pagi untuk berdoa. Kadangkala dia mendaki gunung untuk berdoa sepanjang malam. Allah kita bagai ibu bapa kita yang rindu mendengar suara kita. Kalau kita gembira, kita boleh berdoa. Kalau kita sedih, kita juga boleh berdoa. Tuhan selalu mendengar suara kita.

Kita tidak dapat mendengar suara Tuhan secara lantang tetapi Allah berbisik dalam hati kita melalui Roh Kudus dan firman Tuhan. Ketika kita takut, kita berdoa kerana kita tahu betapa besarnya Allah kita.


Kita berdoa dalam nama Tuhan Yesus kerana kita percaya Dia mati bagi dosa kita. Kita boleh berdoa di gereja, di rumah, di sekolah dan di mana saja. Kita boleh melipat tangan, menutup mata atau membuka mata dan berdoa dalam hati. Kita boleh berlutut dalam doa di tepi katil atau kerusi. Kita perlu sering berdoa seperti kita bernafas kerana doa mendekatkan kita kepada Tuhan. Doa adalah seperti nafas yang kita perlukan setiap saat.



13

Bimbingan Membaca Alkitab

Galakkan anak-anak kecil membaca firman Tuhan lalu bimbing dia membaca satu kitab dalam Alkitab. Ceritakan kepentingan membaca firman Tuhan agar dia menyedari keperluan membacanya sejak kecil. Ajak seorang anak untuk membaca Alkitab bersama-sama anda dari semasa ke semasa selain dari waktu di sekolah minggu.



Ajaran Tentang Kepentingan Membaca Alkitab


Kanak-kanak Malaysia memikul beg berat ke sekolah kerana banyak buku teks. Kita suka membaca buku-buku yang mempunyai cerita menarik dan gambar-gambar berwarna warni. Cerita-cerita Alkitab juga sangat menarik kerana firman Tuhan mengisahkan bagaimana Allah bekerja dalam kehidupan umat-Nya.

Alkitab diilhamkan oleh Tuhan (2 Timotius 3:16). Buku ini dituliskan oleh penulis dari pelbagai latar belakang dan zaman namun mereka ada cerita besar yang sama, kasih dan penyelamatan Tuhan. Tanpa Alkitab, kita tidak akan tahu siapa Allah, siapa kita sebenarnya dan masa depan kita. Kita juga tidak akan tahu bahawa akan ada suatu hari indah bagi kita yang mempercayai-Nya. Tuhan Yesus akan memerintah dalam kemuliaan, dan kita akan bersama-Nya. "Barangsiapa menang, dia akan dikenakan pakaian putih yang demikian; Aku tidak akan menghapus namanya dari kitab kehidupan, melainkan Aku akan mengaku namanya di hadapan Bapa-Ku dan di hadapan malaikat-Nya" (Wahyu 3:5).

Penulisan Alkitab bermula sejak zaman Musa. Musa digunakan untuk Tuhan untuk membebaskan umat-Nya dari Mesir. Dia diilhamkan oleh Tuhan untuk menulis bagaimana Allah mencipta langit dan bumi. Dia menceritakan bagaimana Adam dan Hawa diciptakan dan keindahan Taman Eden, serta bagaimana Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa. Dia juga menulis bagaimana umat Tuhan diselamatkan Tuhan, hukum-hukum Tuhan, cara umat Tuhan beribadah dan perjalanan mereka bersama dengan Tuhan.

Kemudian Tuhan memilih nabi-nabi untuk menyampaikan firman-Nya. Sewaktu Tuhan Yesus berada di dunia, pengikut-pengikut-Nya yang bersama dengan-Nya juga menulis tentang-Nya. Kemudian Rasul Paulus yang bertemu dengan Tuhan Yesus yang bangkit menulis banyak surat dalam Alkitab kepada gereja-gereja.

Yohanes berkata, "Banyak lagi perbuatan ajaib yang dilakukan oleh Yesus di hadapan pengikut-pengikut-Nya tidak tercatat dalam Alkitab ini.



Seberapa yang tercatat di dalam kitab ini adalah supaya kamu percaya bahawa Yesuslah Penyelamat yang dijanjikan itu, iaitu Anak Tuhan. Supaya dengan kepercayaan kamu kepadanya, kamu beroleh kehidupan demi namanya" (Yohanes 20:30-31).

Roh Kudus akan bersabda kepada hati kita melalui firman Tuhan kalau kita membacanya setiap hari. Kita akan mengetahui kehendak Tuhan dalam kehidupan kita. Kita akan mengenal Tuhan yang Maha Penyayang dan belajar menyerupai Tuhan Yesus dalam kehidupan kita. Nabi Yeremia berkata sewaktu kita membaca firman-Nya, kita akan merasa gembira. "Apabila aku bertemu dengan perkataan-perkataan-Mu, maka aku menikmatinya; firman-Mu itu menjadi kegirangan bagiku, dan menjadi kesukaan hatiku, sebab nama-Mu telah diserukan atasku, ya TUHAN, Allah semesta alam" (Yeremia 15:16).

Cara Mengajar Seorang Anak Kecil Membaca Alkitab

Usahakan pembacaan dan perbincangan Alkitab sebagai sebahagian daripada kehidupan seorang anak. Pembacaan Alkitab sejak seorang anak masih kecil, menjamin pintu perbincangannya terbuka ketika mereka menjelang remaja. Pengaruh dan kesannya untuk masa depan seorang anak begitu besar.

Pertama, tetapkan bahagian-bahagian yang anda mahu baca bersama seorang anak. Anda juga akan tetapkan bahagian lain yang perlu dibacanya sendiri. Anda boleh tetapkan waktu untuk berbincang bahagian yang dibacakan sendiri. Penetapan bahagian-bahagian yang akan dibaca oleh seorang anak sangat penting kerana ini akan menolong seorang anak mengembangkan tabiat membaca Alkitab. Tanpa seorang mentor untuk memantau perkembangan anak-anak, mereka mungkin lalai membacanya.

Usaha Membaca Alkitab bersama anakmu memberitahu anakmu bahawa anda mementingkan Alkitab. Gaya hidup yang mementingkan Alkitab meyakinkan anak anda bahawa Alkitab memang penting bagi hidup ini. Ceritakan kepada anak-

anak bahawa Alkitab mengandungi cerita-cerita menarik, cerita lucu, cerita ajaib, dan yang terpenting Alkitab menceritakan perhubungan Allah dengan kita.

Tunjukkan sikap kebergantungan kepada Allah sewaktu meminta makanan rohani. Mulakan pembacaan Alkitab dengan doa permintaan pertolongan daripada Allah agar Dia menyatakan kebenaran-Nya. "Bapa Syurgawi, aku mengangkat tanganku untuk meminta pertolongan memahami firman Tuhan. Tunjukkan kebenaran-Mu, aku akan mempercayainya, dan menurut firmanmu dalam kehidupanku. Saya meminta ini dalam nama Anak-Mu Tuhan Yesus yang mengasihi saya, Gembalaku dan Juruselamatku. Amin."


Sewaktu anak anda masih pra-sekolah, baca kepadanya daripada Alkitab yang berwarna-warni. Alkitab ini mesti mempunyai sedikit perkataan, dan hurufnya mesti besar dan gambarnya jangan rumit. Suruh dia membaca Alkitab apabila dia sudah lebih besar.

Pendekatan Memahami Alkitab

Bagaimanakah penyiasat menyiasat punca sesuatu kejadian? Ya, dia akan mengemukakan soalan-soalan dasar bagi menyiasat kesnya. Dia mengemukakan soalan-soalan seperti: Apa? Bila? Mana? Kenapa? Siapa? Bagaimana? Langkah ini dipanggil observasi.

Langkah kedua ialah memahami maknanya iaitu menginterpretasi fakta yang dikumpulnya. Setelah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, seorang guru berusaha menolong seorang anak memahami maknanya. Kita mesti selalu mengingat bahawa kita bukan sedang mencari nilai-nilai moral melainkan kita sedang menolong seorang anak memupuk perhubungan hidup dengan Tuhan. Penekanannya bukan nilai moral watak yang dibaca tetapi yang ditekankan perhubungannya dengan Tuhan.

Langkah ketiga ialah aplikasi. Apakah erti kebenaran ini kepada aku? Bagaimana kebenaran ini memberi kesan kepada persahabatan saya dengan Tuhan? Bagaimanakah saya menurut firman Tuhan ini dalam kehidupan saya? Setelah anda berbincang beberapa soalan dasar, jelaskan aplikasinya dalam kehidupan anak anda.



Membaca Alkitab dan Melukis

Bagi anak-anak yang suka melukis, galakkan mereka membaca dan melakar. Di samping lukisan yang dilukisnya, dia boleh menuliskan kebenaran yang dipelajarinya. Berilah dia sebuah buku untuk melukis dan menulis apa yang dipelajarinya daripada Firman Allah.

Setelah anda membaca Alkitab, anda juga boleh memainkan filem mengenai Yesus atau watak-watak lain dalam Alkitab daripada CD. Jika anda ada gambar buku-buku atau lukisan yang indah mengenai cerita-cerita dalam Alkitab, anda boleh menggunakannya sewaktu anda membaca dan menjelaskan Alkitab.

Kanak-Kanak Membimbing Kanak-Kanak

Minta kanak-kanak yang lebih besar dan rohani untuk bersama-sama mengajar anak kecil membaca Alkitab. Dengan demikian, kita juga mengajar anak-anak bagaimana membimbing orang lain serta melayani Allah.

Contoh Mengajar Sepuluh Hukum (Keluaran 19:10-25; 20:1-21)

Semua orang yang percaya kepada Tuhan Yesus dimiliki oleh Allah. Saya milik Tuhan, demikian juga, awak dimiliki oleh Tuhan. Menjadi miliki Tuhan bererti kita mengasihi Dia dan hidup menurut perintah-perintah-Nya. Tuhan mengasihi kita dan menetapkan perintah-perintah agar kita tidak menderita akibat dosa kita. Sepuluh Hukum ditetapkan oleh Tuhan agar kita tidak melukai sendiri dengan perbuatan yang tidak bijak. Tuhan sungguh mengasihi kita dan ingin yang terbaik dalam kehidupan kita.


Pada zaman dahulu, umat Tuhan tinggal dalam khemah-khemah di sekitar Gunung Sinai. Musa ialah pemimpin mereka dan suatu hari Tuhan berkata, "Berfirmanlah TUHAN kepada Musa: "Pergilah kepada bangsa itu; suruhlah mereka menguduskan diri pada hari ini dan besok, dan mereka

harus mencuci pakaiannya. Menjelang hari ketiga mereka harus bersiap, sebab pada hari ketiga TUHAN akan turun di depan mata seluruh bangsa itu di gunung Sinai" (Keluaran 19:10-11).

Tuhan akan mengunjungi mereka secara istimewa. "Dan terjadilah pada hari ketiga, pada waktu terbit fajar, ada guruh dan kilat dan awan padat di atas gunung dan bunyi sangkala yang sangat keras, sehingga gemetarlah seluruh bangsa yang ada di perkhemahan" (Keluaran 19:16).

Allah mengucapkan

1. *Jangan ada padamu allah lain di hadapan-Ku.*
2. *Jangan membuat bagimu patung yang menyerupai apapun yang di langit di atas...jangan sujud menyembah kepadanya, atau beribadah kepadanya, sebab Aku, TUHAN, Allahmu, adalah Allah yang cemburu...*
3. *Jangan menyebut nama TUHAN Allahmu, dengan sembarangan, sebab TUHAN akan memandang bersalah orang yang menyebut nama-Nya dengan sembarangan.*
4. *Ingatlah dan kuduskanlah hari Sabat;...*
5. *Hormati ayahmu dan ibumu, supaya lanjut umurmu...*
6. *Jangan membunuh*
7. *Jangan berzina*
8. *Jangan Mencuri*
9. *Jangan mengucapkan saksi dusta tentang sesamamu*
10. *Jangan mengingini rumah sesamamu; jangan mengingini isterinya, atau hambanya laki-laki, atau hambanya perempuan...*



Pertanyaan-Pertanyaan Observasi:

1. Dari gunung manakah Allah memberi Sepuluh Hukum?
2. Apakah yang dilihat oleh orang Israel sewaktu Tuhan datang?
3. Berapa hukumkah yang diberikan oleh Tuhan berkaitan dengan Tuhan dan manusia, dan manusia dengan manusia?

Pertanyaan-Pertanyaan Interpretasi: (Hukum 1)

1. Kenapakah Tuhan memanggil kita menurut hukum-hukum-Nya? (Yohanes 14:15)
2. Kenapakah Tuhan ingin kita menyembah hanya kepada-Nya? (Matius 6:24).
3. Apakah ertinya hanya memiliki satu Allah? (Ulangan 6:4-5)

Applikasi:

1. Selidiki apa yang telah mengambil alih kasih awak terhadap Tuhan.
2. Adakah perkara-perkara yang lain telah mengambil alih Tuhan?

Penekanan Ajaran:

1. Sepuluh Hukum tidak diletakkan untuk mengawal kebebasan kita melainkan TUHAN Allah adalah seperti seorang bapa yang mengasihi anak-anaknya dan meletakkan batas-batas agar mereka tidak melukai diri atau berbuat sesuatu yang mencederakan sesama. Allah Pencipta kita tahu cara yang terbaik untuk menjalin perhubungan sesama manusia.

Contoh 2- Pembacaan Dan Perbincangan Alkitab

Lukas 22:54-62

Pertanyaan-Pertanyaan Observasi


1. Apakah yang dikatakan oleh Petrus ketika Tuhan Yesus ditangkap oleh musuh-musuh-Nya?
2. Mengapakah Petrus berkata demikian?
3. Apakah perasaan Tuhan Yesus pada saat itu?
4. Apakah perasaan Petrus setelah ayam berkokok?

Interpretasi

Petrus menyangkal persahabatannya yang akrab bersama Tuhan Yesus kerana dia terlalu takut. Setelah dia menyedari akan ketakutan dan penyangkalannya, dia menangis dan merasa sedih atas ketidaksetiaannya. Petrus yang sudah menjalin persahabatan akrab dengan Tuhan Yesus tidak bermaksud mengkhianiti-Nya. Namun, setelah peristiwa ini, dia lebih mencintai Tuhan Yesus lagi.

Applikasi-Aplikasi

1. Fikirkan saat sewaktu awak berpura-pura tidak mengenal Tuhan, atau tidak mahu memberitahu tentang kasih-Nya sewaktu kawan-kawan awak menertawakan awak kerana mempercayai Tuhan Yesus yang mati di kayu Salib.
2. Sudahkah awak menyesali akan hal ini dan meminta pengampunan Tuhan?
3. Adakah awak meminta Tuhan untuk menolong awak bercakap tentang Dia yang mati di Kayu Salib dan bangkit semula tanpa perasaan malu?



Contoh 3 -Pembacaan Dan Perbincangan Alkitab

Kisah Para Rasul 7:54-60, Matius 5:11

Pertanyaan-pertanyaan Observasi

1. Patutkah Stefanus dilempari dengan batu?
2. Adakah dia melakukan sesuatu kesalahan?
3. Apakah yang dilihat oleh Stefanus sehingga dia begitu gembira?


Interpretasi

Kita tidak akan berhenti menceritakan tentang Tuhan Yesus sekalipun kita dianiayai. Semua anak Tuhan akan menderita kerana orang yang tidak suka akan Tuhan Yesus juga tidak suka akan kita. Anak-anak Tuhan yang mengasihi Tuhan tidak menyesal bahkan merasa bahagia kerana dianggap layak menderita demi Tuhan.

“Berbahagialah kamu, jika kerana Aku kamu dicela dan dianiaya dan kepadamu difitnahkan segala yang jahat” (Matius 5:11).

Applikasi: Semua anak Tuhan akan menderita khususnya ketika menghadapi orang yang tidak suka akan Tuhan Yesus. Sesetengah orang akan menertawakan kita. Anak-anak Tuhan tertentu yang berada di negara lain banyak menderita namun mereka menganggap diri mereka layak menderita bagi Tuhan.

Contoh Pembacaan Dan Perbincangan Yunus



Hakcipta @ Upstream Publishing

Tetapkan tujuan pengajaran sewaktu membaca Yunus kepada seorang anak. Kemukakan pertanyaan-pertanyaan yang sesuai dengan tema. Contohnya kalau guru atau ibu bapa ingin mengajar anak menyedari bahawa Allah memang Maha Tahu, soalan-soalan yang dikemukakan mesti terarah kepada temanya.

1. *Adakah Allah tahu Yunus sedang berlari ke arah berlainan daripada yang dikehendaki Allah?*
2. *Sewaktu Yunus sedang berdoa dalam perut ikan, adakah Allah mendengar doanya?*
3. *Apakah yang terjadi setelah Yunus berdoa?*
4. *Adakah Allah akan mengetahui kalau kita berdoa dan menangis dalam bilik sendiri?*

Mengajar Anak-Anak Renungan Harian

Kalau anak anda lebih besar, suruh mereka membuat satu buku skrap. Berikan anak anda kitab tertentu untuk renungan. Galakkan anak-anaknya menghiasi kulit buku mahupun kandungannya demi memberi inspirasi. Anak-anak kecil boleh menulis dan melukis sambil membaca.

Peranan kepemimpinan guru dalam hal menolong anak-anak membuat renungan sangat penting. Tolong anak-anak kecil merancang renungan daripada kitab tertentu. Sediakan pertanyaan-pertanyaan penting. Ajak mereka merenungi aplikasi kebenaran itu dengan kehidupannya.

Kalau anda sedang mengadakan renungan keluarga, mulakannya dengan nyanyian. Anak anda boleh memimpin lagu-lagunya. Anda boleh membimbing keluarga anda dalam renungan. Kadangkala galakkan anak-anak untuk membawa renungan bagi keluarga. Mereka belajar melayani Tuhan sejak kecil.

Contoh Renungan Dan Pertanyaan-Pertanyaan

Mengenali Tuhan Yesus

Hari 1

Tuhan Yesus Berkuasa Mengampuni

Renungan: Markus 2:1-12


- a. Apakah yang diharapkan oleh keempat-empat kawan pesakit lumpuh ini ketika mereka membawa orang lumpuh itu? (ayat 3-5)
- b. Apakah respon orang-orang di rumah itu ketika Tuhan Yesus mengatakan Dia mengampuni dosa yang lumpuh itu? (ayat 5)
- c. Manakah yang lebih penting penyembuhan rohani iaitu pengampunan dosa atau penyembuhan jasmani? Mengapa? (ayat 9)
- d. Apakah tujuan penyembuhan orang yang lumpuh ini di khalayak orang ramai? (ayat 10)

Hari 2

Tuhan Yesus Mengasihi Pendosa

Pada suatu hari Tuhan Yesus sedang bersandar pada meja sambil makan, seorang wanita yang dianggap perempuan berdosa masuk ke dalam rumah itu. Dia menangis-nangis di kaki Tuhan Yesus lalu menyeka kaki Tuhan Yesus dengan rambutnya. Simon seorang Farisi berbisik dalam hatinya, "Jika Dia nabi, tentu Dia tahu, siapakah dan orang apakah perempuan yang menjamah-Nya ini; tentu Dia tahu perempuan ini adalah seorang berdosa" (Lukas 7:39).

1. Apakah perbezaan sikap antara orang Farisi dan Tuhan Yesus terhadap orang yang berdosa?



2. Apakah perbezaan sikap perempuan yang berdosa berbanding dengan Simon?
3. Adakah awak sungguh mengasihi dan bersyukur kepada Tuhan Yesus kerana dosa awak telah diampuni?
4. Karangkan satu doa untuk mencurahkan cinta kasih awak kepada Tuhan Yesus yang mengampuni dosa awak.



Mutiara Berharga

Hari 3

Kerajaan Allah Seperti Harta Terpedam dan Mutiara Berharga

Renungan: Matius 13:44-46



Pada zaman Tuhan Yesus, kadangkala penduduk akan menemukan harta benda yang terkubur milik keluarga kaya zaman dahulu sewaktu mengali-gali tanah. Jika seseorang menganggar harta itu cukup lumayan, dia akan menjualkan semua harta benda untuk membeli ladang itu kerana dalamnya terpendam harta mahal. Demikian juga seorang pedagang akan menjual semua untuk membeli mutiara yang berharga.

1. Tuhan Yesus menceritakan perumpamaan ini untuk menggambarkan seseorang yang rela memberi nyawanya demi sesuatu yang amat berharga. Siapakah yang diibaratkan-Nya? (2 Korintus 5:19; 1 Yohanes 2:2; 1 Korintus 6:20).
2. Bagaimanakah awak akan bertindak setelah mengetahui bahawa awak adalah mutiara yang berharga itu? Renungkan kesannya atas kehidupan anda.
3. Karangkan satu doa setelah merenungi hal ini.

14

Bimbingan Masa Depan



Kedatangan Tuhan Yesus perlu diajar kepada kanak-kanak agar mereka tahu masa depan orang yang beriman. Ceritakan tentang tuaian yang akan datang pada akhir zaman dan implikasi-implikasinya bagi anak-anak Allah. Anak-anak hidup dalam zaman yang bergelora dan masa depan orang iman perlu diajar kepada seorang anak demi meneguhkan pengharapan mereka.

Selain itu, anak-anak perlu mengetahui bagaimana mereka dapat melayani Tuhan sejak kecil. Pelayanan bukan hanya diberikan kepada orang dewasa tetapi juga kepada anak-anak kecil. Daud, Samuel dan Timotius melayani Tuhan sejak kecil lagi, dan mendatangkan kemenangan dalam kerajaan Allah.

Hari Tuaian- Kedatangan Tuhan Yesus

Pernakah anak-anak pergi ke ladang dan menanam padi atau sayur-sayuran? Pada suatu hari Tuhan Yesus menceritakan tentang seorang petani ke ladangnya untuk menyemai padi. Apabila dia sudah menabur benihnya, dia pun pergi dari ladangnya. Musuhnya yang jahat pun datang dan menabur benih lalang kerana dia ingin mencekik semua tumbuhan petani itu.

Setelah beberapa jangka waktu, tumbuh-tumbuhan benih yang bagus itu pun bertumbuh tetapi lalang pun bersaing untuk bertumbuh. Pekerja-pekerja petani itu ke ladang untuk melihat tanaman. Mereka terkejut apabila melihat banyak lalang yang bertumbuhan di samping padi.


Mereka pun bertanya kepada petani itu, "Bukankah awak menanam benih yang baik?"

"Ya memang saya menabur benih yang baik tetapi musuh datang menabur lagi benih yang buruk."

"Kalau begitu, mari kita mencabut lalang yang tidak baik itu!" kata orang-orangnya.

"Jangan! Biar lalang dan tanaman bertumbuh bersama-sama kerana kalau awak mencabutnya sekarang, mungkin tumbuhan yang baik akan tercabut. Kita akan mencabut lalang itu hanya pada waktu tuaian dan mencampakkan lalang-lalang ini ke dalam api."

Tuhan Yesus mengibaratkan ladang sebagai dunia ini dan benih yang baik ialah anak-anak Tuhan. Iblis menabur benih-benih yang jahat sehingga benih yang baik dan benih yang jahat bertumbuh bersama-sama.



Anak-anak Tuhan hidup dalam dunia ini bersama-sama benih-benih yang ditaburi iblis iaitu mereka yang hidup berdosa. Kita masih hidup di tengah-tengah orang yang suka menipu, meragut beg, membunuh dan berbohong. Menjelang akhir dunia, kejahatan semakin memuncak. Pada hari kedatangan Anak Manusia, malaikat-malaikat-Nya akan menuai mereka yang hidup berkenan kepada Tuhan dan melemparkan benih-benih iblis ke dalam api.


Apabila Tuhan Yesus datang, mereka yang hidup dalam kejahatan dan dosa akan menyesal. Tuhan akan mengutus mereka ke tempat yang seksa bersama dengan iblis. Mereka yang mengasihi-Nya akan bersama dengan Yesus ke tempat baru yang menggembirakan dan diberi tubuh baru untuk syurga.

Anak-anak Allah harus hidup berkenan kepada Allah dan selalu menantikan kepulangan-Nya. Lampu kita mesti selalu menyala dan berminyak yakni kehidupan kita harus selalu menurut bimbingan-Nya. Allah akan datang ke dunia ini dengan satu sorak sorai dan mengangkat kita bersama-Nya (1 Tesalonika 4:16-17).

Melayani Sejak Kecil




Hakcipta @ Upstream Publishing



Bentuklah seorang anak yang aktif melayani Tuhan setelah mereka mempercayai Tuhan. Keimaman orang yang percaya juga bahagian kanak-kanak. Mulakan seorang anak seawal mungkin dalam pelayanan dan galakkan mereka menjadi penyumbang pelayanan yang berkesan.


Dr. Jesudason Jeyaraj, pakar pendidikan memang tepat dalam observasinya, "Keimaman semua orang yang percaya termasuk kanak-kanak juga. Kanak-kanak bukan hanya penyembah tetapi mereka juga mesti menjadi sebahagian daripada pelayan Allah. Fikiran semasa ialah Allah hanya memilih orang dewasa untuk pelayanannya. Kanak-kanak perlu menunggu sehingga mereka menjadi orang dewasa untuk melayani Tuhan. Sehingga kini, kita hanya membiarkan anak-anak kita menerima ajaran dari gereja dan sekolah minggu. Kita memperlakukan mereka sebagai pelanggan-pelanggan bukan penyumbang. Tetapi Allah telah memilih Samuel dan mewahyukan firman-Nya kepadanya. Eli, imam yang lebih tua tidak mendapat wahyu ilahi. Allah menggunakan Samuel pada waktu dia masih seorang anak demi membuka mata Eli serta memanggil dia untuk melayani di Shiloh. Tuhan menggunakan seorang anak yang muda untuk mencabar Goliath, pahlawan orang Filistin (1 Samuel 17:31-34). Daud diremehkan dan dicaci kerana dia terlalu muda untuk mencabar Goliath. Lagi pula, penggunaan "tali pelontar batu" untuk mengusir serigala dari mengancam kawanan dombanya dianggap sebagai alat kekanakan tetapi ia telah menewaskan Goliath yang mengutuk nama Tuhan Israel yang hidup. Kedua-dua Samuel and Daud mempunyai semangat bagi Allah dan komitmen untuk memuliakan nama-Nya. Mereka memuji Allah dan membimbing yang lain untuk memuji Tuhan melalui tindakan mereka." ²⁶ (Jeyaraj 2009, 8).



Contoh Mengajar Anak Untuk Melayani



Hakcipta @ Upstream Publishing



Penjala Manusia (Matius 4:18-22)

Mentari bersinar terang. Simon dan Andrew mencampakkan jala ke lautan biru dengan harapan mereka akan mendapat tangkapan yang baik. Perahu mereka di Galilee dinaiki setiap hari dan mereka sudah biasa kerja keras, mengayuh melawan ombak untuk mencari ikan.

Pada hari ini suatu hal istimewa terjadi. Suara yang mesra dan yang dikasihi mereka, berseru kepada mereka, "Simon!" "Andrew!" Mereka menduga Tuhan Yesus akan pergi dengan mereka ke lautan untuk menjala ikan.

Tetapi Tuhan Yesus berkata kepada mereka, "Mari, ikutlah Aku, dan kamu akan Kujadikan kalian penjala manusia."

Apa? Menjala manusia? Menjala ikan mereka tahulah sejak kecil lagi tetapi menjala manusia, mereka belum tahu.

Mereka pergi dari sana dan mereka bertemu dengan Yakobus dan Yohanes yang sedang memperbaiki jala. Mereka meninggalkan perahu dan segera mengikut Tuhan Yesus. Mereka melihat bagaimana Tuhan Yesus mengajar, menyembuh manusia, mengusir iblis, menghadapi pendosa. Sebenarnya, mereka sedang belajar menjadi penjala manusia. Mereka sedang memenangi hati manusia untuk Allah.

Tuhan Yesus menyiapkan mereka untuk memberitakan tentang Diri-Nya, penyelamatan-Nya, kebangkitan-Nya serta rahsia Kerajaan Allah kepada manusia lain. Sebelum Tuhan Yesus kembali ke syurga, Dia memberi perintah yang penting, "Pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku."

Begitu banyak anak-anak kecil tidak mengenal Tuhan, kita diminta untuk menceritakan Juruselamat kita kepada mereka. Roh Kudus akan menolong kita mencerita tentang Tuhan Yesus yang mati bagi dosa manusia, dan yang bangkit semula. Dia Allah hidup yang akan kembali suatu hari sebagai Raja di atas segala raja. Anak-anak lain memerlukan Tuhan Yesus dalam hidup mereka.

Sesetengah anak pandai bermain piano dan violin bagi Tuhan serta mengarang lagu yang merdu. Yang lain belajar menghibur orang yang sedih. Setiap orang boleh melakukan sesuatu yang istimewa bagi Tuhan. Tuhan telah memberi kita bakat untuk melayani-Nya dan memenangi hati anak-anak lain kepada Tuhan. Kita semua penjala manusia bagi Tuhan Yesus.

Contoh 2 -Mengajar Anak-Anak Melayani


Alkitab memuat beberapa cerita tentang orang-orang yang melayani Tuhan dan menggunakan bakat mereka bagi Tuhan. Setiap mereka memiliki bakat yang istimewa. Tuhan Yesus juga memberi setiap anak-Nya bakat untuk melayani-Nya dan bukan hanya untuk memenuhi kepuasan dan kepentingan sendiri.

Daud Melayani Dengan Muzik (1 Samuel 16:17-23)

Daud bekerja sebagai gembala. Dia selalu memuji Tuhan dan mencipta lagu-lagu bagi Tuhan tentang kebaikan-Nya. Tuhan telah banyak menolong dia ketika dia menjaga domba-dombanya daripada binatang-binatang liar. Allah juga mencukupi segala keperluannya seperti dia mencukupi keperluan domba-dombanya.

Raja Saul sungguh sedih pada waktu itu dan mukanya selalu cemberut seperti betik. Kawan-kawannya memberitahu dia tentang Daud. Dia meminta Daud untuk memainkan kecapi. Daud datang ke istana raja dan membuat semua orang gembira dengan muziknya. Raja Saul berkata dia ingin Daud memainkan lebih banyak lagu demi mendamaikan gelora hatinya. Namun, yang terpenting ialah Daud bukan sahaja menghibur hati manusia tetapi dia juga memuji Allah dan mengarang banyak lagu bagi kita dalam Mazmur sehingga kita merasa dekat dengan Allah.

Anak-anak tertentu mungkin diberi kepandaian menghibur hati orang yang sedih dan berdoa bersama mereka. Kita boleh menghibur kawan-kawan yang



sakit, berdoa untuk mereka, dan memberi mereka pengharapan. Kita boleh mencipta lagu dan sajak untuk menghibur hati orang lain.

Yeremia (Yeremia 36:4)

Raja tidak membenarkan Yeremia menyampaikan Firman Tuhan kepada umat Tuhan. Yeremia berusaha menyampaikan Firman Tuhan kepada umat Tuhan. Dia menyuruh Barukh menulis dalam satu gulungan skrol. Kemudian skrol ini dibaca di Bait Tuhan. Yeremia berusaha melayani Tuhan sekalipun keadaannya bahaya dan dia berjaya menyampaikan firman Tuhan. Tanpa mengira keadaan sulit, Yeremia mencari jalan untuk menyampaikan firman Tuhan. Dia pernah dipukul dan ditolak dalam perigi namun ini tidak menghampakan perasaannya.

Anak-anak boleh melayani Tuhan tanpa merasa takut akan orang lain. Guru-guru di sekolah mungkin bukan orang Kristian tetapi kita tidak perlu takut akan mereka. Kita tahu Tuhan yang kita layani jauh lebih penting dan berkuasa daripada mereka. Kita juga hanya akan menyanjung nama Tuhan Yesus dan berdoa kepada-Nya sahaja. Kita tetap akan berdiri teguh dan melayani Allah kita tanpa rasa takut.

Lukas (Lukas 1:3-4)

Lukas bekerja sebagai doktor namun dia bukan doktor yang biasa-biasa tetapi doktor yang banyak melayani Tuhan. Sewaktu dia pergi ke mana-mana untuk mengubati pesakit, dia akan memberitakan tentang Yesus. Baginya, semua ini masih tidak cukup, dia mencatat kisah tentang Yesus agar orang lain dapat mengetahui cerita Tuhan Yesus dengan baik. Cerita yang dituliskan dipanggil Injil.


Suatu hari nanti, kita mungkin menjadi doktor atau pengurus syarikat. Ini tidak bererti kita tidak boleh melayani Tuhan. Kita tetap boleh mengajar orang lain tentang Tuhan dan menolong orang lain mengaji firman Tuhan. Kalau Tuhan memanggil kita menjadi misionari, kita akan mendengar tetapi kalau Tuhan menyuruh kita menjadi guru, kita tetap melayani-Nya.

Pada zaman dahulu di Negara Belanda pernah hidup seorang lelaki yang bernama Anton van Leeuwenhoek. Pada sebelah hari, dia bekerja sebagai pencuci tandas tetapi pada waktu malam, dia akan membuat pengkajian. Dia akan melihat kanta (mikroskop) yang sederhana. Dia dapat melihat melihat corak-corak kayu dengan baik, benih-benih, bahkan sayap serangga dengan teliti. "Hanya Allah, Pencipta dapat menciptakan semua ini," berbisik dia kepada diri sendiri. "Sungguh Pencipta segala yang hebat." Anton berusaha membuat kanta yang lebih baik supaya dia dapat melihat dengan teliti. Suatu hari dia sedang memerhati setitis air hujan. "Wah, begitu banyak makhluk-makhluk kecil yang sedang berenang di dalamnya!"

"Benarkah ini, ada makhluk sekecil ini? Dia membersihkan kanta dan melihat lagi, "Betul!" Dia memanggilnya "beasties" yang pada hari ini kita panggil microbes. Penemuan Anton van Leeuwenhoek memperbolehkan ahli sains lain mengkaji microbes yang menyebabkan orang jatuh sakit lalu mencari ubat penawarnya.

Leeuwenhoek selalu memuji Allah yang telah memberi dia mata, minda, dan tangan untuk mengkaji makhluk-makhluk kecil ini. Dengan bakat dan kerajinannya, dia telah melayani Allah dengan menemukan satu penemuan yang luarbiasa.

*Microbes-jenis kuman yang menyebabkan penyakit dan peragian; kuman



Pengajaran Tentang Kejatuhan Manusia

Objektif: Menjelaskan kejatuhan manusia yang pertama dan penyelamatan dalam Yesus Kristus

Nas Alkitab: Kejadian 3, Yohanes 3:16

Objek: Lapan piring kertas dan pensel pewarna atau krayon

Allah menciptakan Adam dan Hawa dan menempatkan mereka di Taman Eden yang sungguh indah, dan mereka selalu bercakap dengan Allah. Persahabatan mereka dengan Allah sungguh akrab dan baik.

Tunjukkan dua piring kertas, satu piring menggambarkan wajah Hawa yang gembira dan satu lagi Adam yang gembira. Anak-anak, lihat muka mereka yang gembira. Mereka sungguh gembira kerana mereka selalu berjalan-jalan dan bercakap dengan Tuhan.

Tunjukkan satu piring yang menggambarkan ular. Ular tidak gembira kerana manusia dan Allah begitu dekat. Dia ingin manusia dan Allah hidup terpisah dan bermusuhan dengan Allah. Dia memikirkan satu penipuan untuk menjatuhkan mereka. Iblis tahu bahawa Allah pernah memberitahu Adam dan Hawa bahawa mereka boleh memakan semua buah dan sayur di Taman Eden kecuali buah daripada pokok pengetahuan baik dan buruk. Adam dan Hawa sudah bersetuju untuk mendengar Allah dan menurut perintahnya.

Ular tidak mahu Adam dan Hawa merasa gembira selalu. Tunjukkan dua piring yang mempunyai wajah Adam dan Hawa yang gembira.

Tunjukkan piring yang menggambarkan iblis. Iblis memujuk Hawa untuk memakan buah daripada pokok pengetahuan baik dan jahat. Hawa mengambil buah itu dan memakannya lalu memberinya kepada Hawa. Tunjukkan satu piring yang menunjukkan buah larangan (epal).

Setelah memakan buah larangan ini, mereka berdua menjadi sangat sedih. Tunjukkan dua piring yang melukiskan wajah Adam dan Hawa dengan wajah yang sedih. Mereka sedih kerana berbuat salah dan mereka berusaha mengelakkan diri mereka daripada Allah.

Allah tetap mengasihi mereka walaupun dia tidak membenarkan mereka tinggal di Taman Eden. Namun, Dia mengasihi mereka dan menjanjikan seorang Penyelamat. Dia berjanji akan menghantar anak-Nya, Tuhan Yesus untuk mati di kayu salib bagi dosa kita. Tuhan Yesus tidak melakukan apa-apa kesalahan tetapi Dia mati bagi kita. Darahnya dapat menyucikan dosa atau kejahatan kita. Tunjukkan piring yang menggambarkan kayu salib yang berwarna merah.


Pada hari yang ketiga, Dia hidup kembali dan kemudian naik ke syurga. Tuhan Yesus menunjukkan diri-Nya setelah kematian-Nya, dan dengan banyak tanda, Dia membuktikan Dia hidup. Selama empat puluh hari, Dia menampakkan diri berkali-kali (Kisah Para Rasul 1:3).

Anak-anak, Allah begitu mengasihi manusia yang berdosa sehingga dia memberi Anak-Nya yang tunggal (Yohanes 3:16). Ajak anak untuk berdoa, "Tuhan Yesus, saya tahu saya melakukan banyak kesalahan dan saya meminta Tuhan Yesus mengampuni dosa saya. Terima kasih kerana Engkau mati bagi dosa saya dan memberi saya kehidupan kekal. Datanglah dan tinggal dalam hati aku kerana aku mahu menjadi anak-Mu. Saya berdoa dalam nama Tuhan Yesus Kristus. Amin."

















Kesimpulan

Amos R. Wells dalam ceritanya tentang "The Teacher's Dream" mengisahkan mimpi seorang guru sekolah minggu. Mimpi? Siapa tidak ada mimpi ya? Guru-guru kadangkala bermimpi buruklah. Wahai guru, mimpi ini ada Tuhan Yesus dalamnya. Dia sedang berdiri di depan guru ini dengan tangan terhulur dan mata yang berbahasa seribu kata.

"Di manakah jiwa-jiwa anak-anak Saya?" tanya Tuhan Yesus kepada guru itu.

"Ini tubuh mereka," kata guru. "Mereka sering datang tepat waktu."

Tuhan Yesus mengambil tubuh mereka, dan tanpa disangka tubuh-tubuh itu berubah menjadi debu!

"Mana jiwa-jiwa anak-anak Saya?" tanya Tuhan Yesus lagi.

"Ini tingkah laku mereka," kata guru itu dengan suara bergetaran. "Mereka tidak banyak berbising dalam kelas, sangat menghormati guru, bahkan mereka mendengar dengan teliti. Sungguh, mereka ini anak-anak yang bersopan santun."

Tuhan Yesus mengambil sopan santun mereka dan semuanya berubah menjadi debu.

"Mana jiwa-jiwa anak-anak saya?" tanya Tuhan Yesus lagi.

"Ini otak mereka," jawab guru itu. "Mereka boleh menyebut semua kitab dalam Alkitab; mereka akan memberitahu Engkau nama-nama raja-raja Ibrani, mereka juga tahu tujuh puluh tujuh peristiwa penting dalam kehidupan-Mu di dunia ini, dan mereka sudah menghafal Khutbah di Bukit dari permulaan hingga akhir. Betul, mereka ini sarjanalah!"

Tuhan Yesus mengambil otak-otak mereka, dan dalam sekelip mata, otak-otak ini menjadi wap dan angin melenyapkannya.

“Di mana jiwa-jiwa anak-anak saya?” ujar Tuhan Yesus dengan kerinduan yang sedih.

Guru ini tercengkam kesedihan lalu berseru. “Ya!” dia menangis. “Saya telah banyak mengajar anak-anak saya; tetapi semuanya sia-sia, kerana saya tidak melakukan yang perlu. Walaupun saya menggunakan banyak kaedah, saya lupa akan satunya tujuan, dan peluang ini hanya akan diberikan kepada saya dalam mimpi untuk bermimpi lagi.” 26 (Missionary Tidings, 1917)

Ibu bapa dan guru-guru, walaupun pengajaran kita mungkin beraneka pendekatan tetapi kita hanya mempunyai satu tujuan. Tujuannya ialah membawa domba-domba kecil kita kepada Sang Gembala dan mengenal penyelamatan-Nya serta menolong mereka menjalin perhubungan yang hidup bersama Tuhan. Ajaran-ajaran kita bukan hanya menyampaikan ajaran-ajaran moral tetapi ajaran kita membawa seorang anak tahu bagaimana berjalan dan hidup bersama Allah Bapa, Tuhan Yesus, dan dipenuhi Roh Kudus selalu.



Bibliografi

1. Eager, George B, 1979. Winning Children to Christ. Valdosta:Mailbox Club.
2. Doherty, Sam. 1986. The Biblical Basis of Child Evangelism. Switzerland: Child Evangelism Fellowship.
3. Hayes, Edward L. 1975. Evangelism of Children Hayes in Childhood Education in the Church. Editors, Roy B. Zuck & Robert E. Clark. Chicago: Moody Press.
4. Hayford, Jack w. 2002. Blessing your Children: How You Can Love the Kids in Your Life. Ventura, California: Regal.
5. Barna, George. 2003. Transforming Children into Spiritual Champions. Ventura, California:Regal.
6. Smith, Daniel H. 1995. How to Lead A Child to Christ. Chicago:Moody Publishers.
7. Reid, Alvin 1998. Introduction to Evangelism. Tennessee: Broadman and Holman Publishers.
8. Williamson, C.I. The Westminster Shorter Catechism. New Jersey: PR Publishing.
9. Newman, Randy. 2004. Questioning Evangelism. Grand Rapids: Kregel Public Publications.
10. Sam, Dr. Doherty. 2011. U can Know God's Plan for Children. Ireland: CEF.
11. Ibid
12. Dobson, James 2001. Bringing Up Boys. Wheaton: Tyndale.
13. Staal, David 2005. Leading Kids to Jesus. Michigan:Zondervan.
14. Francis, Schaffer. A Speech at European Child Evangelism Fellowship.
15. CEF 2008, More Gospel at Your Fingertips.
16. Smellie, Alexander. Evan Hopkins. London: Marshall Bros.
17. Kennedy, D. James. 1996. Evangelism Explosion. Illinois: Tyndale House Publishers.
18. Orlando, Costas. 2008. Evangelism and the Gospel of Salvation in the Study of Evangelism. Editors: Paul W. Chilcote and Lacey C. Warner. Michigan: Eerdmans.
19. Orlando, Costas. 1973. "Hacia una evangelization" in Hacia una teologia de la evangelizacion. Buenos: La Aurora.
20. Hull, Bill. 2007. Disciple-Making Pastor. Grand Rapids: Baker Books.
21. Stonehouse, Catherine. 1998. Joining Children on the Spiritual Journey. Michigan:Baker Academic.



22. Keeley, Robert J. 2008. Growing in Faith. Michigan: Baker Books.
23. Ibid
24. Ibid
25. Schoolland, Marian M. 1981. Leading Little Ones to God. Edinburg: Banner of Truth Trust.
26. Missionary Tidings, 1917.
27. Cavalletti, Sofia. 1983. The Religious Potential of the Child: The Description of an Experience with Children from Ages Three to Six. New York: Paulist Press.
28. Wolpe, J. David. 1993. Teaching Your Children About God: A Modern Jewish Approach. New York: Harper Collins.
29. Anglican Church. 2011. The Province of Anglican Church in South East Asia Service Book.
30. Jesudason, Jeyaraj. 2009. Biblical Perspectives on Children and their Protection in Child at Risk. Editors: Jeyaraj Jesudason, Chris Gnanankan, Thomas Swaoop, Prasa Phillips. Bangalore: Christian Forum for Children Development.

